

DOKUMEN INI BELUM DISEMAK

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 20 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan sedar bahawa kemahiran membaca jawi amat berkurangan di kalangan generasi muda. Apakah usaha yang telah dijalankan bagi mensyaratkan penggunaan tulisan jawi secara moden dengan menggunakan komputer dan digital sebagai langkah terbaik seiring dengan teknologi maklumat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucap ribuan terima kasih pada hari ini kerana saya dapat menjawab soalan bagi pihak Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan menyedari bahawa kemahiran membaca jawi masih berkurangan di kalangan generasi muda. Sehubungan itu beberapa usaha telah dilakukan dari masa ke semasa untuk meningkatkan penguasaan generasi muda terhadap kemahiran jawi. Antaranya ialah:

- (i) mewajibkan pelajaran Jawi diikuti oleh semua murid Islam dari tahun satu hingga tahun enam sekolah rendah;
- (ii) pelajaran Jawi juga diperkukuhkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah;
- (iii) amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam digalakkan mengguna tulisan jawi; dan
- (iv) memperbanyakkan aktiviti serta latihan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam tulisan jawi.

Kita juga di Kementerian Pendidikan mempunyai cadangan untuk memperkenalkan pengajaran jawi menggunakan komputer melalui perisian aplikasi jawi.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sebagaimana yang kita maklum bahawa orang Melayu ini dahulunya dikenali sebagai orang Jawi oleh orang Arab. Ini kerana tulisan jawi hampir menyerupai tulisan Arab ataupun tulisan Al-Quran itu sendiri, oleh kerana kurang penekanan pada pelajaran Jawi di sekolah termasuk di sekolah rendah.

Sebagai contoh, di sekolah rendah hanya satu waktu dalam bahasa Melayu dan juga dalam bahasa agama dalam agama Islam, maka menggalakkan – perkataan ‘menggalakkan’ ini kurang memberikan penekanan sebenarnya. Sepatutnya kita meminta supaya peperiksaan dalam agama itu dimestikan dalam jawi. Kurang berkesannya pendidikan jawi ini telah menyebabkan anak-anak kita sekarang lemah dalam Al-Quran, oleh kerana itu terdapat kitab-kitab sekarang, di Kuala Lumpur pun boleh kita lihat bahawa Yasin pun sekarang sudah ada dalam rumi dan ini sebenarnya tidak kena dari segi sebutan, dari segi bahasa Al-Quran itu sendiri. Oleh itu kita berharap supaya jawi ini diberikan lebih penekanan dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di akhir-akhir ini telah mengenalkan bahasa Arab di sekolah rendah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Datuk Haji Karim bin Ghani: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya masa sekolah dahulu, kita ada hendak menggalakkan Bahasa Kebangsaan ada Bulan Bahasa.

Jadi, kalau sekiranya pihak kementerian menyedari hakikat bahawasanya fenomena tulisan jawi ini sudah pun merosot di kalangan murid-murid, bolehkah tidak pihak kerajaan mengadakan peraduan menulis dan membaca jawi seperti yang kita buat dahulu dengan Bahasa Kebangsaan dan juga pada masa yang sama, menekankan penulisan jawi di iklan-iklan ataupun nama-nama jalan menerusi Kuasa Tempatan atau bandar-bandar menggunakan bahasa Jawi kerana saya amat bersetuju dengan saudara saya tadi, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bahawasanya jawi itu ada interpretasi secara sejarah dengan bangsa di daerah kita ini.

Jadi, kita gunakanlah bahasa Jawi untuk dipamerkan di setiap pelosok negara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Karim bin Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Bercakap tanpa pembesar suara] Menteri [Memandang ke arah barisan Menteri] - tidak payah.*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha! Ya, ya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, ya Tuan Yang di-Pertua, saya tadi membuatkan cadangan dan adakah pihak kerajaan boleh menimbangkan cadangan saya itu?

Datuk Haji Karim bin Ghani: Tuan Yang di-Pertua,*[Disampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi menjawab soalan ataupun saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, pertama sekali ialah mengenai dengan sejarah jawi kalau dapat saya nyatakan di sini, bahawa memang di kalangan orang Arab pada suatu ketika, orang di sebelah kawasan sini dipanggil sebagai orang Jawi. Saya tidak tahulah apakah sebab dipanggil orang Jawi, apakah jawi itu berkaitan dengan Al-Jawiah ataupun orang Jawa.

Jadi, apakah golongan itu saya tidak dapat menjelaskan dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun, kita terima juga apa yang telah dibangkitkan oleh dua Yang Berhormat tadi mengenai dengan pihak kita tidak begitu menggalak dan kurang penekanan dalam tulisan jawi.

Di sini saya ingin nyatakan juga bahawa kita tidak ada apa yang dikatakan bahasa Jawi, sebenarnya ialah tulisan jawi. Bahasa-bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan juga kurang penekanan ialah kerana emphasis, dengan izin, kepada tulisan rumi sejak daripada tahun 60'an di mana jawi itu makin lama, sekian lama telah begitu diketepikan. Oleh itu kita dapati kemahiran tulisan dan juga membaca di dalam tulisan Jawi amatlah begitu lemah sekali. Hanyalah generasi-generasi seperti saya masih boleh membaca dan menulis jawi. Kitab-kitab yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kitab yang ditulis dalam tulisan rumi bagi menggantikan tulisan jawi terutama sekali kitab-kitab dan juga apa kita panggil yang berbentuk mengenai agama tadi, memang terdapat dan juga kadangkala kalau kita melihat juga ayat-ayat Al-Quran juga, kalau kita ambil daripada Eropah sudah tentu ia ditulis dalam tulisan rumi.

Walau bagaimanapun, pihak di School of Orientalism di England terutama sekali, tulisan jawi itu diterjemahkan ke dalam tulisan rumi tetapi dengan sebutan-sebutan Arab itu tidak lari, misalnya macam ada titik di atas, titik di bawah dan sebagainya. Itu juga boleh membolehkan mereka yang tidak boleh berbahasa Arab dan tulisan jawi membaca dan sebutannya masih tidak lari daripada sebutan Arab.

Walau bagaimanapun, saya akui perkara-perkara seperti ini memang berlaku dan saya tidak juga hendak melanjutkan perbincangan mengenai ini. Mengenai dengan Bulan Bahasa pada suatu ketika dahulu bagi menggalakkan mereka bertutur dan menulis dalam bahasa Malaysia telah diadakan buat masa yang lampau dan saranan serta juga – saya anggap ini sebagai cadangan oleh Yang Berhormat tadi mengenai mengadakan pelbagai kegiatan untuk menggalak tulisan jawi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih, memang saya juga di kementerian sedang berusaha ke arah ini bagaimana kita pertama sekali menggalakkan ataupun menimbulkan satu kesedaran di kalangan anak-anak kita terutama sekali di kalangan anak-anak yang beragama Islam tadi boleh menulis di dalam tulisan jawi serta juga mereka sukakan kepada tulisan jawi.

Oleh itu kita juga berharap kita akan menubuhkan segala macam ikhtiar bagi membolehkan mereka sukakan tulisan jawi. Antara lain, seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan papan iklan, nama jalan. Bagi saya memang sesetengah negeri, saya amat berterima kasih terutama sekali Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Selangor juga telah lakukan usaha ini termasuk Kerajaan Negeri Kelantan dan juga di Terengganu, kita lihat masih ada nama-nama jalan ditulis dalam tulisan jawi. Ini sebagai menggalakkan bukan sahaja orang Islam dari segi tulisan jawi, malah semua penduduk terutama sekali warganegara Malaysia yang bukan beragama Islam juga. Ini boleh kita anggap sebagai warisan kita yang tidak sepatutnya dihakiskan. Oleh yang demikian, saya juga selepas daripada ini kita akan terus giatkan kegiatan ini di sekolah-sekolah misalnya seperti menubuh Kelab Tulisan Jawi, Pertandingan Khat dan sebagainya dan harapan kita boleh kita gemble ngkan tenaga ini dengan pihak-pihak tertentu termasuk *Utusan Melayu* itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Tuan Yang diPertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk memberi economic value kepada mereka yang boleh menulis dan membaca bahasa Jawi? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan sama ada ia mempunyai nilai ekonomi atau tidak, buat setakat ini kita tidak ada apa-apa rancangan untuk menyatakan bahawa kita akan memberi satu insentif ataupun ganjaran bagi mereka yang boleh menulis dalam tulisan Jawi.

Sekali lagi ingin saya membuat teguran di sini, kita tidak ada bahasa Jawi tetapi kita ada tulisan jawi. Walau bagaimanapun, saranan dan juga cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya ucap terima kasih dan kita akan pertimbangkan bagaimanakah hendak lakukan galakan bagi tulisan jawi.

2. **Tuan Ho Lim Teck** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau akan mengumumkan jumlah dana terkumpul dalam KWSP dan butiran terperinci mengenai strategi dan sektor pelaburan KWSP. Apakah dana dan syarikat yang dilaburkan oleh KWSP pada masa ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama yang dijadualkan untuk dijawab pada 25 April 2000, memandangkan soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, caruman yang dikutip oleh KWSP pada tahun 1999 adalah sebanyak RM15.1 bilion, manakala caruman terkumpul sehingga 31 Disember 1999, ialah RM156.9 bilion. Caruman yang dikutip akan dikreditkan ke akaun ahli iaitu pekerja dan ia merupakan simpanan bagi pekerja. KWSP akan melaporkan wang simpanan ahli dan ahli akan mendapat faedah daripada hasil pelaburan tersebut dalam bentuk dividen. Ini bermakna, kutipan caruman tersebut bukanlah hasil bagi kerajaan seperti mana kutipan cukai pendapatan dan cukai-cukai lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Disember 1999, pelaburan terkumpul KWSP berjumlah RM163.8 bilion di mana 31.6% dilapor dalam sekuriti Kerajaan Malaysia. 24.6% melalui pemberian pinjaman, 18.9% dalam ekuiti, 24.4% dalam pasaran wang dan bakinya 0.4% dalam hartanah.

Setakat 29 Februari 2000, jumlah pelaburan terkumpul KWSP adalah sebanyak RM168.63 bilion di mana pelaburan dalam ekuiti berjumlah RM30.9 bilion dalam 348 buah syarikat yang terlibat di sektor-sektor seperti barangan pengguna, barangan industri kewangan dagangan dan perkhidmatan.

Strategi pelaburan KWSP adalah seperti Pelan Alokasi Aset yang telah diluluskan di bawah Seksyen 26, Akta KWSP 1991, (Pindaan) 1996 iaitu pelaburan

dalam sekuriti Kerajaan Malaysia, syarikat-syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur dan instrumen pasaran wang serta pinjaman kepada syarikat-syarikat yang diluluskan.

Pemberian pinjaman oleh KWSP adalah di dalam banyak sektor antaranya ialah tenaga, telekomunikasi, pengangkutan dan infrastruktur. Setiap pelaburan dan pembelian ekuiti dilakukan secara teliti dengan melihat fundamental dan prestasi syarikat berkenaan dan ianya diawasi oleh sebuah panel pelaburan yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk tujuan ini.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai dua soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu, saya ingin tahu berapakah jumlah syarikat-syarikat yang tidak menjelaskan ataupun membayar caruman KWSP pekerja-pekerja setakat sehingga 31 Disember 1999?

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi..., saya kira jumlah ini jumlah sumbangan majikan yang tidak membayar KWSP bertambah pada tiap-tiap tahun walaupun bukan dalam kegawatan ekonomi tetapi dalam ekonomi yang baik juga berlakunya di mana pihak majikan tidak menghantar sumbangan KWSP para pekerja. Tindakan yang dijalankan oleh kerajaan seperti tindakan mahkamah, saya kira kurang berkesan mungkin sebab syarikat boleh membayar *fine* RM2,000, RM3,000 dan sebagainya. Apakah kementerian bercadang untuk meminda Akta KWSP untuk memasukan satu tindakan sivil atau kes pecah amanah bagi mengajar pihak-pihak majikan yang tidak menghantar sumbangan KWSP kepada para pekerja. Sebab kalau sumbangan tidak dihantar, KWSP tidak boleh masukkan dalam akaun individu dan bila mana datang dividen, pengisian dividen pekerja berkenaan, pekerja tidak akan mendapat faedah dividen. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai seorang ahli yang menyertai lembaga KWSP, memang mempunyai banyak pengalaman dalam perkara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan-tindakan memang telah dan akan diambil kepada syarikat-syarikat yang tidak menjelaskan caruman mereka dan setakat ini saya tidak mempunyai angka yang tepat. Mungkin Yang Berhormat mempunyai angka ini. Walau bagaimanapun, saya akan memberikan angka ini kepada Yang Berhormat secara bertulis dan cadangan Yang Berhormat untuk meminda Akta KWSP supaya

tindakan sivil dapat diambil kepada mereka yang tidak menjelaskan caruman ini, kita akan memberikan perhatian. Dan, kalau sekiranya difikirkan tindakan ini boleh membantu ataupun menyelesaikan masalah ini, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tadi kita telah dengar dari Timbalan Menteri berkenaan dengan strategi pelaburan caruman wang dari ahli-ahli KWSP. Saya berpendapat bahawa prestasi atau ukuran *performance* pelaburan adalah dividen yang dibayar, kalau dividen bayar itu tinggi, strategi itu efektif. Saya sudah lama tunggu kerana saya adalah seorang ahli juga, 2 digit dividen, 2 digit, *double digit*, sampai sekarang yang tertinggi hanya 8.7 lebih kurang. Saya juga seorang – kalau kita memandangkan strategi pelaburan mengikut acara *corporate* lah tentu tiap-tiap tahun kita ada fix satu target, kita *bench mark*. Bila kita *bench mark*, kita *bench mark* lebih tinggi. Jadi, saya agak, kalau kita *bench mark* 2 digit sebagai dividen, itu memang satu target realistik, bukan tidak realistik. Kerana saya mahu tanya di sini kalau kita tahu PNB, saya tidak dapat jadi ahli, tetapi PNB tiap tahun kalau kita ikut ia punya rekod, bersamaan dengan bonus, bonus itu datang dari simpanan keuntungan itu jugalah, tidak kurang dari 20% sampai 30%kah? *Maybe is as high as 20% to 30%, if you take the average*, dengan izin, *maybe is something like 20% to 25%*. Itu ada 3 kali dari EPF. Jadi, saya mahu tanya di sini, mengapa PNB boleh, mengapa EPF tidak boleh. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak KWSP telah diberi amanah untuk diberikan tanggungjawab menjaga kepentingan hampir 9 juta orang pekerja, khususnya kepentingan mereka selepas persaraan. Maka, strategi pelaburan KWSP kena jaga-jaga, kena..., boleh dikatakan ramai orang menganggap bahawa terlalu *conservative*. Walau bagaimanapun, bagi hemat ataupun pendapat kerajaan kerana kepentingan begitu ramai pekerja kita kena jaga khususnya selepas persaraan, kita tidak melaburkan wang KWSP dalam bidang yang dianggap berisiko tinggi. Mungkin dia boleh mendatangkan faedah yang banyak tetapi kadang-kadang risikonya pun tinggi, maka kita telah mengambil satu sikap bahawa sesuatu pelaburan yang dilakukan ini mesti berisiko rendah tetapi ia akan mendatangkan pulangan yang memuaskan dalam jangka panjang. Oleh kerana ini, kita telah mengambil sikap untuk mengikuti strategi pelaburan yang telahpun ditetapkan ini.

Walau bagaimanapun, dividen yang diberikan kepada pekerja ini, ada orang menganggap ia rendah tetapi pada pendapat kerajaan dividen ini boleh tahan. Misal kata tahun lepas, dividen kita berikan ialah 6.84% kalau dibandingkan dengan faedah yang diberikan oleh bank cuma 3%, 4% sahaja, maka 6.84% ini bolehlah dianggap sebagai memuaskan. Walau bagaimanapun, KWSP baru-baru ini juga telah melantik seorang *consultant* iaitu Namura dari negara Jepun supaya dapat *review* strategi pelaburan KWSP supaya memberikan suatu pandangan ataupun mengemukakan satu pelan alokasi aset supaya bila kita melaburkan sesuatu pelaburan, ia akan *minimize* kan risiko tetapi ia boleh mendatangkan keuntungan yang maksimum. Maka kita tunggulah kajian yang dijalankan oleh pihak Namura Consultant ini dan saya harap dengan pandangan-pandangan yang diberikan kepada KWSP, semoga pada tahun-tahun yang akan datang kita bolehlah memberikan dividen yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini amat penting, saya pun terima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengemukakan soalan tambahan.

Saya amat terperanjat sekali kerana dari segi alokasi pelaburan hanya 18.9% sahaja ditumpukan kepada ekuiti. Saya ingin mengetahui, apakah maksimum secara tahap tertinggi dan adakah KWSP telah pun memenuhi kuota di dalam pelaburan ekuiti kerana kita dapati di dalam dunia ini, di Amerika, baik di Australia, baik mana-mana sahaja, pencen *fund* lah yang memainkan peranan utama di dalam memantapkan pasaran ekuiti di sesebuah negara. Dan juga, pada masa yang sama, tadi ada Yang Berhormat menyebutkan Namura telah dilantik sebagai *consultant*, adakah kita juga memikirkan *consultant* dari Amerika ataupun dari England.

Dan, pada masa yang sama, berapa banyakkah kerugian yang telah dibebankan kepada KWSP kerana tersalah labur. Dulu saya ingat masih ada hutang lapuk dan berapa banyakkah kerugian yang dibebankan kepada KWSP atas kerugian ini dan adakah pihak kerajaan mengutamakan KWSP apabila memberi kuota-kuota, dengan izin, *initial public offer* iaitu pemberian saham permulaan pada syarikat-syarikat kerana dana ini adalah kepunyaan orang ramai dan kalau ianya, dengan izin, *initial public offer* dikhususkan kepada KWSP, saya yakin angka yang satu digit tadi akan meningkat kepada 3 digit..... [Ketawa] Pada masa yang panjang. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, saya ucapkan kepada kawan lama saya Dato' Aziz yang telah mengemukakan begitu banyak soalan. [Ketawa] Untuk menjawab soalan pertama iaitu tahap tertinggi ataupun ceiling bagi KWSP untuk melaburkan dalam ekuiti. Sebenarnya kalau ikut Akta atau peraturan KWSP, sebanyak 70% daripada wang KWSP kena dilaburkan kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia tetapi oleh kerana KWSP ini tumbuh dengan begitu pesat sekali, dana KWSP ini meningkat sebanyak di antara RM15 bilion hingga RM16 bilion setahun tetapi saiz sekuriti kerajaan Malaysia kalau dibandingkan dengan saiz dana KWSP begitu kecil maka susah untuk memenuhi syarat itu iaitu 70% daripada wang KWSP kena dilaburkan kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia. Maka dengan keizinan dan kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah mengizinkan supaya satu bahagian yang lebih rendah dilaburkan kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan kita meninggikan, pertingkatkan tahap tertinggi untuk pelaburan dalam ekuiti iaitu 25%, maka 18.9% ini boleh dianggap dekat dengan 25%.

Untuk menjawab soalan yang kedua Yang Berhormat, iaitu kerugian yang dibebankan, yang ditanggung oleh pihak KWSP kerana pelaburan yang tidak begitu bagus. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kerugian yang ditanggung oleh pihak KWSP, oleh kerana sesuatu pelaburan yang tidak bijak ini, tidak begitu serius. Oleh kerana semua pelaburan yang dibuat oleh KWSP adalah diteliti oleh panel pelaburan, kena mengikut peraturan yang ketat sekali. Misalan kata, kalau kita hendak pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia ini dianggap selamat sekali, *very, very save*. Pelaburan dalam ekuiti, kita kena kaji sesuatu syarikat ini mestilah mempunyai fundamental yang kukuh dan dapat memberikan pulangan yang memuaskan.

Dan, untuk pemberian pinjaman pula sesuatu pemberian ini harus diberikan jaminan oleh kerajaan ataupun jaminan oleh bank ataupun ia kena memberikan cagaran dalam bentuk saham ataupun bentuk *property*. Maka semua pelaburan yang dilakukan oleh KWSP ini adalah diteliti dengan begitu ketat sekali dan kerugian yang dihadapi oleh KWSP ini boleh dianggap tidak serius. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah setengah jam menjawab, soalan baru. Kita pergi ke soalan ketiga sekarang.

3. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelaburan asing dan negara-negara pelabur (mengikut negeri-negeri di Malaysia) sejak tahun 1990 sehingga 1999; dan
- (b) apakah kriteria ahli rombongan yang terpilih untuk menyertai misi dagangan ke luar negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii yang perlu dijawab pada 4 Mei 2000, kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tahun 1990 hingga 1999 sebanyak RM133 bilion modal pelabur asing telah diluluskan lesen pengilang. Mengikut negara, Amerika merupakan pelabur asing yang terbesar di dalam tempoh tersebut iaitu sebanyak RM27.4 bilion atau 20.6% daripada jumlah pelaburan asing. Ini diikuti oleh negara Jepun iaitu RM25.8 bilion, Taiwan RM20 bilion, Singapura RM13 bilion dan Korea RM5 bilion. Kelima-lima sumber pelaburan asing utama ini menyumbangkan sebanyak RM91.3 bilion atau 68.6% daripada jumlah pelaburan asing.

Negeri-negeri yang menerima pelaburan asing yang paling tinggi dalam tempoh itu ialah negeri Johor sebanyak RM23 bilion, Selangor RM18.5 bilion, Terengganu RM17 bilion, Kedah RM16.6 bilion dan Pulau Pinang RM13 bilion. Kelima-lima negeri ini menerima modal pelaburan asing sebanyak RM88.3 bilion atau 66.3% daripada jumlah pelaburan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala dalam tempoh Julai 1997 hingga Mac 2000, sebanyak 1,382 projek perkilangan milik asing telah diluluskan lesen pengilang. Jumlah pelaburan asing dalam projek-projek ini adalah RM32.4 bilion. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 41 projek milik asing yang diluluskan lesen pengilang bagi tempoh tersebut ditempatkan di Sarawak. Jumlah pelaburan asing dalam projek-projek ini adalah RM851.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan sebagai ahli-ahli rombongan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara adalah terbuka kepada syarikat-syarikat, persatuan-persatuan perniagaan, usahawan-usahawan dan agensi-agensi kerajaan

negeri yang berminat untuk mendapatkan pasaran luar negara; yang kedua, teknologi dan rakan usahasama untuk menubuhkan projek-projek pengilangan; dan yang ketiga, peluang-peluang pelaburan di luar negara. Sekianlah sahaja.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyentuh lima negeri yang teratas yang menerima pelaburan asing. *So*, kita ada lagi negeri-negeri yang lain yang agak rendah menerima pelaburan asing. Di sini saya ingin tahu, apa sebab utamanya negeri-negeri yang lain telah menerima pelaburan asing yang lebih rendah berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Lagi satu saya ingin tahu sini, spesifik sikitlah, sebab Kelantan ini, bukan kerajaan Barisan Nasional, *so*, saya hendak tahu, berapakah pelaburan asing yang diterima oleh negeri Kelantan pada jangka masa ini dan apakah sebab utama begitu rendah pelaburan asing hendak pergi ke Kelantan. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita meninjau kelima-lima negeri yang menarik pelaburan asing yang tertinggi, kita dapat tahu di Selangor, di Selatan iaitu Johor dan di Utara iaitu di Pulau Pinang dan Terengganu, selain daripada Terengganu ialah Kedah. Inilah kelima-lima negara - Utara, Tengah dan Selatan. Infrastruktur yang paling mustahak untuk pelaburan asing dan sumber alam seperti Terengganu, dia keluarkan minyak dan gas. Itulah sebab kelima-lima negeri itu mempunyai pelaburan asing yang paling tinggi. Negeri-negeri yang kekurangan infrastruktur dan juga sumber alam itu, maka dia tidak dapat menarik begitu banyak. Inilah soalan yang pertama.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, kenapa dalam tempoh ini berapa pelaburan di Kelantan. Kelantan cuma menarik pelaburan lebih kurang RM28 juta sahaja, apa sebab? Dia ada sebab infrastruktur, sumber alam dan juga suasana politik.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah tentang misi perdagangan. Saya sangat memuji kementerian ini kerana telah mengaturkan banyak misi perdagangan ke luar negara tetapi daripada tinjauan yang dibuat itu, sama ada misi-misi itu berjaya dalam hasrat misi itu dan apakah kriteria-kriteria yang diguna untuk menilaikan sama ada sesuatu misi itu berjaya atau tidak berjaya. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, nilai untuk menentukan sama ada misi pelaburan atau perdagangan itu berjaya atau tidak, cuba kita tengok apa

prestasi di dalam negeri dalam menarik pelaburan asing. Pelaburan asing di negara ini merupakan satu pelaburan asing yang paling tinggi di negeri-negeri di rantau ini. Inilah satu prestasi. Yang kedua, kita cuba melihat berapa angka eksport yang dikeluarkan oleh Malaysia. Tahun 1997 lebih kurang RM200 bilion, tahun 1998 RM280 bilion lebih kurang, sampai tahun 1999 ia meningkat melebihi RM321 bilion – jadi daripada RM200 bilion, RM280 bilion sekarang meningkat kepada RM321 bilion. Ini memecahkan rekod sejarah di dalam Malaysia ini. Inilah menunjukkan prestasi misi-misi pelaburan dan perdagangan itu berjaya.

4. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [Di bawah S.O 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah wang yang tidak atau belum dituntut oleh tuan punya atau waris mereka di dalam simpanan kerajaan dan nyatakan cara atau peraturan yang seseorang itu boleh menuntutnya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 April 2000 Amanah Raya Berhad mempunyai simpanan sebanyak RM1.33 juta. Jumlah ini merupakan wang pusaka yang belum dituntut. Sejumlah besar wang tersebut belum lagi ditafsirkan sebagai 'belum dituntut' oleh kerana warisnya telah pun dikenal pasti tetapi masih belum dapat dihubungi oleh kerana berlaku pertukaran alamat dan sebagainya. Cara dan peraturan bagi seseorang untuk menuntut wang tersebut ialah menghubungi mana-mana pejabat cawangan Amanah Raya Berhad atau talian mesra Amanah Raya Berhad No: 03-2561000 dan bayaran akan diatur dengan segera. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya bagaimanakah kedudukan dan tindakan kerajaan terhadap duit deposit ataupun duit amanah yang telah tidak dituntut oleh pendeposit atau yang menyimpan amanah di jabatan-jabatan kerajaan sedangkan ia selalu ditegur oleh pihak Audit.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Jika wang tidak dituntut dalam tempoh dua tahun, maka wang itu akan dihantar ke pejabat Pendaftar Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara dan waris perlu berurusan dengan Pejabat Akauntan Negara untuk mengeluarkan wang mereka. Sekiranya tuan punya wang tidak dituntut telah meninggal dunia dan waris mereka pula ingin menuntut hak mereka, maka Amanah Raya Berhad akan membantu waris tersebut dengan memohon surat kuasa daripada mahkamah dan seterusnya membuat

permohonan tuntutan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara. Wang tersebut akan diagihkan kepada waris yang layak. Jadi, wang yang tidak dituntut ini memang ada tempat kita simpan. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah penyimpanan dalam Lembaga Tabung Haji (LTH) dan setakat ini seramai manakah penyimpanan menunaikan fardu haji dan benarkah dakwaan setengah-setengah pihak pelaburan anak syarikat Tabung Haji tidak halal.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 2000 pendeposit Tabung Haji terkumpul berjumlah 3,806,304 orang. Bagi tahun 1995 hingga 1999 jumlah penambahan pendeposit baru adalah pada kadar sekitar 7.76% sehingga 7.87%. Berdasarkan sasaran pendeposit baru seramai 330,000 orang bagi tahun 2000 adalah dijangkakan jumlah terkumpul pendeposit pada akhir tahun 2000 berjumlah 4,053, 804 orang. Sehingga tarikh 17 April 2000 seramai 711,408 orang pendeposit dalam Tabung Haji telah menunaikan fardu Haji.

Mengenai dakwaan setengah-setengah pihak yang menyatakan bahawa pelaburan anak syarikat Tabung Haji tidak halal, adalah tidak benar. Selaras dengan identiti korporat dan dasar pelaburan Lembaga Tabung Haji semua pelaburan yang diceburi oleh Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya adalah dalam pelaburan yang halal, berdaya maju, berisiko rendah dan berpotensi memberi pulangan yang tinggi. Terima kasih.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramai yang menunaikan fardu haji melalui syarikat swasta dan adakah mereka ini disyaratkan untuk menyimpan dalam Tabung Haji sebelum dibenarkan menunaikan fardu haji mengikut syarikat-syarikat berkenaan?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Mengikut Akta Lembaga Tabung Haji, hanya Tabung Haji sahaja dibenarkan mengendalikan urusan jemaah haji untuk mengerjakan haji di Mekah dan kalau adapun syarikat-syarikat swasta yang mengendalikan, mereka ini adalah yang dilantik oleh Tabung Haji di mana kuota yang diberikan kepada syarikat-syarikat swasta ini adalah kuota yang diambil daripada Tabung Haji. Jadi, kalau jumlah berapa ramai yang telah kita beri kepada syarikat swasta, saya mohon notis. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahulah, adakah boleh orang yang bukan Islam menyimpan dalam Tabung Haji. Kalau boleh, berapa ramai yang sudah ada. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Setakat ini saya mohon notis kerana saya tidak dapat beri jawapan sama ada benar ataupun tidak. Jadi, pada dasarnya sekarang ini yang kita menerima penyimpanannya adalah daripada orang-orang Islam kerana tujuan utama kita melabur di Tabung Haji ini ialah untuk kita mengerjakan haji. Jadi, mengenai orang bukan Islam, saya mohon notis untuk memberi jawapan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa hanya Tabung Haji sahaja dibenarkan untuk mengendalikan pemergian haji ke Mekah. Cuma di akhir-akhir ini ada ura-ura Tabung Haji akan mengendalikan umrah dan ini menimbulkan kerisauan kepada syarikat-syarikat pelancongan khususnya pelancongan bumiputera yang mengendalikan umrah ini. Jadi, kita minta pandangan daripada pihak kementerian.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Buat masa ini pengendalian untuk mereka yang mengerjakan umrah dikendalikan 100% oleh syarikat-syarikat swasta. Apabila syarikat-syarikat swasta ini mengendalikan umrah, maka mereka sendiri yang menguruskan urusan visa dengan pihak kedutaan Arab Saudi. Jadi, oleh kerana kita dapati ada syarikat-syarikat yang mengendalikan umrah ini membuat beberapa perkara yang menyalahi peraturan seperti memohon visa umrah tetapi mereka memanjangkan sehingga ke musim haji yang kita dengar baru-baru ini ramai mereka yang pergi umrah tetapi mereka tinggal lebih masa di Arab Saudi dan akhirnya ramai mereka yang tidak tahu apa-apa telah menjadi mangsa sehinggakan pihak pembangkang mengambil kesempatan menyalahkan pihak kerajaan mengatakan kita pula yang mengarah Kerajaan Arab Saudi mengambil tindakan kepada mereka yang tinggal lebih masa di Arab Saudi.

Jadi, untuk mengatasi masalah-masalah ini berulang kembali, maka sudah sampai masanya Tabung Haji memikirkan untuk menyelaraskan syarikat-syarikat swasta yang ingin mengendalikan urusan umrah ini supaya mereka ini berdaftar dengan Tabung Haji supaya Tabung Haji boleh mengetahui syarikat-syarikat manakah yang sebenarnya dibenarkan menguruskan urusan umrah ini kerana sehingga hari ni kalau tanya Tabung Haji sekalipun kita tidak tahu, mana-mana

syarikat yang mengendalikan umrah kecuali anak syarikat Tabung Haji kita tahulah. Begitu juga, kalau kita tanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, mereka juga tidak tahu sama ada syarikat yang diluluskan itu ada membuat urusan umrah ataupun tidak kerana apabila kita beri lesen pelancongan ini, maka terpulang kepada syarikat-syarikat swasta itu untuk berurusan urusan mereka dan kalau mereka ingin menguruskan umrah, mereka boleh terus berurusan dengan Kerajaan Arab Saudi. Jadi, sebab itu kita bercadang untuk menyelaraskan urusan umrah ini dan kita akan bercadang juga untuk meminda Akta Tabung Haji. Terima kasih.

6. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan (mengikut tahun) wanita Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing (pendatang tanpa izin). Berapakah daripada jumlah tersebut menjadi janda atau ibu tunggal oleh kerana berpisah sama ada bercerai atau ditinggalkan begitu sahaja. Apakah langkah kementerian untuk menangani/membantu wanita Malaysia yang malang ini.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang diPertua, sehingga tahun 1998 terdapat sejumlah 8,092 orang warganegara Malaysia lelaki dan wanita yang berkahwin dengan warganegara asing. Pecahan mengikut tahun pula seperti mana yang diminta ialah seperti berikut:

Tahun	Bilangan (orang)
1991	1,482
1992	1,470
1993	1,377
1994	1,444
1995	1,303
1996	396
1997	375
1998	245 semakin kurang lagi.

Maklumat mengenai bilangan isteri yang menjadi janda atau ibu tunggal daripada kalangan mereka ini masih diselidiki. Kerajaan Barisan Nasional amat prihatin terhadap golongan ibu tunggal tidak kira sama ada bersuamikan warganegara Malaysia ataupun warganegara asing. Mereka digalakkan menyertai persatuan-persatuan ibu tunggal yang ada diwujudkan di negeri masing-masing. Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah menyusun satu program yang dinamakan Program Ibu

Tunggal Waja untuk membantu ibu tunggal menangani masalah-masalah yang dihadapi. Aktiviti-aktiviti program ini dilaksanakan oleh empat panel iaitu Panel Sokongan Kelompok dan Pembimbing, Panel Sokongan Guaman, Panel Sokongan Ekonomi dan Panel Sokongan Pendidikan. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sebagaimana yang kita maklum, wanita Islam ramai juga telah bernikah dengan pendatang-pendatang dari luar ini yang tanpa izin dan setengahnya dikatakan, ada juga yang bernikah di Selatan Negeri Thai. Adakah kerajaan bercadang untuk mendaftarkan jurunikah-jurunikah di Selatan Thai ini kerana kita dapati ada juga rakyat kita yang rasa, mungkin ada sebab-sebab tertentu, lebih selesa nikah di Selatan Thai ini. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini daripada segi undang-undang Thailand ini sudah di luar *jurisdiction* Malaysia kerana sebagai negara yang berdaulat, kita memang tidak boleh campur tangan mengenai peraturan di negeri mereka. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri memang ada hubungan yang baik dengan jurunikah-jurunikah di kawasan Selatan Thailand dan ada beberapa jurunikah-jurunikah yang kita iktiraf dan sememangnya kita ada menghubungi pihak jurunikah Thailand supaya jangan terlalu mudah menikahkan pasangan-pasangan terutamanya daripada Malaysia yang bernikah di Selatan, lebih-lebih lagi kalau mereka ini bernikah dengan warganegara asing. Terima kasih.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu warganegara manakah yang menjadi pilihan wanita-wanita Malaysia ini. *[Ketawa]* Apakah sebab warganegara itu menjadi pilihan wanita Malaysia? *[Sorak]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memilih pasangan ini terpulang kepada selera masing-masing. Kalau dia minat Hindustan boleh jadi dia ambil Bangladesh. Kalau dia minat muka sawo matang boleh jadi dari Indonesia – berbagai-bagai pilihan masing-masing. Itu saya tidak dapat memberikan angka berapa ramai kahwin dengan pendatang-pendatang daripada negara-negara mana.

Saya rasa sebab-sebab mengapa wanita tempatan kita begitu mudah berkahwin ataupun tertarik dengan pendatang tanpa izin, salah satunya yang biasa kita terima apabila mereka datang mengadu dengan kita, kerana pendatang tanpa izin ini apabila mereka datang ke negara kita, mereka bekerja kuat. Mereka datang menggadai nyawa

dengan satu tujuan untuk memberikan kehidupan yang baru, mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh tanpa mengira gaji, tanpa mengira penat lelah, akhirnya mereka berjaya mengumpul wang. Apabila mereka berjaya mengumpul wang, oleh kerana mereka ini pendatang tanpa izin, mereka tidak boleh simpan di bank. Jadi, hendak bawa balik pun mungkin tidak sempat. Jadi, cara mereka gunakan ialah mereka berkenalan dengan wanita tempatan dan mereka menggunakan nama wanita tempatan ini untuk membuka akaun.

Jadi, wanita tempatan ini apabila namanya digunakan untuk membuka akaun, duitnya pun banyak disimpan di dalam akaun dia dan apa sahaja yang diminta untuk kemudahan – beli kereta pun boleh, beli rumah pun boleh kerana wang itu atas nama dia, maka lama-kelamaan orang kata bila dia sudah yakin dan percaya bahawa pendatang-pendatang ini, walaupun dia pendatang tanpa izin tetapi mampu menyara kehidupannya mempunyai prospek yang baik di masa hadapan berdasarkan simpanan wang semasa yang ada dalam akaunnya, sebab itu salah satu cara penarik dan menyebabkan wanita kita begitu terpengaruh untuk berkahwin dengan pendatang tanpa izin. Terima kasih.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit. Berkenaan dengan wanita saya rasa tercabar wanita Malaysia ini kerana jawapan itu memang saya rasa tidak kena kepada wanita Malaysia, bukan memandang.....[Tepuk][Ketawa] Saya rasa kita perlu ada satu statistik yang betul untuk menjawab kerana saya rasa janganlah jatuhkan imej wanita Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi contoh yang saya sendiri jumpa. Bila ada masalah ini dia datang berjumpa saya. Ini contoh apabila masalah timbul, kita tanya, mengapa, awak sudah tahu, kita nasihat dia dalam undang-undang kita sudah pinda Undang-undang Imigresen bahawa siapa yang kahwin, suaminya tidak boleh tinggal di sini, kalau suami balik dia kena ikut. Jadi, kita tanya dengan dia bila dalam kaunseling, kenapa boleh berkahwin, tinggalkan keluarga. Jadi, ini contoh yang saya beri, bukan keseluruhan sebab soalan yang ditanya tadi salah satu sebab mengapa wanita kita tertarik kepada pendatang tanpa izin. Jadi, saya juga memberikan satu contoh yang saya sendiri alami. Jadi, saya rasa ini bukan menjatuhkan maruah wanita, Yang Berhormat. Ini contoh yang saya sendiri alami apabila saya berjumpa dengan mereka yang ada masalah.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, kalau contoh saya terimalah. *[Ketawa]*

7. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah di seluruh negara yang mencapai zero peratus (0%) dalam Peperiksaan UPSR bagi tahun 1999. Sila nyatakan bilangan dan peratusan sekolah-sekolah Tamil daripada jumlah sekolah-sekolah ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan prestasi sekolah-sekolah Tamil ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan prestasi sesebuah sekolah dalam Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) adalah berdasarkan bilangan dan peratus pelajar yang mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum C dalam semua mata pelajaran. Bagi UPSR 1999 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang berprestasi rendah adalah 80 buah ataupun 15.4% dari sejumlah 521 buah SJKT di seluruh negara.

Antara langkah untuk meningkatkan prestasi SJKT ialah menempatkan guru-guru terlatih. Selain itu sesi-sesi kaunseling dan program-program motivasi diadakan dari semasa ke semasa untuk menyemai kesedaran akan kepentingan pelajaran di kalangan murid-murid. Pihak sekolah juga mengadakan kelas-kelas pemulihan dan kelas-kelas tambahan bagi mengatasi kelemahan murid-murid.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti kita maklum, kemudahan infrastruktur ataupun prasarana sekolah adalah satu faktor yang penting untuk mempengaruhi pencapaian akademik. Adakah Kementerian Pendidikan bercadang sekolah-sekolah Tamil menukar status mereka sebagai bantuan modal kepada bantuan penuh supaya mereka boleh dapat peruntukan yang lebih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tahu apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan infrastruktur sekolah. Kita memang akui bahawa persekitaran fizikal memainkan peranan dari segi psikologi kanak-kanak itu sendiri dalam pencapaian mereka dalam apa-apa mata pelajaran sekalipun. Dari situ juga ingin saya nyatakan di sini juga peranan ibu bapa juga masih dianggap penting. Apabila kita menghantar anak-anak ke sekolah kadang kala sesetengah ibu bapa merasakan adalah menjadi 100% tanggungjawab pihak sekolah sama ada anak-anak itu dapat markah tinggi atau rendah masih dianggap sekolah bertanggungjawab. Bagi saya dan juga kami di pihak Kementerian Pendidikan tetap menyatakan bahawa sekolah itu sebagai pembantu kepada perkembangan seseorang murid dan bagi saya

juga ibu bapa masih tetap berperanan dari segi menentukan pencapaian anak-anak tersebut.

Mengenai perkara kedua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai sekolah-sekolah SJK Tamil, dalam hal ini kita ada sedikit masalah bagi sekolah-sekolah yang mendapat bantuan modal terutama sekali sekolah-sekolah Tamil di mana di kawasan saya, kawasan Sungai Petani, terdapat juga beberapa buah sekolah Tamil. Masalahnya ialah kerana kedudukan tanah di mana kadangkala tanah-tanah tadi bukanlah tanah kerajaan di mana tanah tadi kadangkala apabila dijual oleh satu syarikat kepada satu syarikat yang lain maka kedudukannya itu amat janggal sekali. Walau bagaimanapun, pihak kita terutama sekali kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional kita tetap menjalankan tanggungjawab kita memberi bantuan modal ini kepada sekolah-sekolah terutama sekali sekolah SJKT dan SJKC tadi.

Walaupun bagaimanapun, kita masih membuat penelitian bagi sesetengah sekolah apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi sama ada hendak diberi bantuan penuh ataupun tidak, bagi saya, kita masih menjalankan kajian yang terperinci terutama sekali tentang kedudukan tanah dan juga bangunan sekolah yang telah ada wujud.

Walaupun bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang saya kira juga telah lama berkecimpung dalam bidang pendidikan tadi dapat membantu pihak kami supaya dapat menyelesaikan banyak masalah mengenai dengan bantuan modal tadi.

Walaupun bagaimanapun, pihak kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional tetap tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya kepada semua warganegara Malaysia dari semua keturunan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan lisan sudah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 30 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Ucapan Takziah Atas Kembalinya Kerahmatullah
Allahyarhamah Puan Hajah Salmiah Hashim
(bekas Senator)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita dan sedih di atas kembalinya kerahmatullah bekas Senator Allahyarhamah Puan Hajah Salmiah binti Hashim dari Pulau Pinang pada hari Rabu, 19 April 2000. Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarhamah. Sekarang saya menjemput hadirin sekalian bangun. Yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarhamah dan yang bukan beragama Islam, bertafakur.

[Majlis bertafakur selama satu minit]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh.” *[19 April 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambungkan, siapa? Sudah habis ya? Maaf, Menteri-menteri akan menjawab, bermula dengan Kementerian Kewangan.

11.10 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohamad Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mengenai isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan Usul Junjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya akan memberi maklum balas seberapa banyak yang boleh kepada isu-isu dan permasalahan yang ditunjukkan kepada Kementerian Kewangan. Namun demikian bagi isu-isu yang tak sempat saya memberi maklum balas pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kewangan akan memberi perhatian kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Gafur, Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah membangkitkan masalah kehilangan wang melalui ATM serta kegiatan membocorkan maklumat pelanggan oleh kakitangan bank. Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan menggesa supaya pihak bank meningkatkan sistem keselamatan terhadap urus niaga elektronik dari semasa ke semasa untuk mengelakkan perkara seperti ini berulang lagi dan tindakan akan diambil ke atas mereka yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan, suka saya maklumkan di sini bahawa Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenai piawai minimum bagi perkhidmatan ATM pada 29 Mac 2000 untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan bagi kad dan perkhidmatan ATM yang akan menghapuskan sepenuhnya kejadian pengklonan kad. Garis panduan tersebut memberi penekanan ke atas ciri-ciri keselamatan kad ATM dan pengurusan PIN yang berkesan, kawalan dalaman bagi operasi ATM dan keperluan bagi institusi perbankan, memasang kamera litar tertutup di lokasi ATM yang strategik.

Bagi institusi kewangan yang masih belum mematuhi garis panduan tersebut, mereka telah diberi tempoh sehingga penghujung bulan Jun 2000 untuk memprogramkan semula sistem pengkomputeran mereka bagi melindungi pelanggan daripada penipuan dan pada masa yang sama institusi kewangan terbabit digesa

menarik balik kad mesin pengeluaran automatik ATM yang tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang diPertua, berhubung dengan isu membocorkan maklumat, Tuan Yang diPertua, ingin saya memberikan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh institusi perbankan untuk memerangi pengklonan kad ATM seperti berikut:

- (i) pepadanan Kod Bahasa (Language Code) di antara kad ATM dengan kod di dalam sistem sebelum wang boleh dikeluarkan,
- (ii) pelaksanaan pertukaran PIN yang wajib untuk semua kad ATM di mana kad klon yang masih menggunakan PIN lama tidak akan dapat digunakan,
- (iii) pemasangan kod Card Verification Value, dengan izin, di mana baki simpanan akan direkodkan ke atas kad ATM individu setiap kali wang dikeluarkan;
- (iv) pemasangan kamera di dalam ATM dan juga di sekeliling kawasan yang berdekatan dengan mesin ATM ;
- (v) pemasangan skrin pada ATM untuk mengelakkan shoulder surfing ataupun melihat di belakang bahu;
- (vi) pengaturan pegawai-pegawai keselamatan untuk mengawasi di kawasan-kawasan ATM yang disyok;
- (vii) mengecualikan nombor akaun dan nombor kad ATM daripada slip ATM;
- (viii) menyempurnakan kawalan ke atas pembuangan laporan dan dokumen yang mengandungi butir-butir pelanggan; dan
- (ix) orang ramai juga diingatkan supaya berhati-hati semasa menggunakan kemudahan ATM seperti tidak membuang slip ATM dan berwaspada semasa memasukkan PIN ke dalam mesin untuk mengelakkan shoulder surfing tadi, dengan izin.

Berhubung dengan isu membocorkan maklumat pelanggan, Tuan Yang diPertua, suka saya jelaskan di sini bahawa Bank Negara memang memandang berat mengenai perkara ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan institusi perbankan adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan menurut Seksyen 97 (1) Akta Bank dan Institusi Kewangan (ABIK).

Menurut seksyen ini, kakitangan bank dikehendaki menyimpan kerahsiaan maklumat pelanggan. Peruntukan ini melarang seseorang pegawai atau kakitangan mana-mana institusi perbankan berlesen daripada mengemukakan, membukakan, menzahirkan, menyiarkan atau mendedahkan sebarang maklumat berhubung hal ehwal dan tatacara akaun pelanggan kepada mana-mana pihak. Sabit kesalahan boleh dihukum penjara tiga tahun atau denda sebanyak RM3 juta atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di bawah Seksyen 106 ABIK pula, seseorang pengarah, atau pegawai atau mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap atau membantu dalam pengurusan institusi yang telah melakukan kesalahan tersebut akan disabitkan kesalahan yang sama.

Bank Negara juga berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas kakitangan di peringkat penyeliaan atau pengurusan serta ketua pegawai eksekutif dan pengarah institusi perbankan bagi sebarang pengabaian yang membawa kepada sebarang pendedahan maklumat pelanggan yang tidak dibenarkan.

Garis panduan terperinci mengenai tatacara bagi pengarah, pegawai dan kakitangan di dalam institusi perbankan yang dikenali sebagai Bank Negara Malaysia/GP7 telah dikeluarkan yang menetapkan *standard minimum* berhubung perilaku pengarah, pegawai dan kakitangan institusi perbankan bagi menjamin integriti dan kredibiliti institusi perbankan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan bahawa Bank Negara memandang serius kes-kes yang membabitkan pelanggaran peruntukan perahsiaan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar prosedur-prosedur dan peruntukan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail, menggesa agar lebih peruntukan diberi kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi membantu golongan belia yang mudah sesat kerana dipengaruhi oleh parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk memajukan golongan belia supaya dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan di samping itu mengelakkan mereka dari tercebur ke dalam pelbagai kegiatan yang tidak sihat atau diselewengkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bagi tujuan ini, kerajaan telah menyediakan pelbagai program termasuk latihan kemahiran, kemudahan sukan dan program Rakan Muda. Bagi menyediakan

kemudahan latihan kemahiran, kerajaan menubuhkan Institut Kemahiran Belia Negara di pelbagai negeri dan untuk tujuan tersebut sebanyak RM149.49 juta telah diperuntukkan dalam tahun 2000 berbanding sebanyak RM20.4 juta dalam tahun 1999.

Begitu juga bagi program Rakan Muda, peruntukan sebanyak RM19.09 juta telah disediakan dalam tahun 2000 berbanding sebanyak RM4.8 juta dalam tahun 1999.

Mengenai peruntukan yang disediakan untuk pembinaan klinik-klinik kesihatan, klinik-klinik desa, hospital dan perbekalan air bersih di kawasan luar bandar, suka saya maklumkan di sini bahawa peruntukan bagi program-program tersebut telah ditambah daripada RM666.6 juta kepada RM706.9 juta sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa lagi permasalahan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu daripadanya ialah Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, mencadangkan satu dana teknologi ditubuhkan bagi membantu syarikat-syarikat IT yang baru. Dana ini hendaklah dikendalikan oleh pakar-pakar IT dan dana ini dijangka dapat memesatkan lagi pertubuhan bursa MESDAQ yang kini hanya mempunyai satu syarikat sahaja yang tersenarai.

Untuk makluman Datuk Nor Azah binti Awin, dalam Belanjawan 2000 yang lalu, pembiayaan dalam bentuk modal teroka perlu dipertingkatkan supaya pembangunan industri-industri baru yang berteknologi tinggi boleh menjadi jentera pertumbuhan ekonomi negara. Industri-industri ini termasuk dengan izin, *advance electronic, bio-technology, precision engineering, advance manufacturing* dan teknologi maklumat (IT). Kerajaan akan terus memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat modal teroka untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi ini. Bagi tujuan ini sebuah tabung dana RM200 juta akan ditubuhkan bagi membiayai projek berteknologi tinggi.

Bank Industri Malaysia Berhad (BIMB) akan distruktur semula untuk menjadi Bank Industri dan Teknologi Berhad (BITMB). Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) akan memperkenalkan modal teroka secara Islam untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan bumiputera. Di samping itu, Bank Negara

dan dua bank perdagangan akan menyediakan RM300 juta untuk membiayai syarikat-syarikat teroka. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya galakan ini akan dipesatkan lagi supaya saranan Yang Berhormat Datuk Azah binti Awin agar IT ini dapat disebarkan dan MESDAQ yang kini hanya mempunyai satu syarikat yang tersenarai akan dapat diperbanyakkan.

Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng, meminta Akta KWSP dikaji semula dan dipinda seperti berikut:

- (i) Bagi membolehkan isteri dan anak pencazum mewarisi simpanan secara automatik selepas pencazum meninggal dunia; dan
- (ii) Bagi pencazum yang belum berkahwin, waris kekal seperti yang dinamakan oleh si pencazum.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketidakpuasan hati waris-waris atau orang tanggungan mengenai pembahagian simpanan ahli dibangkitkan oleh segolongan kecil ahli sahaja dan tidak merupakan masalah kepada keseluruhan Ahli KWSP. Sistem penamaan sedia ada di bawah peraturan-peraturan KWSP 1991 memperuntukkan ahli boleh menamakan lebih daripada seorang sebagai waris untuk menerima kredit simpanan apabila ahli meninggal dunia. Adalah menjadi tanggungjawab ahli untuk menentukan waris-waris yang berhak menerima simpanan KWSPnya apabila ahli meninggal dunia. Ini telah berlaku dan kita mengharapkan pewaris-pewaris atau wasi yang ada namanya di dalam itu hendaklah menyerahkannya kepada kadi ataupun pegawai tadbir agama supaya orang-orang Islam dapat dibagi faraid mengikut perundangan Islam.

Ahli hendaklah juga hendaklah mengemaskinikan penamaan dari masa ke semasa. Kadangkala penamaan itu adalah untuk ibu tetapi apabila ia beristeri dan sebagainya, ibunya meninggal, nama isterinya tidak ada dan ini akan menjadi permasalahan yang selalu dibangkitkan.

Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok telah pun menyatakan mengenai KWSP. Saya ingin memberitahu bahawa KWSP pengeluarannya di bawah skim pendidikan anak ahli, KWSP adalah untuk pembelian komputer. Bil KWSP yang baru akan dibentangkan di Dewan Rakyat dan selepas itu akan dibentangkan di Dewan Negara. Dalam pada ini banyak ahli-ahli KWSP telah pun menulis surat kepada kementerian supaya anak ahli yang berumur 10 tahun ke atas diberi pinjaman komputer, iaitu

Darjah 5, Darjah 6 dan seterusnya sehingga meningkat ke IPTA. Ada juga yang menanyakan kalau ahli itu sendiri menjadi penuntut Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Adakah ia boleh ataupun tidak? Perkara-perkara ini akan dirangkumkan dalam pindaan bil baru yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat kelak.

KWSP bercadang memperkenalkan skim anuiti, iaitu Skim Insurans Konvensional Takaful yang memberi jaminan kewangan seumur hidup kepada ahli serta membantu keperluan tanggungan ahli. Ini juga satu skim yang baru di mana anuiti ini boleh dicarumkan oleh Ahli-ahli KWSP supaya apabila mereka bersara maka anuiti ini dapat diberikan beransur-ansur mengikut bulanan yang ditentukan.

Tuan Yang diPertua, mengenai isu hutang Time Engineering dan cadangan penyusunan semula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan tentang Time Engineering ini, ia merupakan satu proses pengambilalihan atau penggabungan pihak swasta. Namun begitu, dari segi dasar Kementerian Kewangan, isu yang berbangkit ialah proses penstrukturan semula Time Engineering Berhad ataupun TEB tidak dapat memenuhi syarat penyenaian berantai ataupun *chain listing rule* dan garis panduan projek-projek infrastruktur ataupun IPC dan pegangan awam 25%.

Penyusunan semula TEB melibatkan penyatuan asetnya dalam Time Telecommunication Sdn Bhd, Time Wireless Sdn Bhd, Time Reach Sdn Bhd dan Time Set Sdn Bhd bagi membentuk sebuah kumpulan yang dinamakan Time Dot Com Bhd. Time Dot Com Bhd akan disenaraikan di bawah garis panduan projek infrastruktur IPC, manakala Time Dot Net disenaraikan di MESDAQ untuk memperkukuhkan lagi asas langganan Time Dot Com Bhd.

Buat masa ini, kerajaan sedang mengkaji dan meneliti permohonan penyusunan semula Time Engineering Berhad.

Tuan Yang diPertua, sekian sahaja saya dapat mengulas segala perbahasan-perbahasan Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

11.25 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang diPertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dan perbahasan menyentuh

perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Pengangkutan semasa mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja. Saya menghargai pandangan yang diberikan dan di atas keprihatinan Yang Berhormat ke atas perkara-perkara yang di bawah kawal selia Kementerian Pengangkutan adalah suatu yang amat digalakkan dan dialu-alukan bagi kebaikan bersama semua pihak.

Sehubungan dengan itu, mohon izin kepada Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan secara ringkas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa yang terhad ini berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin, telah mencadangkan supaya pihak Kementerian Pengangkutan membuat kajian selidik dan memberikan sebab-sebab utama berlakunya suatu kemalangan jalan raya di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab kemalangan adalah ditentukan berdasarkan penganalisan data-data kemalangan, laporan polis oleh mangsa kemalangan dan penyiasatan polis mengenai sebab-sebab kemalangan. Berdasarkan punca-punca ini, sebab-sebab kemalangan berlaku di negara kita adalah:

- (i) sikap dan perikelakuan pemandu - 94%;
- (ii) Keadaan jalan - 3%;
- (iii) Keadaan mekanikal - 2%; dan
- (iv) Keadaan cuaca - 1%.

Di antara perikelakuan pemandu yang kerap kali menyebabkan kemalangan, kematian dan kecederaan adalah:

- (i) kelajuan atau speeding;
- (ii) tidak mengendahkan peraturan jarak kematian Kajian menunjukkan bahawa 85% daripada pemandu kita didapati melanggar peraturan ini;
- (iii) memotong di kawasan larangan atau memotong dengan tergopoh-gapah tanpa mengendahkan peraturan keselamatan atau *dangerous overtaking*;
- (iv) memandu dengan merbahaya di kawasan selekoh atau *careless cornering*; dan
- (v) memandu dengan lalai.

Cadangan supaya diadakan kajian khusus mengenai sebab-sebab kemalangan akan dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin, ada juga mencadangkan supaya pihak Kementerian Pengangkutan membuat kajian bagi menentukan had laju berdasarkan c.c. atau kapasiti kelajuan enjin sesebuah kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Datuk supaya Kementerian Pengangkutan membuat kajian bagi menentukan had laju dibuat berdasarkan kapasiti pacuan enjin sesebuah kenderaan adalah sukar untuk dipertimbangkan. Ini adalah disebabkan jika sekiranya penentuan had laju dibuat berdasarkan kapasiti pacuan enjin sesebuah kenderaan maka ia bukan sahaja akan memberi peluang kepada pemandu kenderaan terbabit memandu dengan lebih laju daripada had laju yang sepatutnya. Malah ia akan membahayakan bukan sahaja pemandu kenderaan itu malah pengguna-pengguna lain yang menggunakan jalan raya yang sama. Keadaan ini akan juga menyukarkan pihak penguat kuasa seperti polis dan JPJ untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap mereka yang memandu lebih daripada had laju yang dibenarkan. Memandangkan terdapat perbezaan had laju yang dibenarkan kepada kenderaan yang menggunakan jalan raya di negara ini dari aspek keselamatan di jalan raya, kenderaan yang berkuasa tinggi perlulah mematuhi had laju yang dibenarkan mengikut perundangan supaya kadar kemalangan dapat dikurangkan kerana kelajuan membunuh atau *speed kills* dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk penentuan had laju kenderaan yang dikuatkuasakan sekarang adalah di bawah Kaedah Kenderaan Motor Had Kelajuan 1999 mengikut kategori kenderaan seperti lampiran dan had maksimum kenderaan juga dikawal melalui had laju jalan raya/ lebuh raya yang diwartakan dengan tanda had laju yang dipamerkan di jalan-jalan tersebut. Had-had laju tersebut adalah ditetapkan bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dan memudahkan penguatkuasaan dijalankan ke atas mereka yang melanggar peraturan had laju yang ditetapkan.

Tentang cadangan supaya pihak Kementerian Pengangkutan membuat kajian untuk mengenakan tindakan saman ke atas individu yang merokok semasa memandu seperti tindakan sama yang dikenakan kepada mereka yang memandu menggunakan telefon bimbit (handphone) semasa memandu.

Bagi makluman Yang Berhormat Datuk pada masa ini telah ada peraturan yang melarang pemandu daripada menghisap rokok semasa memandu kenderaan. Peraturan yang dimaksudkan ialah larangan menghisap rokok kepada pemandu bas dan teksi semasa memandu kenderaan mereka sama ada kenderaan tersebut ada mempunyai penumpang atau sebaliknya. Peraturan ini adalah ditetapkan di bawah Public Service Vehicle Licensing And Conduct Of Driver, Conductors And Passengers Rule 1999, dengan izin. Selain daripada itu di bawah Motor Vehicle Driving School Rule 1992, dengan izin. Pengajar sekolah memandu juga tidak dibenarkan merokok.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, hendak mencelah sikit.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Sikit sahaja saya habiskan ya..

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri laluan.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Pengajar sekolah memandu juga tidak dibenarkan merokok ketika mengajar calon memandu. Namun demikian pada ketika ini tidak ada peraturan yang melarang pemandu kenderaan persendirian merokok ketika memandu. Memandangkan cadangan Yang Berhormat Datuk adalah baik pihak kementerian ini sedia untuk menimbangkan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, had laju ucapan Yang Berhormat ini terlalu laju. Jadi saya pun susah hendak mengikutinya. Walau bagaimanapun saya ingin menanyakan kepada pihak Yang Berhormat kalau sekiranya kita tidak dapat kita had laju kereta-kereta kecil ini tadi yang c.c nya kurang seperti yang dicadangkan oleh sahabat saya Datuk Long Jidin bolehkah atau tidak kita sekat dari segi kelajuan kereta-kereta yang c.c lebih kurang 650, 850 itu tidak boleh melebihi 60 batu sejam. Dia boleh sekatkan dari segi mekanikal. Mekanisme tertentu untuk mengehadkan tahap kelajuannya kepada 60 batu sejamkah, 70 batu sejam dalam kereta itu sendiri.

Jadi kalau begini mungkin kita tidak payahlah impose atau membuatkan satu perundangan baru untuk mendiskriminasi kereta-kereta kecil berasaskan undang-undang. Lagipun saya pun ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat kita tengok dalam surat khabar kadang kala apabila berlakunya kemalangan dalam satu vankah, kereta kecilkah, dalam kereta itu lebih kurang 10, 11,12 orang dalam van. Mungkin dihadkan hanya untuk lapan orang. Saya tidak tahulah. Jadi adakah pihak

kerajaan menguatkuasakan apa yang ditulis di situ untuk lima orang diisi lapan orang ataupun yang boleh muat lapan orang isi 14 orang. Jadi penguatkuasaan ke arah menentukan maksimum dari segi mereka yang diisi dalam kereta ini tidak dikuatkuasakan saya nampak. Jadi bagaimanakah pandangan ini dikuatkuasakan dengan serta merta.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kawan lama saya tentang dua perkara iaitu kenderaan c.c yang kecil. Had laju itu memang kita dapati dalam lebuh raya ada kancil yang memandu begitu cepat. Ini memang pada masa ini kita tidak ada peraturan untuk mengawal supaya mereka tidak boleh memandu laju tetapi ini adalah tanggungjawab pemandu sendiri supaya mereka tahu kereta yang kecil tidak patutlah memandu dengan begitu cepatlah.

Bagi soalan van yang tidak mematuhi peraturan, kita selalu boleh nampak van itu ada tulis had membawa berapa orang sahaja. Kalau lima orang lima orang sahaja. Kalau lapan memang lapan. Kalau dia bawa lebih dari nombor itu memang dia adalah salah. Boleh ditangkap oleh polis dan JPJ. Oleh itu saya ingin ucap di sini bahawa ini terpulang kepada pemandu individu. Mereka mesti tahu ini untuk keselamatan sendiri dan juga keluarga dan kawan-kawan yang mereka bawa. Ini kita akan kaji tentang perkara ini berbangkit kalau kita dapati perkara ini berlaku begitu kerap kali atau accident yang ada menghubungi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ting Check Sii telah membangkitkan perkara-perkara seperti berikut iaitu mengenai kehilangan barang-barang di KLIA dilaporkan berjumlah lebih kurang RM14 juta. Ini adalah serius dan memalukan serta menjejaskan imej KLIA. Tindakan ke atas mereka yang disyaki terlibat dengan kecurian hendaklah diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius ke atas kehilangan barang-barang di KLIA yang boleh menjejaskan imej KLIA. Untuk mengatasi masalah ini berbagai tindakan telah pun diambil oleh Malaysian Airport Sdn. Bhd. Ini termasuk menambahkan bilangan kamera-kamera di kawasan-kawasan yang dikenal pasti boleh berlakunya kecurian. Selain daripada itu kawalan di pintu masuk keluar atau exit point yang strategik telah pun diperketatkan. Bantuan juga boleh diperolehi untuk memperketatkan lagi prosedur pengeluaran dan siasatan ke atas kejadian-kejadian curi

yang berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat dengan tindakan ini kehilangan barang-barang di KLIA telah dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, penerbangan MAS tidak dapat memenuhi keperluan penumpang dan pelanggan di Sarawak dan selain daripada itu tambang juga agak tinggi. Dengan demikian pihak kerajaan disyorkan supaya syarikat penerbangan lain dapat menjalankan operasi mereka ke Sarawak selain daripada MAS bagi tujuan membawa penumpang dan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa sekarang sememangnya mengadakan banyak penerbangan berjadual untuk memenuhi keperluan penumpang di Sarawak. Misalnya MAS kini mengadakan sebanyak 61 penerbangan seminggu secara terus di antara Kuala Lumpur dan Kuching. Sebanyak 14 penerbangan seminggu secara terus antara KL dan Miri dan 8 penerbangan seminggu secara terus antara KL dan Sibu. Dalam hal ini MAS sentiasa mengawal pengaliran traffic ke dan dari Sarawak dan sekiranya diperlukan akan menambahkan lagi penerbangan-penerbangan berjadual serta penerbangan-penerbangan tambahan di atas sektor-sektor berkenaan.

Di samping itu juga kerajaan sememangnya telah membenarkan syarikat-syarikat penerbangan tempatan lain seperti Air Asia dan Transmile Air untuk mengadakan penerbangan ke Sarawak. Pada masa ini Air Asia mengadakan sebanyak 11 penerbangan seminggu ke Kuching sementara Transmile Air mengadakan sebanyak 7 penerbangan seminggu ke Kuching.

Dari segi tambang MAS ada menyediakan berbagai jenis tambang istimewa untuk perjalanan antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak seperti tambang 'route free' potongan sebanyak 50% tambang, 'night tourist' dengan potongan sebanyak 30% tambang dan tambang 'ex-Carson' dengan potongan sebanyak 21%. MAS juga telah melaksanakan beberapa pakej khas untuk mengadakan pelancongan ke Sarawak. Potongan harga tambang yang ditawarkan oleh MAS tersebut sememangnya bertujuan untuk mengerakkan sektor pelancongan di dalam negara dan boleh digunakan oleh rakyat Malaysia yang ingin melawat antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman dalam pesawat dan di lapangan terbang di negara ini biasanya dibuat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jadi untuk memudahkan pelancong asing yang tidak memahami kedua-dua bahasa ini

dicadangkan supaya pihak yang berkenaan menggunakan bahasa tambahan negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan pengumuman di lapangan terbang dalam bahasa-bahasa tambahan selain daripada bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun pengumuman dalam pesawat MAS sememangnya menggunakan bahasa tambahan selain daripada bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris bagi penerbangan-penerbangannya ke negara tertentu. Bahasa-bahasa tambahan yang digunakan dalam hal ini di antara lain termasuk bahasa Jepun, Korea dan Mandarin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii juga ada membangkitkan mengenai isu pemindahan pejabat PUSPAKOM dan pusat pengujian memandu dari pekan Bintagor ke Sarikei, Sarawak yang menyusahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pusat ujian memandu di Bintagor telah ditutup atas sebab-sebab berikut:

- (i) Kawasan tapak ujian yang digunakan dahulu adalah merupakan kawasan meletak kereta. Kawasan tersebut kini telah pun didirikan dengan Pejabat Daerah Mara Dong yang baru. Ini bermakna tapak asas tidak boleh lagi digunakan dan tiada tapak baru yang sesuai.
- (ii) Ujian juga tidak sesuai diadakan di Bintagor memandangkan ada beberapa elemen yang ditetapkan di bawah sistem ujian JPJ terutamanya bagi ujian motor dan lori sukar didapati di Bintagor umpamanya ketiadaan lampu isyarat.
- (iii) Sejak penutupan pusat ujian tersebut semua calon diuji di Sarikei. Setakat ini didapati calon-calon tiada menghadapi masalah untuk datang ke Sarikei yang ianya mengambil masa tiga atau empat puluh minit perjalanan. Dari pemantauan yang dibuat ianya mendapat sambutan yang memuaskan.

Berhubung dengan pemindahan pejabat PUSPAKOM dari Bintagor ke Sarikei sebenarnya tidak berbangkit. Ini adalah kerana sejak PUSPAKOM ditubuhkan syarikat ini memang tidak menyediakan perkhidmatan di Bintagor sebaliknya beroperasi menunaikan tanggungjawab sosialnya dari Daerah Sarikei. Kenderaan dari Bintagor sejak awal lagi telah diperiksa di Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting juga ada membangkitkan mengenai penutupan pejabat JPJ Bintagor yang juga menyusahkan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Dewan pejabat JPJ Bintagor secara rasmi telah ditutup pada 15 Februari 2000. Langkah-langkah penutupan ini dibuat berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) Pihak JPJ menghadapi masalah bagi penghantaran kutipan ke bank di penghujung urusan memandangkan pihak polis tidak dapat memberi bantuan kerana kekurangan anggota.
- (ii) JPJ menghadapi kekurangan kakitangan dan hanya seorang sahaja pegawai ditempatkan di pejabat JPJ Bintagor. Justeru itu penyeliaan sewajarnya ke atas JPJ berkenaan tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya.
- (iii) Bangunan JPJ di Bintagor disewa daripada majlis tempatan adalah terlalu uzur dan tidak selesa. Oleh itu pihak kementerian berpendapat perpindahan pejabat JPJ di Bintagor adalah wajar memandangkan tempoh perjalanan daripada Bintagor ke Sarikei hanya memakan masa tiga hingga empat puluh minit sahaja dan perpindahan ini juga boleh menjimatkan kos pengurusan di pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua mengenai isu pembangunan serta mengaktifkan semula kegiatan pelabuhan Tanjong Manis di Sibu sebagai yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Ting. Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hal pelabuhan di Sarawak kini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Dato' serta ahli-ahli Dewan, Fasa 1 pelabuhan Tanjong Manis ini telah dibangunkan dan mula beroperasi sejak tahun 1998 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja jawapan serta penjelasan yang dapat diberikan oleh pihak kementerian ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah sudi membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Sekian te rima kasih.

Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Dato' serta Ahli-ahli Dewan Fasa I Pelabuhan Tanjong Manis ini telah dibangunkan dan mula beroperasi sejak tahun 1998 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja jawapan serta penjelasan yang dapat diberikan oleh pihak kementerian ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada pihak kementerian, pertama kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan yang memaparkan di kaca TV bilangan kemalangan setiap hari. Kalau daripada data itu kita dapati kemalangan sangat berkurangan berlaku di lebuhraya. Di sebaliknya banyak berlaku di jalan-jalan biasa dan melalui jawapan tadi kementerian telah pun mengenal pasti sebanyak 94% disebabkan oleh keadaan jalan dan mungkin lain-lain dari segi pemandu yang melanggar peraturan, pemandu cuai dan sebagainya.

Kita ingin tahu, apakah langkah-langkah kementerian untuk bekerjasama misalnya dengan JKR setakat ini untuk memperbaiki jalan-jalan yang dikatakan keadaan jalan yang tidak sesuai seperti perangkaan yang diberikan - 94% yang menyebabkan kemalangan.

Yang keduanya, bila disebutkan sikap orang ramai apakah kempen yang telah dijalankan setakat ini, yang disebutkan 85% melanggar peraturan, ini pemandu-pemandu ataupun penunggang-penunggang motosikal dan pemandu yang cuai juga agak besar dia punya peratusannya dan ramai. Jadi usaha ini mungkin melalui kempen barangkali boleh meningkatkan kesedaran dan kita ingin tahu, apakah langkah kementerian ke arah ini untuk menyelamatkan nyawa-nyawa yang terkorban dengan merugikan negara ini. Dan yang keduanya, kita dapati sekarang ini isyarat-isyarat memperbaiki jalan. Jalan-jalan khususnya jalan Federal ini, jalan-jalan kampung dan juga dengan sekali gus mengalihkan laluan kenderaan, khususnya waktu malam kita dapati sangat kurang lampu-lampu dan sebagainya. Ini kita lihat banyak khususnya kenderaan ataupun pemandu-pemandu daripada luar kawasan yang tidak begitu memahami keadaan, ini yang terlibat dengan kemalangan. Jadi

kita ingin berharaplah supaya isyarat-isyarat yang khususnya waktu malam perlu banyak lampu-lampu untuk mengalihkan laluan kenderaan ini. Ini kita berharaplah kepada pihak kementerian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang kemalangan yang berlaku lebih di jalan kecil dan bukan di jalan raya, memang kementerian saya ada berbincang dengan Kementerian Kerja Raya supaya mereka boleh mengambil lebih langkah dan prihatin tentang perkara ini, sebab kerja-kerja seperti jalan yang boleh dibaiki atau isyarat ini adalah dibidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya telah merancang dan menjalankan beberapa program bersepadu untuk menangani isu keselamatan jalan raya yang dikenal pasti sebagai pendekatan 3P iaitu pendidikan, penguasaan dan kejuruteraan juga ada kempen-kempen keselamatan jalan raya supaya kita boleh membangkitkan kesedaran dan pemandu tahu begitu mustahak dan ini telah mengurangkan kemalangan di Malaysia. Untuk makluman...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz untuk mempengerusikan mesyuarat.

[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini negara-negara lain hanya berjaya menurunkan kadar kemalangan tetapi di negara kita telah berjaya mengurangkan kadar kematian daripada bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya pada tahun 1996, sebanyak 6,304. Pada tahun 1997 sebanyak 6,302 dan angka ini terus menurun kepada 5,744 kematian untuk tahun 1998 dan 5,791 kematian untuk tahun 1999. Pengurangan ini t tercapai walaupun bilangan kenderaan yang berdaftar telah meningkat daripada 5.4 juta bagi tahun 1990 kepada 9.9 juta pada tahun 1999. Ini jelas menunjukkan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan bersama dengan pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya dan pihak polis telah mendapat kesan yang baik. Kalau dibandingkan dengan

negara di ASEAN, Malaysia menduduki tempat yang kedua terbaik selepas Singapura. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya Yang Berhormat.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon sedikit penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan tentang Pelabuhan Klang. Kalau ikut kita.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat minta maaf, adakah perkara ini dibangkitkan boleh Yang Berhormat....

Tuan Tan Ek Huat: Tetapi saya hendak tanya tentang Pelabuhan Klang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sila.

Tuan Tan Ek Huat: Pelabuhan Klang adalah satu konsep yang begitu berwawasan yang cukup mengagumkan dan kalau kita meneliti klan kita dapati West Port dan juga Pelabuhan Klang adalah satu iklan yang begitu indah dan hebat. Kita fahamlah bahawa kerajaan memang mempunyai satu wawasan untuk mencapai negara yang maju selaras dengan kemajuan pelabuhan yang ada sekarang. Tetapi baru-baru ini ini saya dapati bahawa pengendalian kontena keluar dan masuk daripada Pelabuhan Klang telah menghadapi banyak masalah sejak cuti Hari Raya Puasa hingga sekarang.

Di sini saya ingin tahu, apa sebenarnya masalah pengendalian kontena yang import, eksport itu yang wujud di Pelabuhan Klang. Adakah ia merupakan faktor manusia atau ia merupakan faktor teknologi. Kalau ikut maklumat saya ia lebih merupakan faktor manusia. Di sini saya memohonlah Kementerian Pengangkutan memberi sedikit penjelasan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah di atas soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat. Tentang masalah pengendalian kontena di Pelabuhan Klang memang kita menghadapi masalah, ini hanya di musim perayaan. Masa ini memang kita tidak menghadapi masalah seperti yang dikatakan Yang Berhormat.

Tuan Tan Ek Huat: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tidak ada masalah, tetapi sekarang saya masih menerima aduan daripada pihak Ipoh iaitu ICT Ipoh, iaitu kontena daripada Ipoh hendak menghantar ke Pelabuhan Klang

menjejaskan, jammed, tidak sampai dan memakan masa yang panjang. Jadi saya rasa mesti ada masalah. Mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak mendapat maklumat sekarang, saya harap boleh berikan saya jawapan dalam bertulis.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Saya akan siasatlah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yes, Yang Berhormat Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sebenarnya kurang puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang had laju tadi. Kalau dilihat hari ini ada kenderaan yang ber c.c besar, bawa 120 brek terus berhenti 'zup', tak bergerak. Jadi saya tengok jawapannya, kita suruh buat kajian dia kata tidak perlu kajian. Ini semua andaian-andaian yang tidak saintifik. Saya mintalah kalau boleh kerajaan buat betul-betul kajian yang sebenar-benarnya, kenapa menyebabkan kemalangan itu. Adakah sebab laju itu, laju semua kenderaan laju, yang laju itu kenderaan macam mana, motorkah c.c besarkah c.c kecilkah macam mana, yang ini. Jadi kita menjawab biasanya andai, andai, jawapan yang sebenar-benarnya yang kita hendak. Jadi saya minta sangatlah kementerian cuba. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Long, ada jawapan daripada Yang Berhormat, kalau tidak kita...

Tuan Ir Donald Lim Siang Chai: Tiada jawapan sekarang. Saya akan kajilah, akan minta kementerian, pegawai kaji perkara ini. Kita akan beri jawapan kemudian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kajian yang terperinci dan saintifik. Kita minta, ya. Terima kasih. Dijemput Kementerian Kerja Raya, ada wakil Kerja Raya, silakan Dato'.

11.55 pagi

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, hanya seorang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian Kerja Raya semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal yang telah membangkitkan perkara mengenai masalah jalan jenis simen konkrit yang dikatakan tidak sesuai iaitu di Lebuhraya Utara-Selatan khususnya laluan antara Kuala Lumpur dan juga Ipoh.

Menurut Yang Berhormat kerana jalan jenis inilah yang menyumbang kepada kemalangan yang banyak berlaku di situ terutamanya waktu hujan. Seterusnya beliau berpendapat bahawa turapan simen konkrit tidak meresap air semasa hujan berbanding turapan menggunakan aspal ataupun bituminous mixes dengan izin, yang lebih berkesan dan meresapkan air. Beliau meminta supaya Kementerian Kerja Raya dan pihak Plus melaksanakan penurapan semula permukaan baru dengan menggunakan bituminous mixes dan tidak lagi menggunakan simen konkrit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam perjanjian konsesi dengan pihak Plus Bhd. kerajaan telah menetapkan syarat supaya 30% daripada Lebuhraya Utara-Selatan dibina menggunakan kaedah konkrit pavement yang bertujuan menggalakkan penggunaan simen dalam industri binaan. Adalah didapati bahawa jalan konkrit sesuai dibina di kawasan tanah yang tidak bergambut. Bagi kawasan di Lebuhraya Utara-Selatan, kawasan-kawasan tersebut adalah seperti di Tapah, North Klang Valley Express Way, Seremban-Pagoh. Daripada data statistik kemalangan yang dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pihak Plus, tidak menunjukkan bahawa kemalangan yang lebih banyak berlaku di jalan konkrit berbanding dengan jalan aspal pavement.

Dalam kajian yang telah dibuat tersebut adalah didapati bahawa antara punca kemalangan ketika hujan ialah pertama, kecuaiannya pemandu, kedua, kemantapan keadaan kenderaan yang dipandu, dan ketiga, hanya sedikit sahaja disebabkan oleh permukaan jalan. Yang penting permukaan jalan ini mestilah sentiasa *water free* iaitu berada tanpa air, tidak kira sama ada jalan ini jalan konkrit ataupun turapan bertar. Ini pula bergantung kepada super elevation dengan izin, yang sesuai untuk mengalirkan air hujan ke longkang-longkang tepian jalan. Di samping itu pihak Plus pula telah mengambil tindakan di mana beberapa kawasan yang dikenal pasti...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat ada yang minta laluan. Yang Berhormat Senator Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara teknikalnya kita puas hati dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan cadangan ataupun permasalahan yang dihadapi oleh Yang Berhormat Senator Mustaffa. Cuma yang rasa pelik sedikit, saya kalau bolehlah minta

penjelasan sedikit kerana kita banyak bercakap masalah lebuhraya, kerana lebuhraya kita memang di kenal pasti di peringkat antarabangsa sebagai *world class* lebuhraya. Dalam kaedah teknikal apa sekalipun lebuhraya kita ini agak baik.

Tetapi sebelum pilihan raya, parti-parti pembangkang ini banyak menekankan masalah pembinaan lebuhraya ini sehingga kita rasanya terhakis juga sesetengah pengundi kita kepada kerajaan BN. Dakwaan-dakwaan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang, malah di Terengganu selepas beberapa hari kerajaan negeri ditubuhkan, tol yang dibina sebuah jalan yang menjadi isu hangat sebelum pilihan raya 1995 pun dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin PAS terutamanya, satu projek yang membazir dan sebagainya dan perkara ini telah digunakan oleh semua rakyatlah termasuk pemimpin-pemimpin PAS.

Jadi selepas PAS membentuk kerajaan di Terengganu nampaknya oleh kerana tol itu dibina oleh Jabatan Kerja Raya Terengganu, dia buat satu keputusan supaya tidak kutip tol lagi. Jadi baru-baru ini saya nampak dalam TV dan juga baca akhbar Yang Berhormat pun ada bersama dengan Menteri Kerja Raya. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan dengan kaedah yang lebih baik supaya rakyat faham bahawa untuk membina lebuhraya ini, macam mana kaedahnya dan apakah provokasi ataupun sentimen yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang ini bertepatan dengan era pembangunan yang kita hendak laksanakan terutama sekali berkenaan lebuhraya dan baru ini saya nampak Dato' Seri S. Samy Vellu, Menteri Kerja Raya pun telah berbincang dengan kerajaan Terengganu bersetuju pula tol.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat berkenaan double standard pemimpin-pemimpin parti-parti pembangkang khususnya dari Terengganu ini. Jadi kalau boleh Yang Berhormat beri penjelasan, masalah teknikal saya rasa kita sudah yakin masalah keupayaan kerajaan Barisan Nasional melalui pendekatan profesionalnya dalam membina lebuhraya dan telah diterima oleh keseluruhan pengguna-pengguna lebuhraya dan jalan raya. Tetapi masalahnya sekarang ada sentimen yang anti establishment ini telah dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang dan di manakah maruah pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi apakah kita ini akan berhenti kerana tekanan dari kepentingan berasaskan kepada political viability ataupun kita hendak bekerja ini

untuk kepentingan negara, kepentingan rakyat dan sebagainya. Jadi kalau boleh Yang Berhormat banyak menekankan perkara-perkara yang boleh berorientasikan kepada perkara-perkara pembangunan untuk kepentingan rakyat dan negara. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Rosli mengenai perkara yang telah dibangkitkan olehnya, memang benar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu tidak ada sesiapa yang boleh menafikan tahap lebuh raya dalam negara kita iaitu tahap world class, kalau hendak kita bandingkan dengan negara-negara yang lain dan kita dapati bahawa dalam negara kita sebenarnya tidak ada satu pihak pun yang menentang lebuh raya. Yang ditentangnya ialah soal pengenaan tol ke atas lebuh raya tersebut.

Atas sebab itulah kalau kita lihat kepada apa yang telah diputuskan oleh pihak kerajaan Terengganu yang baru, pihak parti PAS yang menerajui kerajaan Terengganu yang baru, kalau dahulu mereka tidak menerima lebuh raya kerana hendak dikenakan tol tetapi sekarang mereka terima lebuh raya kerana nampak benar bahawa apabila mereka mengutarakan isu tersebut dahulu mereka tidak faham. Jadi sebenarnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, mereka sebenarnya telah berkempen dan sebagainya di khalayak ramai mengenai satu perkara yang mereka sendiri tidak faham dan kerana ada pihak yang terkeliru, rakyat yang terkeliru, rakyat menyokong tindakan mereka.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih kerana diberi laluan Yang Berhormat, jadi oleh kerana pemimpin-pemimpin PAS ini tidak faham Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dalam kaedah ini pilihan raya yang berlaku sehingga PAS dapat memerintah Terengganu, apakah boleh kita putuskan pada pandangan Yang Berhormat bahawa sebahagian besar rakyat telah tertipu oleh kerana kejahilan pemimpin-pemimpin PAS dalam perkara-perkara yang berkaitan seperti ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Yang Berhormat, rakyat memang tertipu, tetapi sebenarnya kita mesti sedarkan rakyat bahawa rakyat tertipu, jadi itu peranan Yang Berhormat juga. Di Johor syukur Alhamdulillah, kita dapat lakukan itu, mungkin di Terengganu tidak begitu kuat menyedarkan rakyat maka, selepas ini banyakkah kerja Yang Berhormat kena lakukan.

Jadi Yang Berhormat, saya suka nyatakan iaitu perkara mengapa saya menyatakan bahawa sebenarnya mereka tidak faham, ada banyak kelebihan kita dengan adanya lebuhraya ini. Yang pertamanya untuk membuat lebuhraya ia memerlukan kos yang begitu tinggi dan sememangnya kerajaan tidak boleh diletakkan hanya kepada kerajaan untuk melaksanakan lebuhraya tersebut kerana wang yang ada pada kerajaan perlulah dilakukan pembangunan diperuntukkan untuk projek-projek yang lain. Jadi tidak semuanya boleh kerajaan hanya melaksanakan projek pembangunan yang melibatkan lebuhraya. Maka atas sebab itulah diperlukan penglibatan pihak swasta untuk sama-sama melibatkan diri dalam pembinaan lebuhraya.

Jika pihak swasta melibatkan diri dalam pembinaan lebuhraya tentunya mereka mahukan balik pulangan, maka di situlah kita mengenakan kerajaan bersetuju untuk mengenakan tol. Banyak kelebihan sebenarnya walaupun rakyat kena membayar tol tetapi banyak kelebihan yang didapati oleh rakyat yang mana kelebihan tersebut tidak boleh kita nilaikan dalam wang ringgit, yang pertamanya keselamatan. Tadi dari pihak Kementerian Pengangkutan sendiri telah menyatakan dan saya juga telah menyatakan bagaimana dari segi statistiknya kalau kita lihat kepada soal kemalangan, kurangnya kemalangan yang berlaku di lebuhraya berbanding dengan jalan raya yang lain. Ini tidak ada nilai dari segi wang ringgit.

Yang keduanya, kita dapati kalau kita menggunakan lebuhraya walaupun kita bayar tol tetapi kita menjimatkan masa antara 40% ke 50% berbanding dengan jika kita menggunakan jalan biasa, apatah lagi kalau jalan biasa itu mengalami kesesakan. Cuba kita bayangkan dahulu dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru mengambil masa 18 jam tetapi sekarang dapat kita pendekkan kepada lapan jam apabila kita menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan. Kalau kita berjalan 16 jam banyak tempat kita hendak berhenti, tentu kita banyak makan minum dan sebagainya tetapi sekarang kita kurangkan mungkin jumlah wang yang digunakan yang sama iu, digunakan untuk bayar tol. Jadi kita telah jimatkan perbelanjaan untuk perkara yang lain kalau kita membayar tol. Yang ini tidak disedarkan kepada rakyat.

Di samping itu pengguna lebuhraya juga dapat menjimatkan kos operasi kenderaan yang merangkumi kos petrol, kos penyelenggaraan enjin dan juga kos pakai dan haus (wear and tear) pada tayar dan juga kepada alat ganti kenderaan. Jadi pelbagai penjimatan dapat dilakukan oleh rakyat yang menggunakan lebuhraya

walaupun mereka membayar tol tetapi penjimatan yang telah dapat mereka nikmati itu tidak dapat kita takrifkan dalam bentuk wang ringgit, tidak tahu nilainya dan sebagainya.

Jadi dalam soal lebuh raya di Terengganu seperti mana yang telah diumumkan kepada khalayak ramai sememangnya ada perubahan sikap daripada kerajaan negeri Terengganu di bawah kerajaan yang baru untuk akhirnya faham mengapa lebuh raya tersebut perlu dibuat dan seterusnya mengapa diterima untuk dikenakan tol di atas lebuh raya tersebut. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mudah-mudahan dengan perubahan sikap itu daripada kerajaan negeri Terengganu rakyat akan dapat melihat dan memahami serta menyedari akan penyelewengan dan pemusingan fakta yang dibuat oleh parti-parti pembangkang khususnya semasa dalam kempen pilihan raya yang lepas.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini cerita lebuh raya ini semua orang yang banyak duit pakai, orang yang business besar pakai. Tetapi saya hendak cerita yang jalan raya ini, jalan raya yang orang kampung pakai, yang orang tidak ada duit pakai, yang pakai motor sahaja. Saya lihat di negara kita ini ada jalan raya yang lebuh raya ini macam anak emas, tetapi jalan raya ini macam anak tiri. Saya dapati bahawa ada jalan raya ataupun lebuh raya yang lepas repair, repair. Lebuh raya ini tidak apalah sebab PLUS buat, swasta. Tetapi jalan raya ini, ada jalan raya yang direpair, tahun ini repair, tahun depan repair dan tahun berikutnya repair. Ada jalan raya yang langsung tidak usik langsung, maknanya tidak dilihat langsung, jadi anak tiri. Macam mana keadaan ini, adakah jalan raya yang perlu menteri lalu sahajakah yang perlu repair, yang orang kampung lalu tidak payah repair, macam mana? Jadi saya hendak tahu macam mana kriteria kerajaan buat hendak menentukan, hendak repair jalan raya ini, yang rosak-rosak ini, macam mana?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat sebelum itu, ini hal North South Highway, tetapi Yang Berhormat sebutkan itu baik, kalau boleh dirangkumkan dalam Belanjawanlah.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Memang, terima kasih Yang Berhormat, saya terima....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

To' Puan Wan Seri binti Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Berapa orang hendak minta laluan, silakan Dato' Dr.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat sedikit penjelasan tentang perbincangan berkenaan dengan simen yang diguna untuk lebuhraya itu. Pada pendapat saya rakyat itu mungkin kurang yakin tentang sama ada permukaan yang gunakan simen itu lebih licin daripada permukaan yang biasa. Oleh kerana itu unsur minyak pun mungkin memainkan satu peranan yang penting. Daripada jawapan yang diberi oleh kementerian tadi yang saya dengar, maka oleh kerana tidaklah begitu banyak jalan itu menggunakan simen dan juga semasa simen itu diguna ia dikatakan sebagai satu percubaan baru dan mungkin pada ketika itu negara kita pun juga keluarkan banyak simen, untuk menggunakan itu maka beberapa jalan telah dibina berasaskan kepada permukaan simen.

Oleh kerana keyakinan itu mungkin akan menjejaskan kebolehan seseorang pemandu itu. Apabila kita lebih yakin mungkin kita memandu dengan lebih cermat tetapi apabila kita tidak begitu yakin maka kemalangan itu berlaku dan kelmarin kita telah mendengar Yang Berhormat memberitahu bahawa dalam satu jalan itu beberapa kemalangan telah berlaku dan semasa Yang Berhormat datang ke sini telah terjumpa dan Yang Berhormat sendiri telah juga menghadapi masalah sendiri.

Oleh kerana itu nampaknya keyakinan itu penting dan saya minta sama ada kementerian boleh mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam dan mungkin tinjau pada satu masa yang lebih panjang supaya perangkaan itu kita dapat kumpulkan dan selepas itu kita beritahu rakyat jelata tentang statistik itu. Baru dengan berbuat demikian maka, keyakinan rakyat itu kita boleh menambahkan.

Satu lagi perkara yang berhubung dengan simen yang telah.....

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Dato', ada pula intervention daripada pihak kerajaan, ini Timbalan Menteri Pertanian hendak menyebut apa?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya ingat sekarang ini sudah jadi ucapan. Kalau boleh kita harap hadkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalnya tadi ialah kemalangan itu banyak berlaku di jalan raya yang bersimen, yang menggunakan

simen, bukan jalan bertar. Jadi kalau kita luaskan memang semua kita boleh masuk, sampai ke Terengganu pun kita boleh masuk.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sebenarnya yang ditimbulkan tadi keyakinan pengguna kepada bahan simen, itu soalnya, so sekarang saya minta...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, bahan simen. Jadi dari segi teknik kerana tadi dijawab bahawa dari segi teknikal tidak ada masalah tetapi dari segi keyakinan mungkin ada masalah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Mohon penjelasanlah. Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Seperti yang telah kita katakan, menurut kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan, data statistik itu sendiri menunjukkan bahawa itu bukan puncanya. Kalau hendak dikatakan mengapa kemalangan berlaku sama ada di jalan simen ataupun jalan tidak simen, yang pertamanya ialah kerana kecuaiannya pemandu dan itu mungkin termasuk keyakinan pemandu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. tadi. Jadi, itu kita terima, sama ada mengapa pemandu cuai sebahagiannya kerana dia yakin atau tidak yakin memandu ataupun dia yakin atau tidak yakin bawa di atas jalan simenkah atau jalan bertarkah, mungkin kita akan dapat kenal pasti. Kalau perlu kita membuat kajian yang terperinci mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung di mana saya berhenti tadi. Seperti yang telah saya katakan pihak PLUS juga mengambil tindakan di mana beberapa kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan tidak kira sama ada permukaan jalan itu konkrit ataupun aspal telah pun ditukar permukaannya kepada forest aspal bagi mengurangkan takungan air. Permukaan jalan jenis itu iaitu forest aspal memang mempunyai kemampuan pengaliran air yang lebih baik daripada jenis jalan yang lain kerana terdapat peratusan kandungannya lampungan udara iaitu dengan izin, *air void content* yang tinggi. Ini memudahkan pengaliran air dari permukaan melalui lampungan udara dan seterusnya mengalir ke longkang-longkang tepian jalan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah jawapan penggulungan daripada Kementerian Kerja Raya berasaskan kepada perbahasan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih kepada Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya. Sekarang saya ingin mempersilakan

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak, soalan-soalan lain itu kita rangkumkan ke dalam Belanjawan. Saya kini menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama untuk memberi penjelasan.

12.16 pagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, Tuan Zainal bin Rampak, Dato' Ting Check Sii dan Yang Berhormat Tuan Mustapa Kamal bin Mohd. Nawi kerana keprihatinan mereka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri membangkitkan isu mengenai penukaran tanaman getah kepada kelapa sawit oleh pekebun-pekebun kecil dan estet. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak ke belakang ini sememangnya terdapat kecenderungan di kalangan pekebun kecil dan estet untuk menukar tanaman getah kepada kelapa sawit apabila sampai masa untuk menanam semula.

Sebab-sebab mengapa pemilik ladang getah lebih cenderung menukarkan tanaman getah kepada kelapa sawit ialah kerana hasil pulangan daripada kelapa sawit pada ketika ini adalah lebih tinggi berbanding dengan getah. Contohnya, purata pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit ialah sebanyak 20 tan metrik sehektar berbanding dengan 960 kilogram sehektar bagi getah.

Berasaskan kepada harga bagi tahun 1999 iaitu kira-kira RM1,440 setan metrik bagi minyak sawit mentah dan 240 sen sekilogram bagi getah, pendapatan sehektar daripada kelapa sawit adalah jauh lebih lumayan berbanding dengan getah selepas diambil kira kos pengeluaran. Pengeluaran hasil dan harga yang lebih tinggi bagi kelapa sawit berbanding dengan getah merupakan faktor penarik mengapa pemilik ladang getah lebih berminat untuk menukarkan tanaman mereka daripada getah kepada kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga membangkitkan isu supaya Kementerian Perusahaan Utama berunding dengan

kerajaan-kerajaan negeri untuk mengurangkan penukaran tanaman getah kepada kelapa sawit kerana tanaman getah masih mempunyai nilai ekonomi bagi negara. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan negeri mempunyai hak yang mutlak ke atas tanah dan mereka seharusnya dibawa berunding untuk mengurangkan penukaran tanaman getah kepada kelapa sawit.

Ingin juga saya maklumkan bahawa kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita sendiri di mana keanggotaannya terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, Yang Berhormat Menteri Pertanian, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk merangka beberapa strategi khusus bagi mengatasi masalah kemiskinan pekebun kecil getah dengan penumpuan usaha kepada program tanaman semula dan mengekalkan negara sebagai pengeluar utama getah dunia.

Lembaga Getah Malaysia (LGM) juga sedang mengkaji semula industri getah terutama mengenai masalah dan keupayaan pekebun kecil dalam memperoleh pendapatan yang saksama serta mengemukakan pelbagai cadangan kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai cara-cara meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Sebagai langkah permulaan, kerajaan telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM325 juta pada tahun 2000 bagi melaksanakan Program Pembangunan bagi pekebun kecil seperti berikut:

- (i) Program Tanaman Semula sebanyak RM145 juta;
- (ii) Aktiviti Ekonomi Sampingan sebanyak RM100 juta;
- (iii) Pelaksanaan Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LIT) selama 5 tahun bernilai sebanyak RM80 juta.

Di samping itu, kerajaan juga sedang meneliti strategi yang sesuai bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang pegangan mereka dianggap tidak ekonomi supaya mereka dapat dibantu mencapai tahap pendapatan yang melampaui paras kemiskinan.

Agensi-agensi yang terlibat dengan pekebun-pekebun kecil seperti RISDA, FELDA, FELCRA dan LGM dan lain-lain telah dibawa berunding supaya strategi yang lebih berkesan dapat dirumuskan tidak lama lagi. Dengan strategi-strategi yang

lebih mantap dan menjurus ke arah peningkatan pendapatan dan kualiti hidup pekebun-pekebun kecil, adalah diharapkan penukaran tanaman getah kepada kelapa sawit dapat dikurangkan bagi kepentingan pekebun-pekebun kecil sendiri khususnya dan mengekalkan kedudukan negara sebagai pengeluar utama barangan getah dan perabot serta lain-lain produk yang dibuat daripada kayu getah, amnya.

Tuan Yang diPertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh tentang isu kebaikan tanaman getah untuk menghasilkan kayu berbanding dengan pengeluaran getah. Menurut beliau, hasil daripada jualan kayu getah selepas 7 tahun ditoreh adalah lebih tinggi daripada jualan getah bagi tempoh tersebut. Memang benar seperti pengamatan Ahli Yang Berhormat itu. Sekarang ini ada sejenis pokok getah yang menghasilkan kayu dengan baik.

Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) oleh Lembaga Getah Malaysia telah menemui klon baru iaitu Klon Latex Balak (Latex Timber Clone), dengan izin, iaitu sejenis pokok getah yang berupaya menghasilkan susu serta kayu getah yang tinggi berbanding dengan klon-klon tradisional. Pokok-pokok ini boleh ditebang untuk kayu selepas 12 tahun hingga 15 tahun ditanam berbanding 25 tahun bagi pokok-pokok yang sedia ada.

Pokok-pokok ini boleh ditanam secara hutan getah dengan kepadatan yang tinggi melebihi 850 pokok sehektar berbanding dengan 400 pokok sekarang. Selepas 7 tahun ditanam, pokok ini boleh ditebang bagi membuat chipping atau Medium Density Fiber (MDF). Sekiranya pokok ini ditoreh untuk susu getah selepas 7 tahun ditoreh, pokok ini boleh ditebang bagi membuat perabot. Buat masa ini kerajaan sedang berusaha menggalakkan penanaman klon ini secara hutan getah (rubber forest), dengan izin, atau secara tanaman berpagar (hedge planting), dengan izin, bagi membolehkan pertanian bersepadu dilaksanakan di tanah getah.

Ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan isu memaksimumkan penggunaan tanah melalui tanaman campuran bagi menggalakkan petani meningkatkan pendapatan. Dalam hubungan ini kerajaan sentiasa berusaha memastikan supaya para petani di negara ini mendapat pulangan yang sewajarnya bagi setiap aktiviti berasaskan penanaman yang dijalankan. Dengan pendekatan ini, setiap petani digalakkan mempelbagaikan tanaman di sesebuah kawasan tanaman dan tidak hanya bergantung hasil pendapatan daripada satu jenis tanaman sahaja ataupun monoculture, dengan izin.

Sebagai langkah awal, kerajaan menggalakkan petani-petani menanam pokok sentang dan jati bersama dengan tanaman getah dan kelapa sawit yang sedia ada, dan bukannya menggantikan tanaman koko. Pokok-pokok sentang dan jati ini walaupun memberikan harga atau nilai yang tinggi tetapi ianya memerlukan tempoh matang yang lama. Di samping itu, kedua-dua spesis pokok tersebut hanya boleh ditanam di kawasan yang mempunyai iklim dan tanah yang sesuai sahaja. Adalah menjadi hasrat kerajaan menerusi pendekatan mempelbagaikan tanaman ini (diversified crops), dengan izin, akan dapat mengimbangi kejatuhan sesuatu komoditi dengan peningkatan harga komoditi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak membangkitkan isu supaya hutan negara dipelihara dengan baik. Berhubung dengan isu ini, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha memastikan hutan negara dipelihara dengan sebaik mungkin, bukan sahaja untuk kepentingan penjagaan alam sekitar, malah juga sebagai warisan kepada generasi yang akan datang.

Pendekatan pengurusan hutan secara berkekalan sentiasa diberi penekanan khususnya melibatkan kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Aktiviti-aktiviti pengusahahasilan hutan yang dijalankan juga sentiasa menekankan aspek pemuliharaan persekitaran dengan menggunakan pendekatan *low impact logging*, dengan izin. Begitu juga dengan kawasan-kawasan hutan yang telah diusahahasilan akan dipulihkan semula menerusi rawatan dan tanaman mengaya.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: [*Bangun*]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, Yang Berhormat Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih kerana memberi laluan. Berkenaan dengan pemuliharaan hutan ini yang telah digagaskan oleh kerajaan iaitu mengurus Hutan Simpanan Kekal kita melalui pengurusan secara berkekalan dan kita juga ada membuat pemuliharaan selepas kita membuat pembalakan tetapi sebagaimana kita tahu bahawa masalah pengurusan hutan ini banyak ditekankan kepada Kerajaan Pusat iaitu di bawah Kementerian Perusahaan Utama yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan di peringkat Malaysia.

Masalah yang kita hadapi ialah selain daripada hutan simpan ini, ada hutan lain yang dibenarkan membuat logging ataupun tebangan oleh kerajaan-kerajaan negeri – pada satu ketika dahulu memang melebihi daripada had-had tertentu. Jadi, apakah pendirian Kerajaan Pusat kerana pemberian kawasan balak kepada pengusaha-

pengusaha balak ini di luar daripada kawalan Kerajaan Pusat sedangkan kerajaan-kerajaan negeri akan mengikut cara mereka untuk mendapat ses ataupun cukai daripada pemberian kawasan balak?

Jadi, apa pun usaha di peringkat Pusat, kalau tidak ada satu penyeragaman di bawah satu akta yang lebih sesuai terutama sekali berkenaan dengan enakmen hutan di negeri-negeri, maka saya berpendapat dan apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa akan sampai satu masa di mana program pemulihan ini akan menjadi lebih susah dan lebih payah kepada kita, apatah lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan cuaca, *water catch*, pengurusan tadahan air dan sebagainya kerana kita *inter-relative*.

Baru-baru ini pun kita ada isu besar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah alam sekitar ini yang berkaitan dengan penebangan balak-balak. Jadi, saya berkehendakkan sedikit pandangan Yang Berhormat, bagaimanakah keadaan cara kita mengurus pembalakan dan pengurusan hutan ini walaupun kita mempunyai falsafah yang baik di peringkat nasional tetapi ianya tidak dapat diterjemahkan di peringkat negeri yang mempunyai authority untuk memberi pengurusan ataupun pembalakan-pembalakan ini di seluruh negara kita.

Kalau boleh, apakah strategi seterusnya oleh kerajaan supaya hutan simpan ini sebagaimana semua orang faham, bahawa ianya akan menjadi bukan sahaja warisan kepada generasi kita yang akan datang tetapi ianya juga akan menjadi satu aset yang penting untuk negara, perkara-perkara yang berkaitan dengan tadahan air, pemuliharaan alam sekitar dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sila

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat sarankan tadi itu memanglah betul dan oleh kerana kerajaan-kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan cara macam mana mereka mengagih-agihkan hutan negeri itu kepada pengusaha-pengusaha yang tertentu. Walau bagaimanapun, kita di kementerian daripada segi pembalakan hutan di negeri masing-masing, Kerajaan Pusat telah pun memberi kuota untuk setiap negeri di mana kita khaskan kuota itu dan berapa yang boleh ditebang dan itu adalah satu dasar yang telah pun diikuti semua negeri dan mereka tidak dibenarkan melebihi daripada kuota yang

diberikan dan melalui itu kita dapat mengawal cara pembalakan dan juga sistem *reduced impact logging* telah pun juga disediakan untuk menjaga alam sekitar kita.

Satu lagi cara kita untuk mengawal hutan kita, dalam masa kini semua kerajaan negeri digalakkan supaya mengadakan satu Forest Management Unit di mana kita telah pun mengusahakan ladang hutan secara komersial supaya menentukan bahawa hasil ataupun kayu yang kita perolehi itu secara continuous. Oleh itu, saya berterima kasih atas soalan Yang Berhormat tadi dan saya sambung.

Di samping itu, sekiranya dalam sesuatu keadaan yang memerlukan sesebuah kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dimajukan untuk aktiviti pembangunan, contohnya perumahan, Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan) 1993 memperuntukkan supaya pihak berkuasa negeri menggantikan semula kawasan yang telah dikeluarkan tersebut dengan satu kawasan yang lebih kurang sama keluasannya untuk dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal yang baru.

Saya ingat Yang Berhormat Zainal sudah keluar. Tuan Yang di-Pertua, saya masih menjawab soalan.....[*Disampuk*] ada? Okay.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii, meminta kerajaan mengkaji semula cara penanaman pokok secara saintifik dan komersial bagi spesis ramin dan meranti. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan supaya hutan negara dapat diurus dengan sebaik-baiknya bagi menghasilkan kayu-kayu bermutu tinggi untuk memenuhi keperluan permintaan pasaran di samping memberi pulangan yang tinggi kepada pendapatan negara. Kementerian saya dengan menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri-negeri sentiasa menjalankan kajian bagi mengenal pasti spesis-spesis pokok bermutu tinggi seperti ramin dan meranti untuk ditanam semula sama ada sebagai tanaman menggayah mahupun peladangan. Walau bagaimanapun, kesesuaian sesuatu spesis tersebut untuk ditanam secara komersial adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kesuburan dan kesesuaian tanah, bekalan biji benih dan bahan tanaman yang berkualiti dan mencukupi, hasil pengeluaran yang tinggi dan cepat matang serta mempunyai potensi pasaran yang tinggi.

Yang Berhormat Mustaffa Kamal pula minta kerajaan melaksanakan projek hutan getah memandangkan harga kayu getah adalah baik di pasaran dan soalan (b) menjalankan tanaman sampingan dengan menanam rotan manau di dalam hutan getah

berkenaan dan juga meminta kementerian lebih kerap mengadakan perbincangan dengan Pertubuhan Antarabangsa Kayu Tropika (ITTO) bagi mendapatkan peruntukan yang lebih banyak untuk membangunkan semula hutan di Malaysia.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Minta maaf lah ganggu, tetapi saya rasa ini penting untuk negara kita. Apabila kita menebang pokok-pokok di dalam kawasan yang telah dibenarkan oleh kerajaan, biasanya macam Yang Berhormat kata tadi, ada program pemulihan seperti tanaman mengaya dan sebagainya. Saya ada terbaca dalam buletin yang dijalankan oleh *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM) di Kepong dalam beberapa tahun yang lalu bahawa hutan simpan tropika yang berada di negara kita ini melalui proses tanaman mengaya ini tidak berapa berkesan tetapi ianya adalah lebih baik usaha-usaha di peringkat kerajaan-kerajaan negeri ataupun di peringkat swasta yang mempunyai kawasan pertumbuhan ataupun kawasan hutan yang besar digabungkan dengan pokok-pokok yang berorientasikan pertanian seperti pokok durian dan sebagainya.

Walaupun kita tahu semua pokok-pokok ini adalah merupakan asas kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan perhutanan tetapi kita nampak program selepas penebangan sahaja tidak akan mencukupi kerana kita tahu bahawa satu pokok cengal umpamanya, ataupun meranti sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, ianya memerlukan umur selama 60 hingga 80 tahun untuk dimatangkan. Jadi, oleh kerana penanaman pokok-pokok balak ini memerlukan masa yang begitu panjang, maka apakah rancangan kerajaan supaya ada gabungan di antara perhutanan dan pertanian ini dalam kita mengusahakan supaya balak ataupun produk daripada hutan ini dapat kita uruskan secara berkekalan. Pandangan Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Ya. Terima kasih, Yang Berhormat. Memanglah kita daripada kajian bahawa tanaman pokok meranti dan yang lain-lain itu memakan masa yang panjang dan ini adalah satu faktor di mana pengusaha-pengusaha terutama sekali daripada pihak swasta enggan melabur pelaburan yang begitu besar oleh kerana pulangannya begitu lama hendak diperolehi. Walau bagaimanapun, pihak kementerian juga dan juga Kementerian Pertanian telah pun mengusahakan tentang cara mempelbagaikan tanaman supaya kita dapat menghasilkan tanaman-tanaman itu lebih awal dan juga supaya kita dapat mengekalkan hutan simpanan kita.

Walau bagaimanapun, beberapa kerajaan negeri telah pun mengadakan program-program mereka di mana penanaman seperti spesis *acacia mangium* dan ‘*imani*’ dan beberapa spesis yang lain telah pun ditanam dan dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan Bank Pembangunan Asia dan kemudiannya diperluaskan meliputi negeri Perak, Kelantan, Terengganu dan negeri-negeri yang lain. Dan, di Sabah juga – yang masalahnya Yang Berhormat yang dikatakan bahawa Kerajaan Pusat di Sabah sekarang yang telah pun kita baca dalam surat khabar bahawa ada beberapa isu yang ditimbulkan tentang pembalakan haram. Ini adalah suatu aktiviti yang merugikan bukan sahaja kerajaan negeri, kerajaan pusat tetapi juga rakyat di mana aktiviti pembalakan haram ini juga sedikit sebanyak telah pun mencemarkan dan menyulitkan kita dari segi *water casement area*.

Dan, apa yang saya katakan tadi bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah pun memohon meminta supaya askar melibatkan diri untuk mengawal supaya jangan ada pembalakan haram. Dan, ini satu daripada aktiviti negatif pembalakan haram ini bahawa apabila Kerajaan Pusat memberi kuota yang dihadkan untuk penebangan pokok maka pengusaha-pengusaha yang dilesenkan mengikut had-had yang tertentu tetapi masalahnya bahawa pengusaha-pengusaha atau pembalak-pembalak haram ini yang akan menimbulkan masalah kepada kita. Mereka juga apabila mereka menebang pokok itu dan mereka tidak menanam semula, *replanting scheme*, tidak menanam semula dan inilah yang akan mengakibatkan kerugian kita dan kita berharap bahawa kerajaan-kerajaan negeri – tetapi saya dimaklumkan daripada taklimat-taklimat pengarah-pengarah hutan di Semenanjung Malaysia bahawa daripada mengikut *remote sensing* ataupun *satellite program* itu bahawa aktiviti-aktiviti pembalakan haram di Semenanjung begitu berkurangan tetapi kita belum begitu pasti sama ada pembalakan haram di Sabah masih belum dapat dikawal lagi.

Untuk menyambung pertanyaan Yang Berhormat Mustaffa Kamal tadi – bagi mengurangkan penggantungan sepenuhnya sumber kayu daripada hutan asli, kerajaan telah pun mengenal pasti dan mengambil langkah bersepadu untuk melaksanakan penanaman beberapa spesis pokok dalam bentuk ladang hutan. Di antara spesis yang dikenal pasti termasuklah spesis getah, kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama Lembaga Getah Malaysia

(LGM) mendapati spesies tersebut bukan sahaja boleh menghasilkan isi padu kayu yang tinggi malahan juga ia menghasilkan pengeluaran susu getah.

Sehingga Disember 1998, seluas 1,667 hektar telah pun dibangunkan sebagai projek ladang perintis hutan getah di beberapa buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Kerajaan sememangnya menggalakkan petani-petani memaksimumkan penggunaan hutan tanah dengan mempelbagaikan tanaman di dalam sesuatu kawasan ataupun *agroforestry*, dengan izin. Menerusi pendekatan ini petani tidak bergantung hasil pendapatan kepada satu jenis tanaman seperti getah ataupun kelapa sawit sahaja sebaliknya diselang-seli dengan tanaman lain seperti sentang, jati ataupun rotan.

Adalah menjadi hasrat kerajaan menerusi pendekatan mempelbagaikan tanaman ini, pendapatan petani dihasilkan daripada pelbagai punca. Di samping itu juga pendekatan *diversified crops*, dengan izin, ini juga akan dapat mengimbangi kejatuhan sesuatu komoditi dengan peningkatan harga komoditi yang lain.

Dan, tentang Pertubuhan Antarabangsa Kayu Tropika (ITTO) pula. Untuk makluman Yang Berhormat Mustaffa Kamal, bahawa Malaysia melalui Kementerian Perusahaan Utama dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa mengadakan perbincangan dengan ITTO bagi mendapatkan peruntukan di dalam membangun dan menguruskan hutan secara berkekalan. Malaysia merupakan antara negeri ahli ITTO yang paling banyak menerima peruntukan bagi membiayai projek-projek pengurusan hutan berkekalan, pemuliharaan kepelbagaian biologi, *conservatory* atau *biodiversity*, penyelidikan sumber-sumber hutan dan latihan.

Sejak menyertai ITTO dalam tahun 1987 sehingga sekarang, Malaysia telah mendapat sebanyak USD21.7 juta bagi 28 buah projek yang dijalankan oleh Jabatan-Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), MTIV dan Perbadanan Kemajuan Industri Kayu Sarawak ataupun STIDC. Peruntukan dari ITTO adalah berdasarkan permohonan dari jabatan atau agensi yang bercadang untuk melaksanakan projek untuk tahun 1999, tiga buah projek yang bernilai USD1,889,719 juta telah berjaya mendapatkan peruntukan daripada ITTO. Projek-projek tersebut ialah *an assessment of the status of conservation area in Sabah*, dengan nilai USD391,616 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Sabah.

Kedua, '*Development of Wildlife Sanctuary*' atau *as a totally protected area*, fasa tiga dengan nilai USD743,775 dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Sarawak. *Sharing Information And Experiences In A Private Sector Success Stories And Sustainable Forest Management*, dengan izin, USD750,325 dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Untuk tahun 2000 ini Jabatan Perhutanan Sarawak telah mengemukakan cadangan *Project Model Forest Management Area*, dengan izin, yang bernilai USD1.444 juta kepada ITTO dan akan diputuskan di mesyuarat sesi ke-29 pada bulan November ini di Yokohama.

Daripada contoh-contoh di atas, menunjukkan kerajaan sangat prihatin dan bersungguh-sungguh untuk memastikan hutan di negara ini diurus secara berkekalan di samping memperolehi faedah-faedah ekonomi dan dari sumber-sumber kayu dan bukan kayu serta kestabilan alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk memberikan jawapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 6 Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara iaitu Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Datuk Long bin Jidin, Datuk Nor Azah binti Awin, Datuk Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Safinah binti Jusoh dan akhirnya Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan yang telah berucap dan membahaskan tentang beberapa perkara yang menyentuh tanggungjawab Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menggesa agar kerajaan meneliti semula rancangan penjualan saham telekom kepada Singapore Telecommunication Limited iaitu SingTel. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum lagi menerima permohonan berkaitan dengan penjualan saham Time Telekom kepada SingTel. Apabila permohonan ini diterima, kerajaan akan meneliti perkara-perkara tertentu yang terlibat dengan cadangan penjualan saham berkenaan sebelum membuat sebarang keputusan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengambil perhatian terhadap saranan dan cadangan Yang Berhormat ini mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Long bin Jidin menggesa agar usaha membekalkan kemudahan elektrik dan telefon dilaksanakan seluas yang mungkin, meliputi perkampungan Orang Asli yang terletak di pedalaman. Untuk makluman Yang Berhormat, antara lain matlamat Dasar Kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia adalah untuk memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar oleh pengguna.

Sehubungan dengan ini, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah mengadakan program perkhidmatan sejagat ke kawasan terpencil dan luar bandar serta kawasan dengan izin, under served untuk tujuan ini. Dan di bawah Belanjawan 2000 ini, sebanyak RM318 juta telah diperuntukkan untuk membiayai pelaksanaan kemudahan sistem 'wireless in local loop wide', dengan izin, yang akan memberikan manfaat kepada seramai 120,000 pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Manakala isu bekalan elektrik luar bandar pula dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awini ingin mengetahui status syarikat MSC. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini 311 syarikat telah diberikan status MSC. Ini meliputi 172 buah syarikat milik majoriti tempatan yang akan mendapat pendedahan meluas menerusi penyertaan 98 syarikat milik majoriti asing. Di samping itu, 67 daripada syarikat berkenaan merupakan syarikat-syarikat usahasama tempatan dengan asing yang jelas mempercepatkan berlakunya proses pemindahan kepakaran dan teknologi. Setakat ini 278 buah syarikat sedang beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail menyanan agar bumiputera perlu mencapai '3%' penyertaan dalam syarikat MSC. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Pembangunan MSC Negara tidak terasing daripada keperluan merangkumi kepentingan bumiputera iaitu selaras dengan prinsip-prinsip Dasar Pembangunan Negara.

Sehubungan dengan ini, kerajaan akan juga berusaha untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam syarikat-syarikat MSC. Ini bertujuan memastikan bahawa masyarakat bumiputera tidak terpinggir daripada menikmati pembangunan IT negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Safinah binti Jusoh menyarankan agar kerajaan membudayakan IT di kalangan masyarakat luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pembangunan IT Negara sememangnya tidak terasing daripada keperluan menjadi masyarakat luar bandar celik IT. Untuk tujuan itu, kerajaan akan mengadakan Program Perkhidmatan Sejangat ke kawasan terpencil dan luar bandar seperti yang saya jelaskan sebentar tadi.

Di samping itu juga kerajaan telah melancarkan projek Perintis Pusat Internet Desa untuk memberi manfaat kepada komuniti luar bandar dan membantu mengimbangkan pembangunan dan merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Mengenai pelaksanaan tujuh aplikasi perdana MSC yang dianggap kurang memuaskan, saya ingin menjelaskan bahawa mengenai kemajuan tujuh aplikasi perdana yang ditetapkan setakat ini empat aplikasi berikut telah mula dilaksanakan iaitu:

- (i) kerajaan elektronik – 26.1%;
- (ii) kad pintar – 65%;
- (iii) sekolah bestari – 15%; dan
- (iv) teleperubatan – 2%.

Yang lain masih lagi di peringkat penyediaan pelan konsep iaitu perdagangan tanpa sempadan (borderless marketing). Jaringan pembuatan seluruh dunia (worldwide manufacturing web) dan kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D cluster). Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan lagi pembangunan aplikasi-aplikasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan menyarankan supaya halaman web ditapis bagi mengelakkan kerosakan akhlak dan moral di kalangan generasi muda. Saranan Yang Berhormat amatlah disanjung. Mengikut peruntukan Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 – “*Sesiapa yang didapati menyalahgunakan Internet seperti komen, komunikasi lucah, sumbang, palsu, jelik dan sebagainya.*” Mereka ini boleh disabit kesalahan dalam peruntukan ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak akan membuat sebarang tapisan ke atas penggunaan Internet. Ini dijelaskan dengan komitmen kerajaan dalam satu MSC bills of guarantee, dengan izin, iaitu dengan izin, to ensure no censorship of the Internet.

Jadi, dengan ini Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya beri atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk memberi jawapan.

12.53 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban mengesyorkan MITI mengambil perhatian ke atas pemberian insentif baru, misalnya taraf perintis kepada barangan dan aktiviti baru. Insentif yang ditawarkan perlu disesuaikan dan diperbaiki untuk memastikan semua IKS dapat menikmatinya. Beliau juga mahu penyertaan kaum wanita perlu dipastikan keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menyediakan pelbagai insentif untuk memajukan syarikat-syarikat IKS. Pada umumnya insentif-insentif yang telah disediakan oleh kerajaan disesuaikan mengikut kehendak pasaran semasa. MITI melalui SMIDEC telah menyediakan beberapa program seperti Program Rantainya Industri, Program Pembangunan Teknologi, Program Perolehan Teknologi, Program Peningkatan Kemahiran, Program Pembangunan Pasaran, Program Pembangunan Infrastruktur dan Program Khidmat Nasihat.

Pakej kewangan seperti Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF), Skim Pinjaman Mudah Untuk Memodenisasi dan Automasi, Skim Pinjaman Mudah Untuk Peningkatan Kualiti, Pakej Kewangan Untuk IKS, Skim Pengauditan Kilang dan Geran Y2K telah diadakan untuk IKS. Sehingga 31 Mac 2000, sebanyak RM232.26 juta telah diluluskan bagi tujuan di atas daripada peruntukan sebanyak RM342 juta. Syarikat-syarikat IKS yang mengeluarkan produk-produk atau terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang digarapkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan adalah layak

untuk mendapatkan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Senarai ini disemak dan dikemaskinikan dari masa ke semasa.

Bagi usahawan-usahawan wanita pula masalah kebiasaannya yang dihadapi adalah akses kepada kewangan, pasaran, kekurangan daya saing dan juga kekurangan keupayaan teknologi dan kemahiran teknikal. Oleh itu satu skim insentif khas telah diwujudkan untuk usahawan wanita. Skim ini memberikan bantuan kewangan di dalam industri dan perkhidmatan berkaitan yang cenderung 'dilibati' oleh usahawan wanita. Sehingga Mac 2000, daripada RM20 juta yang telah diperuntukkan bagi Skim Bantuan Khas Usahawanita ini sebanyak RM11.5 juta telah diluluskan berasaskan sebanyak 94 permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri menyarankan bank-bank serta institusi-institusi kewangan memberi pinjaman yang mudah kepada IKS bumiputera dengan syarat-syarat yang tidak berat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang bekerjasama dengan bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan institusi-institusi pembangunan untuk memperuntukkan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha IKS terutamanya pengusaha-pengusaha IKS bumiputera dengan syarat-syarat pinjaman yang mudah. Bagi tujuan ini dana-dana telah disalurkan kepada bank-bank perdagangan oleh MITI melalui SMIDEC.

Di bawah Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi, Skim Peningkatan Kualiti dan Pakej Kewangan Untuk IKS yang disalurkan melalui MIDF, Bank Pembangunan dan juga Bank Industri – RM178.06 juta pinjaman telah diluluskan kepada syarikat-syarikat IKS. Dan daripada jumlah ini sebanyak RM108.2 juta adalah pinjaman kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin berpendapat rundingan WTO bagi proses globalisasi dan liberalisasi akan menyebabkan persaingan tanpa sebarang kawalan berlaku dan perlindungan kepada syarikat tempatan akan dihapuskan. Ini menyebabkan syarikat tempatan tidak lagi kompetitif berbanding dengan syarikat daripada negara maju. Pegangan pelaburan asing 100% hendaklah ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa rundingan WTO akan menyebabkan persaingan tanpa sebarang kawalan berlaku. Ini kerana negara mempunyai pilihan mengenai paras liberalisasi yang hendak dicapai berdasarkan

prinsip liberalisasi progresif atau progressive liberalization dengan izin, dan berasaskan peraturan. Ini bermakna dalam sektor-sektor di mana negara memilih untuk mengadakan liberalisasi pun, kita masih boleh membuat pengecualian. Ini termasuk mengehendkan pegangan pelaburan asing.....

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, Yang Berhormat ada minta laluan?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
Saya mohon laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kita dapati, kita memanglah berterima kasih dan pihak industri juga berterima kasih kepada pihak kerajaan yang memberi pioneers status ataupun taraf perintis. Tetapi pengusaha-pengusaha dalam negara – tidak apa selamat kita. Maknanya, yang local industri tetapi yang menjadikan masalah terkini, yang sering diperkatakan oleh golongan ahli-ahli usahawan dan juga masyarakat di Malaysia, ada pengusaha-pengusaha dari Taiwan yang kita beri pioneers status atau taraf perintis selama 10 tahun ataupun lima tahun ikut kategorinya. Dan apabila dia sudah pun membua t untung dan menikmati segala keuntungan ini melalui taraf perintisnya, dia tutup kilang dan dia balik ke negeri dia membawa segala keuntungan.

Perkara ini berlaku dan tidak dapat dinafikan oleh sesiapa sekarang, perkara ini sudah pun berlaku dan apakah trend ini atau cara-cara ini akan kita biarkan begitu berterusan hingga sampai menjadi satu penyakit ataupun menjadi kuman (virus) di dalam dunia industri di Malaysia ini.

Jadi, saya mohon penjelasan, saya rasa penjelasan ini biarlah setelah lepas makan. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Jadi, Yang Berhormat masa pun cukup. *[Ketawa]* Lebih kurang jam 1.00 lebih sedikit sahaja. Jadi, saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang untuk Yang Berhormat meneruskan jawapan.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Kerk Choo Ting: Tan Sri Yang di-Pertua, untuk memberi sedikit makluman kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkit isu pelabur Taiwan yang membawa balik keuntungan dan menutup kilang sama sekali adalah dimaklumkan bahawa kes-kes yang dibangkitkan adalah terhad dan bukan merupakan satu trend atau satu fenomena yang membimbangkan. Dalam kes-kes berkenaan mungkin terdapat sebab-sebab yang tertentu kenapa pihak syarikat perlu menutup perniagaan mereka di negara ini seperti keluaran syarikat-syarikat itu kehilangan daya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa atau masalah kewangan akibat kegawatan di Taiwan pada awal 90-an.

Walau bagaimanapun, perundangan yang ada sekarang seperti kawalan mata wang, pampasan pekerja memberi perlindungan yang mencukupi kepada pihak-pihak yang terlibat dengan penutupan perniagaan tersebut seperti golongan pekerja dan terdapat syarikat-syarikat Taiwan yang melabur di Malaysia pada dua tiga tahun yang lepas itu adalah syarikat-syarikat yang besar, syarikat-syarikat yang tidak menghadapi apa-apa masalah. Itulah sedikit penjelasan daripada saya dan saya menyambung.

Dalam pada masa itu sebagai langkah untuk menggalakkan pelaburan, kerajaan secara unilateral membenarkan pemegang pelaburan asing sehingga 100% tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Kerajaan akan terus memastikan syarikat-syarikat tempatan diberikan perlindungan yang sewajarnya untuk memastikan mereka dapat terus bersaing. Dalam pada itu kita perlu sedar bahawa persaingan adalah baik untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menjadi lebih efisien dan memperbaiki lagi prestasi mereka.

Tan Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin telah juga mencadang supaya syarikat-syarikat IT perlu diberi bantuan untuk R&D Technical Fund terutamanya kepada infant industry. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia iaitu MTDC dengan izin, mempunyai program bantuan kepada syarikat tempatan yang menjalankan R&D dalam aktiviti yang berkaitan dengan IT di bawah program pembangunan teknologi. Sehingga kini, sebanyak lima syarikat telah menerima bantuan tersebut melibatkan peruntukan sebanyak RM4.8 juta.

Tan Sri Yang di-Pertua, sekianlah saja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya

juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Sekianlah terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kementerian Pertanian.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:

Tan Sri Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian Malaysia atau di bawah kawalan dan tanggungjawab Kementerian .

Tan Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin telah menyarankan agar Kementerian Pertanian menyelaraskan permohonan tanah untuk memajukan projek pertanian berskala besar sejajar dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga.

Tan Sri Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara Ketiga yang memberi penekanan kepada sekuriti makanan maka selain daripada kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada, kawasan-kawasan baru perlu dibuka untuk projek-projek tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan. Adalah dianggarkan kawasan seluas 145,600 hektar diperlukan untuk tambahan pengeluaran makanan ini. Kementerian Pertanian bercadang untuk mewujudkan zon-zon kekal pengeluaran makanan di seluruh negara.

Kementerian Pertanian sedang berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai. Setakat ini beberapa negeri seperti Johor, Sarawak dan Pahang telah memberi sambutan positif terhadap cadangan ini. Kerajaan negeri Johor misalnya telah mengenal pasti kawasan seluas 35,000 hektar untuk dizonkan sebagai kawasan pengeluaran makanan.

Untuk menggalakkan sektor swasta, menceburi dalam sektor pertanian, kerajaan telah menyediakan beberapa insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan dan Akta Cukai Pendapatan serta insentif di bawah group relief, dengan izin. Satu seminar mengenai peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian kepada sektor swasta akan diadakan pada 24 April 2000. Seminar ini bertujuan untuk menarik sektor swasta menceburi dalam sektor pertanian.

Tan Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dan Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh telah menyentuh perkara berkaitan dengan pendapatan para pekebun kecil industri kelapa dan juga masalah kekurangan kelapa yang telah dihadapi satu ketika dahulu.

Tan Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pekebun kecil kelapa bagi meningkatkan pendapatan mereka. Sebagai contoh, Kementerian Pertanian sedang menggalakkan petani menanam semula kelapa dengan jenis-jenis yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi seperti kelapa mawar dan kelapa pandan.

Selain daripada itu petani juga digalakkan menanam tanaman selingan yang boleh memberi pulangan segera seperti buah-buahan yang tidak bermusim yang mempunyai dengan izin, gestation period yang pendek seperti nanas, tembikai, pisang, betik dan limau.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' kerana meskipun keadaan kelapa pada masa sekarang terdapat di dalam pasaran dalam negara akan tetapi masih harganya masih tinggi. Sebagai contoh, satu kilo santan kelapa yang dulu, RM2.80 masa sekarang, RM4.00. Harga ini dianggap oleh suri-suri rumah atau pengguna-pengguna masih terlalu tinggi. Berbagai masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pertanian terutamanya yang saya nampak ketara sekarang, kelapa sudah makin lama makin tinggi, amat baik kita tanam balik pokok yang datangkan hasil lumayan seperti mawar dan sebagainya akan tetapi itu makan masa yang lama. Bagi mengatasi masalah jangka pendek ini adakah kementerian, soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk membawa pemanjat-pemanjat kelapa dari Seri Lanka ataupun India untuk menyelesaikan masalah. Masalah kita sekarang, petani bila saya tanya, petani di Sabak Bernam atau daerah-daerah Kerian dan di daerah Larut dan Matang dan sebagainya kerana pokok tinggi, tak ada orang nak panjat. Jadi sekarang sebelah Kelantan, dengar cerita, monyet pun nak pencen dah, di Terengganu pun monyet pun dah nak pencen, tak mahu panjat kelapa. Jadi dia pun dah mula belajar nak mogok dah. Jadi adakah cara-cara, adakah kita bercadang untuk, kerana ini saya telah didatangi oleh seorang kawan saya yang betul berniaga kelapa di negeri Perak. Dia sekarang memanjat kelapa tetapi nak ambil buah kelapa, tak ada orang yang nak panjat kelapa, terdapatlah seorang dua.

Adakah Kementerian dapat memberi penjelasan yang lebih baik kalau boleh kita bawa pemanjat kelapa dari Sri Lanka ataupun India, rakan-rakan kita dari sana. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tan Sri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, seorang lagi bangun.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua, saya ingin sambung dan mencelah sikit untuk minta laluan. Yang panjat kelapa, monyet tak boleh, beruk. Monyet panjat petai.

Lepas itu Tuan Yang di-Pertua tentang kelapa mawar dengan pandan ini, setahu saya pokok kelapa mawar, pandan ini orang tak ambil isi dalamnya tu, dia minum air. Jadi akibatnya tak sampai tua, orang minum air dulu, jadi kelapa tu tak sampai untuk ambil santan, itu yang jadi masalahnya dan semua hotel minta kelapa mawar, kelapa pandan. Jadi kalau bolehlah kementerian cuba kaji bagaimana kelapa yang besar-besar ini yang orang tak nak minum air ni supaya dapat santan ia itu. Jadi buatlah satu kajian daripada MARDI Hybrid supaya kelapa itu besar-besar.

Mawar ini kecil saja, pandan pun kecil, wangi saja. Jadi yang ini orang minum air sahaja, santan tak dapat. Itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tan Sri Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang begitu berminat mengenai kekurangan kelapa. Seperti mana saya sebutkan tadi Tan Sri Yang di-Pertua, yang pertamanya dahulu, kelapa tak ada harga, maka kita telah menjalankan kempen supaya minum air kelapa muda. Dahulu orang kata kalau minum air kelapa muda sakit pinggang, sakit lutut, sekarang ini tak timbul dah soal sakit pinggang ataupun sakit lutut. Permintaan untuk kelapa begitu tinggi hasil daripada kempen yang kita jalankan. Sudah tentu permintaan kelapa yang tinggi ini akan memberi pendapatan yang lumayan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa. Soalannya sekarang ini kalau kelapa muda lebih mahal apa perlu kita tunggu sampai dia jadi tua. Jadi, yang sekarang ini dijual kelapa muda, tujuannya untuk minuman.

Yang Berhormat Datuk Long Jidin kata tadi, kelapa mawar dengan kelapa pandan ataupun kelapa wangi ditanam dengan tujuan untuk dijadikan minuman. Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang melalui R&D yang dijalankan oleh MARDI dan juga dengan kerjasama pihak swasta Golden Hope, kita telah mendapati ada variety yang baru yang pokoknya tidak setinggi sekarang ini

yang kita kata *Malaysian Tall*, dengan izin, dan jenis kelapa ini buahnya banyak. Jadi, ada dua pendekatan, untuk minuman dan untuk dijadikan santan.

Pihak kementerian memang peka dalam hal ini dan kita sedang mengambil tindakan bagi menangani masalah tidak ada orang hendak panjat. Orang panjat pokok kelapa ini memang ia taubat tidak lepas. Kalau ia lepas[*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Lepas, tidak lepas ini pasal apa?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kalau ia lepas ia jatuh, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Petua mana ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tak, masa panjat pokok kelapa, Tuan Yang di-Pertua, ia tidak boleh lepas. Kalau ia lepas, jatuh dari pokok, ia mati.

Jadi, tidak ada rancangan hendak bawa tenaga pekerja asing daripada India dan Bangladesh untuk menangani masalah orang hendak panjat pokok kelapa kerana kita mempunyai program-program lain bagi menangani masalah ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pohon sambung.....

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Minta saya sambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit dengan kementerian ini. Berkenaan dengan minum air kelapa muda ini, saya ingin tahu adakah pihak kementerian sudah buat kajian tentang khasiat minum air kelapa ini kerana ramai orang kata, orang lelaki tidak boleh minum air kelapa muda kerana sejuk dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu adakah kementerian hendak buat kajian tentang minum air kelapa ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sama ada kajian ini dibuat ataupun tidak. Tetapi saya dok minum air kelapa ini tidak ada apa-apa kesan sampingan pun.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada bangkitkan tentang sawah-sawah terbiar. Saya mohon penjelasan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi memulihkan semula sawah-sawah yang terbiar ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan pemulihan tanah atau sawah-sawah

yang terbiar, pendekatan yang diambil oleh kementerian ialah melalui penubuhan kelompok-kelompok petani. Jadi, kita telah pun menggunakan kaedah ini dalam rangka usaha kementerian untuk menangani masalah tanah-tanah terbiar. Kita telah membentuk kelompok tanam sayur-sayuran, tanam buah-buahan dan baru ini saya ke negeri Kelantan, kita telah memulihkan sawah-sawah terbiar dengan mengajak petani-petani di sana menanam kelapa wangi. Ini adalah kaedah-kaedah yang digunakan oleh kementerian bagi menangani masalah tanah terbiar. Didapati kaedah ini amat berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan 'Abidin bin Abdul Rahman' telah menyarankan agar kerajaan dapat menyediakan kemudahan jentera pertanian kepada para petani secara pinjaman atau secara sewaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada kemudahan jentera pertanian yang disediakan oleh sektor swasta, pertubuhan peladang kawasan juga menyediakan kemudahan jentera pertanian untuk penyediaan kawasan, merata sawah, membina kolam dan menyediakan parit ladang.

Di samping itu, Jabatan Pertanian telah menyediakan kemudahan pinjaman alat-alat jentera pertanian seperti pam air, penyembur bermotor, gergaji bermotor dan mesin untuk pemprosesan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan 'Abidin bin Abdul Rahman' juga telah menyarankan agar pendidikan pertanian khususnya yang berkaitan dengan perubahan dalam sektor pertanian dan penyediaan *pilot project* dapat diberikan kepada para petani.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sentiasa berdamping rapat dengan para petani dan sentiasa memberikan khidmat nasihat demi untuk meyakini mereka menerima perubahan-perubahan baru. Sebagai contoh, Kementerian Pertanian telah mengadakan petak-petak demonstrasi di kebun-kebun petani yang merupakan salah satu kaedah perkhidmatan pengembangan yang berkesan. Di petak-petak tersebut, petani terlibat dibimbing oleh ejen pengembangan dalam perancangan projek, amalan pakej teknologi moden, pengurusan ladang dan pemasaran.

Kerajaan juga dari masa ke semasa sentiasa membantu petani menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti sistem pengairan dan saliran. Dalam usaha-usaha secara menyeluruh, kebun-kebun petani terlibat akan mencapai kejayaan.

Selain daripada petak demonstrasi, ejen pengembangan juga menggunakan pendekatan yang sama dalam membimbing petani melaksanakan projek-projek kelompok. Petak-petak demonstrasi dan projek-projek kelompok yang berjaya akan digunakan sebagai model yang boleh dicontohi oleh petani-petani sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, kerajaan sentiasa memastikan sektor pertanian dibangunkan secara seimbang...*[Disampuk]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Mengikut senarai ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada nama 'Abidin Abdul Rahman' yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, 'Yang Berhormat Abidin Abdul Rahman'. Saya tidak ada Ahli Senator yang bernama 'Abidin Abdul Rahman'.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya minta maaf. Aziz Abdul Rahman, sorry mereka silap taip. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman!

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai saya ini silap taip.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak menyentuh tentang pertanian hari itu. Saya hendak tahu siapa 'Abidin Abdul Rahman', ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti. Tetapi walau bagaimanapun, bagi menjawab perkara yang berkaitan mengenai kursus untuk petani, saya ingat ada kaitan dengan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, kerajaan sentiasa memastikan sektor pertanian dibangunkan secara seimbang dengan pembangunan sektor perindustrian. Ini dapat dilihat dengan usaha Kementerian Pertanian untuk membangun dan mengkomersialkan bidang pertanian. Ini adalah di antara usaha kementerian untuk memastikan agar petani luar bandar tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Selain daripada itu, kementerian juga akan cuba menyerapkan sektor pertanian dalam k-ekonomi agar sektor berkenaan dapat bersaing dengan sektor-sektor lain dalam negara dan juga pasaran global. Ini dilaksanakan dengan penggunaan

teknologi moden seperti automasi, mekanisasi, penggunaan media berkomputer dan e-commerce dalam pasaran.

Tuan Yang diPertua, bagi menentukan pembangunan pertanian yang mapan, kerajaan sentiasa berusaha untuk melatih dan menggalakkan golongan muda untuk menceburi bidang pertanian. Misalannya, para belia diberi peluang mengikuti kursus-kursus tertentu di Jepun. Setiap tahun institusi-institusi pertanian juga menghasilkan lebih kurang 400 orang belia yang mempunyai Sijil Pertanian.

Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii, telah membangkitkan isu pencerobohan kapal-kapal nelayan asing yang sedang berleluasa yang telah menyebabkan nelayan tempatan mengalami kerugian. Yang Berhormat berkenaan telah mencadangkan agar kajian dijalankan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang diPertua, Kementerian Pertanian sememangnya menyedari akan kegiatan pencerobohan vessel-vessel nelayan asing di perairan negara. Namun begitu, pencerobohan tersebut adalah terkawal dengan rondaan berterusan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan di perairan negara. Pencerobohan oleh vessel-vessel nelayan asing ini juga telah mengakibatkan kerugian hasil kepada negara dalam bentuk ikan yang dicuri dari perairan Malaysia.

Dari kajian yang telah dilakukan oleh Jabatan Perikanan didapati pada tahun 1996, anggaran kerugian yang dialami oleh negara akibat daripada pencerobohan tersebut adalah sebanyak RM37.78 juta. Menyedari masalah tersebut juga, kerajaan menerusi agensi penguatkuasaan maritim kebangsaan seperti Jabatan Perikanan, Polis Marin dan juga Tentera Laut Diraja Malaysia telah melakukan rondaan yang berterusan di laut. Dan pada tahun 1998, sebanyak 61 buah vessel nelayan asing telah berjaya ditahan dan pada tahun 1999 pula, sebanyak 66 buah vessel nelayan asing telah ditahan dan vessel-vessel ini telah didakwa di bawah Akta Perikanan 1985.

Bagi mengatasi masalah pencerobohan tersebut kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan di mana Jabatan Perikanan, Polis Marin dan juga Tentera Laut Diraja Malaysia sentiasa melakukan rondaan dan pengawasan terhadap vessel-vessel nelayan asing.

Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim, Bahagian Keselamatan Negara yang berpangkalan di Lumut untuk memantau pencerobohan vessel-vessel nelayan asing tersebut. Dalam masa yang sama kerajaan juga akan memperkenalkan satu sistem, iaitu dengan izin, *community base fisheries*

management yang mana nelayan-nelayan tempatan sendiri dapat terlibat secara langsung bagi mengatasi pencerobohan vessel-vessel nelayan asing tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Bagi isu-isu yang tidak dapat dijawab, insya-Allah, kementerian akan mengambil maklum dan tindakan yang perlu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

2.59 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Dalam masa yang terhad ini saya akan memberi penjelasan dengan memfokuskan kepada perkara-perkara spesifik dan mana-mana yang tidak sempat diberikan penjelasan akan tetap diberi perhatian serta diambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah Ibrahim telah mencadangkan agar dikaji semula jumlah jam kredit untuk Kursus Pendidikan Islam di Universiti Teknologi MARA yang telah dikurangkan daripada enam masa kredit kepada tiga masa kredit.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu kajian telah dibuat sebelum ia diputuskan. Kajian tersebut adalah berhubung dengan struktur kurikulum sistem pengajian tinggi tiga tahun yang dijalankan oleh IPTA, iaitu Institusi Pelajaran Pendidikan Awam dan telah dikendalikan oleh tenaga akademik IPTA sendiri dengan tujuan untuk menentukan unit kredit minimum yang diperlukan bagi tujuan pengijazahan. Hasil kajian ini mendapati bahawa adalah wajar satu jumlah unit kredit minimum ditetapkan. Berasaskan kajian ini sebanyak 15% daripadanya adalah untuk menampung komponen-komponen kursus universiti. Dasar ini telah diterima pakai oleh semua IPTA untuk tujuan penyelarasan.

Yang Berhormat Senator Haji Gapar Gurrohu telah membangkitkan agar kementerian mengawal selia institusi pendidikan tinggi swasta iaitu IPTS kerana terdapat keraguan dari segi kualiti pendidikan seperti aspek lokasi bangunan, prasarana, kemudahan tempat tinggal dan peralatan. Kementerian Pendidikan

sentiasa memastikan agar semua IPTS yang telah diberikan lesen beroperasi perlu mencapai tahap piawaian yang ditetapkan.

Antaranya ialah mengadakan lawatan ke premis bagi menentukan kemudahan-kemudahan asas yang lengkap dan selaras dengan peringkat pengajian yang dipohon. Pengesahan juga perlu didapati daripada tiga agensi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Perbandaran bagi menjamin keselamatan dan kesesuaian premis itu untuk tujuan pendidikan. Pemantauan secara berterusan oleh jabatan pendidikan swasta dan Lembaga Akreditasi Negara melalui laporan tahunan, lawatan berkala dan lawatan khas berasaskan aduan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan agar lebih ramai pelajar bumiputera diambil masuk ke IPTS yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat, kerajaan memang bercadang untuk meningkatkan jumlah bumiputera di IPTS kepada sekurang-kurangnya 30%. Mereka akan diberikan kemudahan untuk meminjam daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk kursus dan ijazah yang diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat Abdillah Abdul Rahim berhubung dengan pinjaman PDPDN tidak dinikmati oleh pelajar di kawasan pedalaman di negeri Sarawak, perlu dijelaskan di sini bahawa pinjaman PDPDN adalah terbuka kepada semua pelajar di IPTA dan lima buah IPTS selama ini dan akan dibuka pula kepada semua IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pelajar Universiti Utara Malaysia yang digantung pengajian yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Jamilah Ibrahim, saya ingin membuat penjelasan mengenai isu tersebut agar ia tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak. Pelajar berkenaan merupakan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi tahun 1999 dan telah didapati melakukan kesalahan iaitu mengadakan perarakan untuk menghalang satu forum bagi menerangkan isu sebenar pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri. Beliau telah dikenakan amaran keras.

Selaku ahli MPP yang menjaga latihan dan kepimpinan, beliau telah menganjurkan satu langkah untuk menyusun strategi membantu sebuah parti politik dalam pilihan raya yang lepas di Kubang Pasu dan sebagai hukuman digantung satu semester.

Majlis Persatuan Pelajar Baru bagi tahun 2000 yang tidak sehaluan dengan pelajar tersebut telah menganjurkan satu ceramah oleh Astora Ibat. Ceramah ini berjalan begitu baik tetapi semasa majlis penutupan dan penyampaian cenderahati, pelajar tersebut telah bangun berucap dan mengutuk MPP baru serta menghasut menjadikan majlis tersebut kucar-kacir. Ini memalukan UUM dan tindakan ke atasnya ialah digantung dua semester pengajian. Hukuman tersebut dikenakan kerana UUM merasakan sebagai seorang bakar pemimpin, pelajar tersebut tidak seharusnya bertindak sedemikian. Walaupun UUM boleh terus membuang pelajar tersebut daripada pengajian tetapi demi masa depannya beliau masih diberi peluang untuk meneruskan pengajian selepas hukuman selesai.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh isu gejala sosial di kalangan pelajar khususnya gengsterisme. Mengenai cadangan Yang Berhormat Haji Gapar Gurrohu supaya Kementerian Pendidikan tidak terlalu memberi penekanan kepada prestasi akademik dalam usaha mengurangkan gejala gengsterisme di sekolah. Pada hakikatnya sistem pendidikan negara menumpukan kepada usaha menyeluruh termasuk perkembangan intelek, emosi, rohani dan jasmani murid di samping melengkapkan murid dengan pengetahuan serta kemahiran untuk menangani cabaran hidup dan mempunyai jati diri yang kukuh.

Isu gengsterisme juga disentuh oleh Yang Berhormat Abdillah Abdul Rahim yang mencadangkan agar dibuat kajian bagi mengatasi masalah tersebut. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa usaha untuk menangani masalah gengsterisme dan salah laku di kalangan pelajar juga memerlukan kerjasama dari semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban agar pendidikan rendah diwajibkan, perlu dimaklumkan bahawa kerajaan telah memberikan pendidikan percuma selama 11 tahun. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa ia tidak perlu diwajibkan memandangkan peratus kemasukan ke tahun satu di sekolah rendah adalah tinggi kerana kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan telah meningkat. Sebagai langkah mengatasi keciciran khususnya di kawasan luar bandar, beberapa langkah telah diambil seperti menyediakan kemudahan asrama, rancangan makanan tambahan dan bantuan buku teks.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Che Jam Haron telah menyarankan agar perhatian khusus diberikan kepada pelajar-pelajar cacat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah meningkatkan kualiti pendidikan kepada kanak-kanak dengan keperluan khas agar golongan ini tidak terpengaruh dari arus pendidikan negara. Kanak-kanak bermasalah pendengaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pembelajaran akan dipastikan terus menerima peluang pendidikan yang setaraf dan setanding dengan kanak-kanak lain. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan mewujudkan masyarakat penyayang dan memastikan setiap rakyat Malaysia termasuk mereka dengan keperluan khas dapat menikmati kehidupan sempurna di samping menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman supaya kerajaan menutup Taski dan Pasti kerana menanamkan bibit-bibit yang kurang sihat di kalangan kanak-kanak, perlu dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan keras terhadap institusi pra-sekolah yang melanggar syarat-syarat penubuhannya.

Kementerian Pendidikan buat masa ini telah mengeluarkan satu garis panduan kurikulum yang diedarkan kepada semua tadika di seluruh negara untuk diguna pakai. Ini mengandungi pelbagai cadangan, pendekatan, pengajaran dan pembelajaran bahan-bahan serta aktiviti-aktiviti yang diamalkan oleh guru dan pengurus tadika. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga menjalankan pemantauan berterusan melalui lawatan berkala, lawatan khas dan lawatan berasaskan aduan bagi mengawal kualiti pengajaran keselamatan dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaiza h Mohd. Noor supaya kerajaan meningkatkan bantuan kepada sekolah menengah agama rakyat tanpa perlu mengambil alih atau menjadikan sekolah tersebut sebagai sekolah bantuan kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan belum bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah tersebut melainkan sekiranya pengurusan sekolah tersebut secara sukarela ingin menyerahkan kepada kerajaan. Pada masa ini bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada sekolah menengah agama rakyat ialah bantuan buku teks, bantuan pembangunan yang diberikan secara berkala

berdasarkan permintaan dan grant per kapita pada kadar RM90 setahun bagi sekolah menengah rendah dan RM120 seorang setahun bagi menengah atas.

Tuan Yang di-Pertua setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar terdapat beberapa perkara yang tidak sempat saya jelaskan di sini. Perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

3.12 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina dalam perbincangan ke atas perbincangan Titah Ucapan Diraja yang menyentuh mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan telah menyarankan agar kementerian membantu Kerajaan Negeri Melaka dari segi mempromosikan negeri tersebut kepada pelancong asing dengan lebih giat lagi. Ini memandangkan negeri Melaka tiada sumber alam selain daripada warisan sejarah yang menjadi kebanggaan negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan negeri Melaka terkenal dengan brand warisan sejarahnya akibat dari pengaruh Sultanate Melayu, Portugis, Belanda dan pedagang-pedagang Cina. Kekuatan sejarah ini seharusnya digunakan secara maksimum untuk mempromosikan negeri Melaka bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu. Ini merupakan satu kelebihan negeri Melaka berbanding negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pelancong yang datang dari negara asing. Mereka semua mesti buat lawatan ke Melaka sebab brand warisan sejarahnya. Melaka sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama kementerian agar Melaka disenaraikan sebagai warisan dunia, dengan izin, *a world heritage property*. Selain

daripada itu usaha mempromosikan negeri Melaka melalui aktiviti-aktiviti lain terus juga dijalankan.

Sebagai contoh, tahun ini Pesta Air akan dilancarkan di Melaka dan kementerian bersama kerajaan negeri akan mempromosikan acara ini di dalam dan di luar negeri. Di antara usaha-usaha yang dijalankan adalah mempromosikan Melaka melalui pameran, taklimat, *travel mart* dan misi jualan yang diadakan, menganjurkan lawatan produk pelancongan kepada kru-kru perfileman, ejen perlancongan dan media asing sempena lawatan FAM Trip 2000 yang sedang dianjurkan pada tiap-tiap bulan.

Bagi tempoh Januari sampai Mac 2000 seramai 150 orang media, ejen dan tokoh korporat telah mengadakan lawatan produk pelancongan ke negeri tersebut, menyebarkan maklumat tentang daya tarikan Melaka melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh 18 pejabat Tourism Malaysia di luar negeri dan brochure-brochure yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman pada masa ini sedang berlangsung satu promosi pelancongan mengenai Melaka di Singapura. Yang Berhormat Hunaizah Mohd. Noor menyatakan bahawa dalam usaha

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Yang Berhormat saya menghargai usaha-usaha yang begitu gigih yang dijalankan oleh 'Menteri Pelancongan' yang baru yang menunjukkan sifat-sifatnya sebagai seorang yang ada komitmen dan sebagai seorang ahli perniagaan untuk memajukan pelancongan dan membawa lebih banyak masuk pelancong-pelancong dari negara luar, tetapi baru-baru ini ada satu introduce culture saya kira yang saya merasa agak ganjil, agak tidak sesuai pada pandangan saya dengan negara ini yang seolah-olahnya hendak dipaksakan ke atas hotel-hotel ke atas orang ramai dan juga ke atas masyarakat Malaysia untuk dalam cara menyambut pelancong ke negara ini.

Saya ingin tahu apakah ini merupakan satu keputusan kabinet atau hanya merupakan suatu inisiatif daripada Menteri yang berkenaan kerana iaitu para pekerja hotel-hotel dan sebagainya diminta mengadakan introduce culture iaitu meletakkan tangan di dada untuk menyambut pelancong, saya rasa agak pelik dan ganjil dan ini berbanding kalau kita introduce dengan berpakaian batik dan sebagainya, tidak menampakkan satu jati diri dalam soal ini. Saya tidak percaya ia akan – tiap-tiap orang yang melakukannya pun berasa agak ganjil. Jadi ini adakah

merupakan sesuatu keputusan kabinet, kalau saya tidak silap saya baca katanya keputusan kabinet. Jadi suara-suara bantahan telah pun saya dengar daripada Sarawak sendiri, kalau saya tidak silap. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan dan apakah dan kita – sebab introduce culture oleh kerana Jepun tunduk. Jadi kita di sini sudah biasa dengan shake hand masyarakat China semua kita terima itu sebagai suatu budaya dan kita memerlukan satu cara menyambut pelancong yang saya rasa agak janggal

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih kepada Yang Berhormat memang introduce culture itu tidak dipaksakan kepada sesuatu hotel. Sahaja di recommended dengan izin. Jadi kita Malaysia di sini kita harap kita boleh dapat satu budaya yang unit greeting kepada kita punya pelancong. Jadi ini bukan sesuatu keputusan kabinet, sahaja satu cadangan dan recommendation oleh kementerian. Sesiapa yang tidak bersetuju tidak apalah tidak payah dia buat. Tidak ada apa-apa hukuman, tidak ada denda.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hunaizah Mohd. Noor menyatakan bahawa dalam usaha kerajaan meningkatkan industri pelancongan tumpuan tidak hanya berpesta dan meningkatkan ekonomi sahaja tetapi juga hendaklah menekankan pembangunan kebudayaan, agama dan sebagainya. Di samping itu promosi menarik pelancongan hendaklah juga memberi tumpuan kepada negara Islam dan menjalankan aktiviti keislaman seperti majlis tilawah, kraftangan dan sebagainya. Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan melalui Tourism Malaysia sedang aktif menjalankan promosi pelancongan sama ada di dalam atau di luar negeri.

Promosi yang dijalankan tidak hanya tertumpu kepada penganjuran acara-acara tetapi meliputi kebudayaan, kesenian, sukan, riadah dan pelancongan. Di antara acara-acara yang telah dan sedang dilaksanakan adalah lawatan produk pelancongan oleh pihak media antarabangsa, ejen pelancongan dan tokoh korporat termasuk 'penggambaran' krew perfileman. Taklimat, seminar yang dijalankan oleh 18 pejabat Tourism Malaysia di luar negeri dan penyertaan dalam pameran antarabangsa. Di antara tempat-tempat dan keunikan-keunikan yang terdapat juga khususnya, khususnya di negeri Kelantan yang dipromosikan oleh Tourism Malaysia, ada gelanggang seni, muzium, kampung kraftangan di Kampung Penambang, tempat-

tempat bersejarah, makanan tradisional, bulan melawat Kelantan tahun 1999 dan juga masjid dan rumah ibadat seperti Masjid Muhamadiyah dan rumah ibadat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa kementerian telah mempunyai perancangan strategi dan program untuk membangunkan produk dan aktiviti pelancongan terutamanya yang berasaskan kekuatan dan keunikan tempatan iaitu sosial budaya dan sejarah. Usaha-usaha pembangunan dan promosinya sedang dan terus dilaksanakan. Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah pembangunan dan promosi pelancongan yang berasaskan kepada agama. Justeru itu kerajaan sedang membangunkan produk dan aktiviti keislaman negara ini seperti membangun dan memelihara masjid-masjid dan bangunan tradisional di samping mengadakan berbagai aktiviti keagamaan, membangunkan jejak-jejak warisan sejarah yang mempunyai banyak peninggalan-peninggalannya, membangunkan kraftangan yang mempunyai seni keagamaan yang bertaraf antarabangsa. Dengan adanya produk dan aktiviti keagamaan seperti ini maka kerajaan sedang mempertimbangkan promosinya di negara-negara dan penduduk Islam terutamanya di rantau Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim menyentuh sektor pelancongan menjadi sektor ketiga menyumbang kepada tukaran asing dan di dapati usaha kerajaan dalam menganjurkan Formula One dan Grand Prix telah memberi manfaat dan pulangan kepada negara tetapi sebilangan rakyat tidak memahami keadaan ini. Oleh itu dicadangkan supaya diberi penjelasan kepada rakyat tentang manfaat program ini supaya isu ini tidak diputarbelitkan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji.

Penganjuran acara-acara bertaraf dunia seperti Formula One telah memberi banyak manfaat di dalam usaha memasar dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul dari segi penerimaan publicity percuma secara meluas serta pulangan kewangan yang diterima dan kehadiran penonton luar negara dan dari pihak penaja. Untuk menggalakkan lagi isu penganjuran acara-acara seperti diputarbelitkan oleh pembangkang, kementerian akan menggunakan pelbagai pendekatan untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang manfaat program ini. Antara pendekatan yang dicadangkan ialah mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai manfaat yang diterima dari penganjuran acara tersebut seperti pulangan kewangan dan pertambahan jumlah pelancong disebabkan oleh penganjuran secara

tersebut dan juga menggalakkan penulisan artikal mengenai manfaat yang diterima daripada penganjuran acara-acara tersebut di dalam akhbar dan majalah tempatan seperti penerbitan mingguan, Travel Supplement di dalam surat khabar. Lagi pun memberi taklimat mengenai manfaat penganjuran acara tersebut kepada agensi-agensi kerajaan, swasta, pelajar yang mengadakan lawatan ke kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Long Jidin yang menyentuh membina imej jati diri melalui kebudayaan. Membangunkan jati diri termasuk masyarakat Orang Asli adalah tanggungjawab semua pihak. Cadangan untuk menghidupkan kembali Majlis Kebudayaan Daerah adalah satu perkara yang baik. Majlis Kebudayaan Daerah adalah satu organisasi yang badan induknya adalah Majlis Kebudayaan Negeri. Ini terpulang kepada kerajaan negeri untuk mengolah aktiviti kebudayaan atau kesenian sesuatu negeri. 'Kementerian Pelancongan' memberikan khidmat nasihat serta bantuan teknikal kepada majlis tersebut. Sebagai contoh di negeri Johor, Majlis Kebudayaan Negeri yang undang tubuh, pertubuhannya memberi kuasa di mana Exco Kebudayaan Negeri secara automatik menjadi pengerusi Majlis Kebudayaan Negeri. Sementara Pegawai Daerah adalah pengerusi Majlis Kebudayaan Daerah secara automatik. Kerajaan Johor memberikan geran RM10,000 setahun untuk mentadbirkan dan aktiviti serta setiausaha kerja yang bergaji bagi memastikan agenda jati diri dapat dilaksanakan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua terlanjur telah disentuh tentang Johor tadi ini saya ingin tahu satu ketika dahulu pernah dibangkitkan bahawa pelancong-pelancong yang datang daripada Singapura mereka melawat Johor dan barang kali terus ke Melaka dan akhirnya mereka balik semula ke Singapura, menginap dan lain-lain. Jadi nampaknya seolah-olah negara kita ini dieksploitasikan dari segi sejarah, sosial budaya kita oleh orang lain. Apa yang membimbangkan kita tentang maklumat negara kita ini juga mungkin disalahertikan, oleh itu kita ingin tahu adakah perkara ini masih lagi berleluasa berlaku ataupun telah dapat dibendung. Kita tidak mahu kerugian, kita hanya menjadi alat kepada orang lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya faham apa Yang Berhormat kata ialah Singapura yang gunakan kita punya produk pelancongan untuk dia punya pelancongan. Yakah? Ya. Maknanya itu memang itulah satu perkara yang kementerian kita pun sekarang ada membuat kajian. Memang

sekarang kita sangat risau, masa pelancong datang dia datang Singapore-Malaysia-Singapore. Kita harap lain kali dia datang Malaysia-Malaysia-Malaysia. Walau bagaimanapun masa pelancong datang ke Malaysia mereka pun ada berbelanja di Malaysia. Maknanya itu kita pun ada mendapat manfaat juga, tetapi kita sekarang memang melalui Tourism Malaysia kita di luar negara sekarang kita ada banyak membuat promosi untuk terus datang ke Malaysia dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī berkaitan dengan menyambut baik dan menyokong penuh terhadap usaha-usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk mewujudkan sebuah muzium khas mengenai kebombaan negara ini iaitu Muzium Bomba. Sebagai maklum Ahli Yang Berhormat, fungsi muzium pada hari ini bukan lagi hanya sebagai tempat penyimpanan khazanah lama yang sudah tidak berguna lagi. Muzium pada hari ini mempunyai peranan yang lebih luas iaitu sebagai sebuah institusi pendidikan umum. Dalam erti kata lain para pelawat yang berkunjung ke muzium boleh menimba pelbagai ilmu pengetahuan melalui pameran-pameran yang disediakan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti rujukan perpustakaan, sumber maklumat dan interpretasi yang diberikan mengenai sesuatu topik yang berkaitan di samping mengekalkan warisan bagi difahami generasi akan datang.

Bagi mewujudkan sebuah muzium seperti muzium bomba, apa yang penting ialah menetapkan konsep penyediaan, penyelidikan, pengumpulan dan pengurusan bahan-bahan yang hendak dipamerkan dan dijadikan koleksi muzium. Dalam hal ini pihak yang bertanggungjawab terhadap penubuhan muzium ini perlu membuat perancangan bagi mengenal pasti keperluan-keperluan tersebut dan keperluan lain sebagai sebuah institusi muzium. Dalam usaha untuk mendapatkan artifak-artifak, adalah lebih baik bagi agensi yang bertanggungjawab dan jawatankuasa penubuhan muzium bomba yang dibentuk kelak membuat strategi-strategi pelaksanaan secara pentadbiran sahaja agar pihak yang menyimpannya dapat menyerahkannya secara rela hati dan bukannya secara paksaan.

Kaedah-kaedah seperti ini telah digunakan oleh banyak agensi iaitu dalam usaha untuk menubuhkan sebuah muzium dan kaedah ini ternyata berkesan. Contohnya Muzium Telekom, Muzium Orang Asli, Muzium Perhutanan dan pelbagai jenis muzium lain yang terdapat di negara ini. Akta Benda Purba, Bil. 168, tahun 1976 lebih menekankan kepada artifak yang menjadi warisan negara seperti artifak

arkeologi dan kebudayaan rakyat asal negeri ini yang telah berusia lebih seratus tahun. Akta ini juga turut digunakan untuk mewartakan bangunan-bangunan yang berusia seratus tahun ke atas dan mempunyai kaitan warisan negara.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga sedang berusaha memelihara bangunan-bangunan tersebut melalui peruntukan-peruntukan kewangan yang diberikan setiap tahun melalui Belanja Mengurus dan Pembangunan. Dalam hal ini Jabatan Muzium dan Antikuiti diberi tanggungjawab bagi melaksanakannya. Program ini masih berterusan mengikut jadual seperti yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Dewan yang mulia ini. Segala cadangan dan pandangan yang telah dibangkitkan itu akan diberi perhatian oleh kementerian saya dalam perancangan masa depan terutamanya dalam mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menjadi pilihan utama dan bukannya pilihan yang kedua selepas Singapura kepada para pelancong serta untuk menjadikan sektor industri pelancongan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya ingin...., banyak tadi telah diperkatakan tentang pelancong luar, bagaimana tarikan usaha-usaha dibuat oleh kementerian dari segi untuk menarik pelancong dalam negeri. Jadi kita tidak boleh kesampingkan kerana kita juga dalam usaha untuk mengelakkan ringgit kita keluar dan di samping itu juga dapat menyatupadukan atau keluarga dapat membawa anak-anak melihat keindahan alam kita melalui ecotourism yang kita mula promote sekarang ini. Jadi kita berharaplah supaya pelancongan dalam negeri juga mendapat galakan daripada kementerian dengan sewajarnya.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memang pelancong di dalam negeri ialah satu fokus yang begitu penting oleh kementerian saya, jadi saya tidak tahulah Yang Berhormat ada dengar tidak di radio, tema kita ialah '*Cuti-cuti Malaysia*'. Saya harap Yang Berhormat bolehlah buka radio pukul 7.00 pagi, pukul 8.00 pagi, selepas berita adalah, ia jingle '*Cuti-cuti Malaysia*'.

Jadi kumpulan yang kita pilih adalah yang pertama, *Cuti-cuti Malaysia* untuk membangunkan keharmonian keluarga. Sekarang memang ibu bapa sangat sibuk, bila

bapa ada dengar suara ombak dengan anaknya, bila ibu ada dengar nyanyian burung dengan anaknya. Jadi kita sekarang, kita menggalakkan cuti cuti di Malaysia untuk merapat perhubungan di antara ahli-ahli keluarga.

Yang kedua pun *Cuti-cuti Malaysia* untuk mendidik kanak-kanak dengan orang dewasa kita, macam membuat lawatan ke muzium, berapa orang ibu bapa ada membawa anaknya atau ada berapa orang murid ada buat lawatan ke muzium kita. Macam Muzium Telekom, macam Planetary Museum atau Space Museum, kita punya Istana Budaya, terima kasihlah kepada Yang Berhormat ramai yang ada datang ke kita punya majlis di Istana Budaya tetapi tidak ramai ibu bapa, tidak ramai murid-murid yang buat lawatan ke situ. Itu memang free, percuma tidak ada door tax, tidak ada bayaran langsung.

Sektor yang ketiga, kita buat *Cuti-cuti Malaysia* ialah untuk perpaduan di antara masyarakat. Misalnya kita hendak menggalakkan kita punya JKKK, kampung-kampung, kampung baru, jiran-jiran bersama-sama cuti di Malaysia. Buat lawatan di Malaysia, kenalkan Malaysia punya alam semula jadi dengan merapatkan hubungan di antara masyarakat.

Yang last sekali, kita pun ada khususnya menggalakkan pelancongan di Malaysia melalui '*Cuti-cuti Malaysia*' untuk warga tua. Saya rasa di sini memang kurang Yang Berhormat masuk kumpulan itu, senior citizen tourism. Jadi kita ada bercadang, kita ada bermesyuarat dengan hotels, dengan MAS, dengan tour operators, bagaimana kita sediakan pakej yang murah lagi untuk warga tua sebab warga tua apa dia ada ialah masa. Mereka ada banyak masa di tangan mereka. ita tidak ada masa, mereka ada masa. Jadi mereka tidak payah pergi *Cuti-cuti Malaysia* pada masa peak season. Mereka boleh pergi during low season, dengan izin. Jadi memang pelancong di dalam negeri ialah satu sektor yang kementerian sangat-sangat utamakan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sumber Manusia.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucapkan berbanyak terima kasih kepada rakan-rakan terutamanya Yang Berhormat Senator Zainal bin Rampak yang membangkitkan beberapa isu mengenai hal ehwal Kementerian Sumber Manusia. Ada beberapa perkara yang Yang Berhormat timbulkan di sini.

Antara perkara yang perlu saya perelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, pertama sekali, Yang Berhormat ada mencadangkan supaya Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) membuat kajian penetapan gaji minimum pekerja di semua sektor agar kepentingan dan keperluan pekerja tidak diabaikan. Untuk makluman Yang Berhormat penetapan gaji minimum di semua sektor ekonomi negara memerlukan kajian yang menyeluruh bagi menilai perbandingan di antara faedah dan kos terutama sekali implikasi pelaksanaannya ke atas ekonomi negara. Penetapan gaji minimum di semua sektor tentunya akan membawa kepada peningkatan dalam bayaran gaji dan upah pekerja mengikut tahap kemahiran dan juga bidang ikhtisas mereka.

Kadar upah dan gaji di peringkat kemahiran yang lebih tinggi perlu diubah secara keseluruhannya bagi menjamin gaji dan upah adalah wajar dan adil mengikut gred, mengikut kemahiran dan juga pengalaman pekerja di semua sektor. Dengan itu sistem kadar upah dan gaji menjadi agak ketat dan tentunya downward , dengan izin, rigidity dan ini akan menjejaskan daya saing ekonomi negara. Kadar gaji seharusnya flexible berteraskan produktiviti, kualiti dan juga kemahiran pekerja di samping bergantung kepada daya saing produk dan harganya di pasaran. Gaji minimum yang tidak mengambil kira produktiviti, harga produk, tahap perkhidmatannya tentu akan meningkatkan kos perniagaan keseluruhannya.

Di samping itu sebahagian besar pekerja di negara ini adalah tidak berkesatuan, non unionizes workers, dengan izin, dan ini termasuklah mereka yang bekerja sendiri sebagai petani, ada yang bekerja sebagai nelayan dan pekebun kecil. Mereka perlu bekerja lebih kuat lagi bagi menampung peningkatan dalam kos sara hidup berikutan daripada kesan kenaikan harga barang yang disebabkan oleh penetapan gaji minimum. Taraf hidup dan kesejahteraan mereka juga bergantung kepada faktor lain seperti perubahan cuaca, harga komoditi yang tidak stabil, kelemahan dalam pengagihan dan pemasaran keluaran barangan mereka.

Tuan Yang diPertua, secara amnya kadar upah dan gaji bulanan seharusnya ditentukan lebih tinggi dari paras kemiskinan isi rumah bagi menjamin yang kesejahteraan dan taraf hidup pekerja dan keluarga mereka di semua peringkat sektor terjamin. Oleh itu cadangan ini hendaklah dikaji secara menyeluruh dengan mengambil kira implikasinya kepada ekonomi negara terutamanya kesan ke atas daya saing eksport, tekanan inflasi, kos sara hidup, pengagihan pendapatan, kesan negatif

ke atas mereka yang bekerja sendiri dan tidak berpersatuan dan peluang pekerjaan keseluruhannya. Itu perkara pertama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri telah menerangkan perkara yang telah dibangkitkan dalam ucapan saya tempoh hari. Satu pembedaan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menyatakan bahawa saya mohon MTEN mencadangkan, saya mohon supaya kerajaan mengkaji cadangan MTUC mewujudkan gaji minimum di negara ini. Satu pembedaan dalam ucapan saya tempoh hari.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, patutkah gaji pekerja negara kita ini dibiarkan begitu dan diletakkan kuasa pasaran untuk menentukannya. Setelah 43 tahun kita merdeka, tidakkah patut satu gaji minimum diwujudkan dan saya kira cadangan MTUC, gaji minimum yang kita cadangkan RM1,200 adalah merupakan cadangan kita dan kata Yang Berhormat tadi perkara ini perlu dikaji. Tidakkah kementerian memikirkan sama ada kita harus mengadakan perbincangan. Yang pertama sekali, prinsipnya saya hendak bertanya dengan kementerian. Patutkah kita menetapkan gaji minimum ataupun tidak patut gaji minimum ditetapkan di negara kita. Itu soalan saya yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memang benar sektor pekerja yang telah *diorganisekan* dalam kesatuan, jumlahnya kecil. Saya tidak menafikan, saya telah menjelaskan ucapan saya tempoh hari, memang benar dan yang ada kesatuan besar kemungkinan ada *collective agreement* – perjanjian bersama dan kesatuan boleh berbincang dan memohon kenaikan gaji pada tiap-tiap tahun. Bagaimana pula sektor yang tidak ada kesatuan? Itu yang saya nyatakan, kalau adapun gaji minimum, ianya akan dapat dibayar oleh pihak majikan yang datang ke negara kita ataupun majikan dalam negara kita ini membayar gaji mengikut perundangan gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan. Dengan ini, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya kita akan dapat mengatasi masalah kemiskinan dalam negara. Satu.

Yang kedua, saya ingin menjelaskan bahawa dengan penetapan gaji minimum ini adalah satu tuntutan pekerja, bukan satu keistimewaan dan ianya bila dilaksanakan ianya akan memberi kesan yang begitu baik kepada kerajaan sendiri kerana kerajaan dapat menolong kaum pekerja dan rakyat yang miskin berpendapatan rendah dalam

negara ini dalam satu pendapatan yang lebih munasabah dan dengan ini kuasa pembelian, perbelanjaan akan lebih kukuh dan negara lebih maju dan ini akan dapat memperkembangkan ekonomi negara.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa tidak fikirkan ini semua demi untuk kepentingan negara, demi untuk kepentingan kerajaan yang memerintah sekarang. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang saya setuju dan ada perkara yang saya tidak berapa setuju tetapi saya hendak ucapkan terima kasih dahulu kepada MTUC kerana berani buat kajian yang bertajuk *A Study on a Minimum Wage Fixing in Malaysia*.

Ada beberapa perkara yang Yang Berhormat timbulkan ini. Pertama, patutkah ada gaji minimum atau tidak patut. Kalau tanya semua pekerja, semua orang hendak gaji naiklah, Yang Berhormat, semua orang suka naik gaji. Pada teorinya kalau naik gaji macam-macam boleh dipenuhi, boleh meningkat kualiti hidup, itu kita belajar dalam mana-mana buku ekonomi tetapi yang saya fahamlah Yang Berhormat sebab Yang Berhormat duduk dekat sebelah pekerja. Kita di kementerian kita melihat sesuatu perkara bukan hanya melihat dari sudut pekerja. Kita melihat secara keseluruhan, kita juga melihat daripada sudut kepentingan majikan. Jadi, Yang Berhormat, kementerian saya dan kerajaan kita jaga kestabilan dan keharmonian *symbiosis* ini atau kita kata perkongsian bijak, the tripartite agreement, dengan izin, supaya semua elok dan akhirnya ketiga-tiga pihak khususnya kerajaan dapat memastikan yang negara kita ini sentiasa ada competitive case.

Kita tahu, Yang Berhormat, jiran-jiran kita ada menetapkan gaji minimum. Philippine ada gaji minimum, Thailand ada gaji minimum. Cuba Yang Berhormat jawab soalan saya balik, kenapa agaknya orang Philippine masih bekerja di sini? Ini bermakna bahawa walaupun ada akta atau undang-undang gaji minimum tetapi di negara-negara tersebut undang-undangnya tidak dapat dikuatkuasakan, itu satu. Nombor dua, bukan sahaja tidak boleh dikuatkuasakan, malah pekerja-pekerja ini dibayar gajinya lebih rendah daripada tahap gaji minimum yang ditetapkan dalam perundangan negara-negara mereka.

Saya beri contoh, Yang Berhormat, dekat sini ada statistik yang menandakan sektor-sektor pekerjaan dalam sektor pembuatan. Tulisan dia kecil sangat, Tuan Yang

di-Pertua, kena buka cermin mata. [*Membuka cermin mata*] Antara negara Filipina dengan Thailand, ini dua negara yang mengamalkan ada akta tentang gaji minimum:

<u>Pembuatan Makanan</u>	<u>Purata Upah dan Pendapatan</u>
Malaysia	RM 656
Filipina	RM422.44 (4,405 Peso)
Thailand	RM318.70 (2,987 Baht)

Itu pembuatan makanan.

Saya ambil satu lagi contoh, Tuan Yang di-Pertua:

<u>Keluaran Galian Bukan Logam</u>	<u>Purata Upah dan Pendapatan</u>
Malaysia	RM806
Filipina	RM424.36
Thailand	RM366.40

Yang Berhormat tadi sentuh tentang gaji bukan barangan komoditi, kenapa perlu ditentukan oleh market forces – pasaran. Oleh kerana kita berdasarkan kepada market forces itulah, maka kita punya, bukan sahaja upah tetapi juga barangan kita berkualiti dan bila barangan kita upahnya tidak hendak kata murah sangat pun tidak, hendak kata mahal sangat pun tidak tetapi gaji patut, maka produk kita lebih kompetitif, lebih baik dibandingkan dengan negara-negara lain. Itulah jadi negara kita agak cepat sebahagiannya membangun ekoran daripada economic down-turn baru-baru ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya sentiasa berfikir. Kita sentiasa melakukan musyawarah. Kita selalu berbincang, cuma kadang-kadang pihak MTUC, dia sudah buat kajian, kajiannya baik, bincanglah dahulu dengan kementerian. Kita duduk sama-sama dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, kita boleh bincang perkara-perkara ini. Jadi, apabila kajian-kajian seperti ini tiba-tiba keluar dalam surat khabar dan akhirnya kadang-kadang tidak berapa tepat, maka kita kerajaan rasa susah hatilah, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berharaplah kajian dua hala, perbincangan dua hala, muzakarah, musyawarah di antara pekerja.....

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Timbalan Menteri ada mengunjurkan pertanyaan kepada saya, saya ingin untuk menjawab pertanyaan tersebut. Ada perbandingan yang telah dibuat terhadap negara-negara seperti Philippine dan juga Thailand yang memperkenalkan gaji minimum. Di Thailand dan Philippine, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengakui gaji sedemikian dan ada gaji minimum tetapi malangnya penguatkuasaan tidak begitu kuat di Philippine; yang kedua, kerajaannya begitu juga tidak strong, dengan izin. Di negara kita ini kerajaan kuat, strong dan dalam masa kegawatan dahulu, Yang Berhormat sendiri tahu, dan 30 tahun, 4 dekad yang lepas, tidak ada pernah nation wide strike, dengan izin, kita mengadakan musyawarah, perundingan secara aman dan kita telah menunggu begitu lama untuk mendapatkan gaji minimum dan keluhan yang selalunya disuarakan oleh pihak pekerja dan kesatuan tetapi malangnya tidak mendapat pandangan daripada pihak berkuasa, satu.

Kedua, mengapa kajian ini dibuat. Kami telah menunggu begitu lama kementerian buat kajian tetapi malangnya tidak ada kajian dibuat. Saya merasa simpati dengan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat baru sahaja dilantik menjadi Timbalan Menteri. Sebenarnya sebelum ini saya bertanya banyak kali, malangnya tidak ada dan Yang Berhormat rujuk semula mengapa kajian telah dibuat tidak diadakan perundingan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Majlis Perundingan Bersama tiga penjuror iaitu kita harus mengadakan mesyuarat tiap-tiap tiga bulan sekali, sekarang sudah hampir bulan Mei, tidak ada Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Jadi, silap kamikah atau silap kementerian?

Saya telah menulis surat kepada Menteri pada 18 Mac, saya menyatakan saya ingin berjumpa dengan beliau waktu saya balik dari Geneva. Sehingga hari ini saya tidak dapat jawapan daripada Menteri dan saya cuma dapat jawapan daripada Tun Daim menjemput saya mengadakan perundingan. Saya telah menerangkan kepada Tun Daim dan Tun Daim sendiri telah bersetuju, in principalnya katanya gaji minimum memang patut dan kita harus berundingkan. Kemudian, Yang Berhormat nyatakan gaji pekerja-pekerja logam RM800, saya ingat barangkali.....saya sendiri tahu Yang Berhormat, kalau purata pendapatan pekerja logam itu RM800 saya kira termasuk overtime, shift allowance, elaun yang lain. Tafsiran kami, Yang Berhormat, 'gaji' tidak termasuk over-time, tidak termasuk elaun lain, tidak termasuk shift allowance. Berapa ramai pekerja yang mendapat over-time, Yang Berhormat? Berapa

ramai pekerja yang mendapat elaun? Tidak ramai yang dapat, cuma segelintir sahaja. Dalam masa kegawatan Yang Berhormat tahu, gaji kena potong, tidak ada over-time, tiada ada elaun, tahukah Yang Berhormat berapakah pendapatan pekerja? Keluhan yang dirasai oleh pekerja? Dari segi aspek yang sebenar gaji yang berada dalam pasaran pekerja logam dan semuanya, kurang daripada RM400 starting rate of pay – kurang daripada RM400 sebulan.

Jadi, itu sebab kita hendak 'teraskan' supaya kita tetapkan gaji minimum. Memang benar, Yang Berhormat, kementerian harus memandang semua pihak – majikan dan juga pekerja tetapi dalam masa yang sama saya ingat kita perlu memikirkan bahawa nasib kaum pekerja harus juga diberikan pertimbangan dan majikan mendapat keuntungan. Dalam kegawatan kita telah berkorban, Yang Berhormat. Empat dekad yang lepas kita telah berkorban. Dalam security guard kita di sini sahaja, pekerja di sini - dalam Dewan ini 30 tahun bekerja baru dapat RM800, Yang Berhormat. 30 tahun RM800! Anak hendak jaga, isteri – itu bukan dua isteri atau tiga isteri, cuma satu isteri, rumah. Let us think, dengan izin, think it carefully.

Saya merayu kepada semua pihak, saya bukan cakap kerana *glory* untuk menaikkan nama MTUC dan sebagainya, tidak sama sekali. Kajian dibuat semata-mata untuk mencerminkan keadaan. Pekerja hotel, Yang Berhormat tahu, berapa pekerja hotel punya gaji, kurang RM300, dia dapat *tip*. *Tip* tidak termasuk dalam jumlah gaji, bila dibayar EPF, tidak termasuk, cuma gaji sahaja, bagaimana simpanan mereka untuk masa tua, KWSP, umur bersara 55 tahun. Bagaimana kita hendak menolong mereka mengatasi masalah ini, ini yang dinyatakan oleh MTUC.

Saya berharap Kementerian Sumber Manusia, jangan selalu sangat – saya hendak nyatakan, *taking a strong side*, dengan izin, kepada pihak majikan. Saya mohon kita sama-sama duduk, MTUC sanggup untuk berbincang tetapi majikan, Yang Berhormat sendiri sedia maklum, bila kita cakap gaji minimum saja, jawapannya *is no, all long the way*, dengan izin. 43 tahun Yang Berhormat, *we cannot say all the time*. Kalau kita hendak meminang anak orang pun 43 tahun, *we cannot say, I cannot accept you* sebagai menantu saya, satu hari dia mesti juga terima. Sedangkan ini soal-soal kehidupan seharian, kehidupan kaum pekerja, kehidupan rakyat, kehidupan pekerja yang mengundi kita, mengundi Barisan Nasional, mengundi kerajaan. Saya kira barangkali kawasan Yang Berhormat juga ada

kalangan kaum pekerja – saya berharap Yang Berhormat balik kawasan tanya kaum pekerja. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak hendak panjang-panjangkan sangat ini. Kalau panjang-panjang pun rasanya tidak boleh selesai. Tetapi, Yang Berhormat Senator kena faham bahawa ruang kerajaan kita sentiasa terbuka sebab itu kajian yang hendak dibuat oleh MTEN bukan kajian yang seperti MTUC buat. Kalau saya hendak ceritakan tentang kelemahan-kelemahan kajian yang dibuat oleh MTUC ini banyaklah tetapi tidak payah saya hendak panjang-panjangkan.

Saya rasa kementerian memang sentiasa prihatin tentang gaji minimum ini. Cuma kita mintalah – kajian ini kena menyeluruh, bukan berdasarkan kepada satu-satu contoh. Umpamanya dalam kajian ini, bila keluar dalam surat khabar menyatakan bahawa setengah juta daripada pekerja kita hidup di bawah paras kemiskinan, ini memberi gambaran yang bukan mengeliru, saya rasa memalukan sebab realitinya, kajian yang dicadangkan oleh MTEN ini berasaskan kepada pendapatan isi rumah, bukan pendapatan yang ditakrifkan oleh MTUC melalui kajian tersebut, pendapatan individu.

Macam tadi Yang Berhormat kata, pekerja hotel, kita faham, pekerja hotel dia di bawah Majlis Penetapan Gaji, gaji basic mereka adalah RM350 tetapi mereka berdasarkan kepada point. Hotel yang terdekat, yang berada di KLCC, saya bagi contoh, point dia satu point RM3. Saya tanya dengan pekerja yang *serve the food*, saya tanya, paling tinggi bila dapat. Dia kata paling tinggi, 384 *point*. Bila? Masa F One. 384 point kali dengan RM3, RM900 lebih campur dengan basic dapat RM1,000 lebih. Patutnya kita bersyukurlah. Saya tahulah, dia anak daralah, belum kawin lagi. Jadi, kalau di Kuala Lumpur, duduk dengan mak bapa, baru lepas sekolah, pendapatannya RM1,200; saya rasa mereka ini tidak di bawah paras kemiskinan. Tetapi kalau ikut statistik RM350 sebulan memanglah PPRT.

Jadi, gambaran-gambaran ini saya rasa perlu diperjelaskan kepada rakyat. Kalau kita percaya akan laporan yang dibuat oleh MTUC ini, saya masih berasa hairan kenapa saban hari ada mereka yang sanggup berenang ke negara ini semata-mata untuk bekerja walaupun kita tidak ada tahap gaji minimum.

Seperkara lagi yang saya ingin perjelaskan, bila kita bercakap tentang gaji minimum, katakanlah RM1,200; maknanya gaji minimum dalam sesuatu institusi

yang terendah RM1,200. Katakanlah Pembantu Am Rendah (PAR) gajinya RM1,200 maka keraninya berapa pula hendak start, chief cleriknya berapa hendak start, maka ini ada kesan kepada rantaian ini. Dan, akan meninggikan kos dan bila kos tinggi, kita tidak ada lagi *competitive edge* dengan jiran-jiran kita. Negara-negara Barat memang sentiasa melaung-laungkan agar kita terpengaruh dengan mereka, adakan *minimum wage* seperti yang dilaung-laungkan oleh ILO.

Mereka rasa iri hati, kalau ada *minimum wage* memang gaji naik tetapi yang paling penting sekali dalam mana-mana sistem gaji, dalam mana-mana sistem ekonomi adalah, dengan izin, *the purchasing power parity* tadi. Kalau gaji kita naik, keupayaan membeli kita masih tinggi, maka faedah kenaikan gaji itu dapat dirasakan oleh semua orang. Kalau gaji kita naik tetapi ekoran daripada inflasi atau *purchasing power parity* kita menjadi rendah, maka kenaikan gaji tidak memberikan apa-apa erti.

Saya pastilah Yang Berhormat selalu pergi ke luar negara atas sifat tugas Yang Berhormat sebagai Presiden MTUC, kita di sini RM1, kita boleh belilah air tin atau Coke. Di US satu ringgit juga tetapi seringgit USlah. Maknanya, kita punya *purchasing power parity* kita lebih baik. Kita kalau pergi dekat US, kita terpaksa belanja RM4 duit kita tetapi kita duduk sini dengan RM1, orang US beli Coke RM1 juga tetapi seringgit USlah, kita RM1.

Ini yang sebenarnya yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katakan kerajaan – bukan kita tidak mahu layan gaji minimum ini, yang paling penting sekali kita harus sedar bahawa satu kajian menyeluruh perlu dibuat agar bagaimana struktur-struktur gaji di mana gaji mestilah berasaskan satu angka tetap dan satu lagi angka ubah, yang berubah-ubah mengikut produktiviti seseorang atau pada waktu yang sama kita juga perlulah melihat keupayaan majikan untuk membayar gaji dan dalam mana-mana sistem atau organisasi sesuatu produk itu hanya boleh untung dari sudut *businessnya*, dari sudut jualannya jika *input resource* lebih kecil daripada *output resource*. Kalau *output resource*nya lebih besar daripada *input* maka produk itu lebih mudah dijual kerana kosnya rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita hendak jalankan isu gaji minimum ini, kita perlu berhati-hati, kita perlu periksa, kita perlu lihat ke seluruh *angle*, sudut supaya kita tidak terperangkap dalam membuat sesuatu keputusan. Kita sedar bahawa 9.3 million pekerja ini, majoritinya adalah mereka yang sentiasa menyokong kerajaan. Kita berterima kasih kepada pekerja-pekerja melalui MTUCkah atau kesatuan sekerja

yang di bawah naungannya kerana kita dapat memelihara keharmonian industri selama 43 tahun ini. Apatah lagi dalam suasana kita diserang hebat ekoran daripada serangan penyangak-penyangak mata wang pada bulan Julai 1997, kita dapati pekerja-pekerja begitu toleran, begitu sabar menahan dugaan. Jadi, bila kita sabar menahan dugaan ini, saya teringat satu ayat Quran, [*membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud: *Berita gembira bagi mereka yang sabar dan apabila mereka ditimpa musibah, mereka mengatakan itu datangnya daripada Allah.*

Jadi, biasanya orang sabar ini, dia akan dapat limpahan. Satu hari, saya tidak hendak beri harapan tetapi saya yakin tanpa gaji minimum yang amat suka dilaungkan oleh Yang Berhormat tadi, saya yakin kita masih mempunyai gaji yang competitive, yang saya katakan tadi gaji yang RM800 kerja logam tadi, memang betul. Sebab di Filipina pun dia punya gaji termasuk semua overtime, dia masuk overtime baru RM400, Yang Berhormat. Kita masuk semua overtime RM800. Jadi, Yang Berhormat, kerajaan kita ini memang kerajaan yang [*baca sepotong ayat*] “*yang sentiasa berfikir*”.

Yang Berhormat Senator juga menyentuh tentang Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan.

Tuan Zainal bin Rampak: [*Bangun*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini jawapan belum habis lagi, Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Okay.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat kata sudah sampai bulan Mei belum panggil-panggil lagi. Kita sebenarnya di Kerajaan Barisan Nasional ini, dia bekerja secara *collective*, kalau tidak boleh jumpa Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Jadi, Yang Berhormat pun tahu *handphone* saya, nombor telefon ada, telefonlah saya. Mungkin kalau saya bisik kepada Yang Berhormat Menteri saya, Yang Berhormat Presiden MTUC hendak jumpa, saya rasa saya pun boleh menjalankan tugas-tugas diplomatik. Jadi, kalau Yang Berhormat Tun Daim sudah jumpa, alhamdulillah, orang yang samalah juga, kerajaan yang sama.

Ini tentang kekerapan elok saya saya ada statistik ini Yang Berhormat daripada tahun 1995. Tahun 1995 kita mengadakan tiga kali; 1996 tiga kali; tahun 1997 dua kali; tahun 1998 dua kali; dan tahun 1999 dua kali. Sebenarnya kalau mengikut kepada peraturan, ia bukan tiga bulan sekali Yang Berhormat. Mengikut

arahan ia sekurang-kurangnya enam bulan sekali. Maknanya, setahun itu minimum dua kali. Jadi, bulan lima belum panggil, saya ingat tidak lama lagi panggillah itu.

Yang Berhormat juga me.....

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat memberi laluan. Saya juga tidak memanjangkan perbincangan di sini. Saya lebih suka untuk mencari jalan penyelesaian, lebih-lebih lagi secara kita berunding mencari kata sepakat dalam isu perkara gaji minimum yang mana ianya adalah merupakan satu isu yang sangat diperkatakan oleh kaum pekerja. Memang benar sifat saya sebagai Presiden MTUC, Yang Berhormat saya tidak akan lupa nyatakan yang setiap masa dan setiap ketika, walau siapa juga menyatakan perkara ini tidak ditimbulkan dan sebagainya, saya tetap akan bersuara, kalau tidak saya tidak akan dipilih menjadi Presiden MTUC.

Kedua Yang Berhormat, saya ke luar negeri atas nama bukan Presiden MTUC, sebagai ahli governing body, member ILO, koordinator untuk Asia Pasifik dengan izin, dan saya tahu cost of living di luar negeri tetapi saya juga tahu cost of living di sini. Teh tarik pun naik, kopi pun naik, apa juga naik, semua naik kalau dibuat perbandingan kenaikan harga barang, kenaikan harga gaji kita saya ingat jauh berbeza Yang Berhormat. Kita buat statistik satu hari kelak, kementerian Yang Berhormat adakan penyelidikan, buat statistik, buat data, kami sudah ada, kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, kementerian tidak bersetuju dalam statistik kita. Kementerian sendiri pergi buat satu statistik dan kita duduk bersama, kita bandingkan di antara kementerian punya statistik dengan MTUC punya statistik, sejauh mana kita boleh rapatkan di antara kedua-duanya untuk menjadikan satu asas untuk dikeluarkan, untuk mewujudkan satu gaji minimum dalam negara. Pokoknya, soalnya ialah gaji minimum.

Ketiga Yang Berhormat dari segi produktiviti pekerja Yang Berhormat. Saya ingat barangkali Yang Berhormat sendiri lihat produktiviti pekerja negara kita diiktiraf seluruh majikan. Saya kira Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyatakan selepas mesyuarat MTEN dan dalam mesyuarat MTEN, beliau menyatakan bahawa beliau pergi satu simposium Persatuan Majikan Jepun, yang di mana Persatuan Majikan Jepun menyatakan, pekerja Malaysia highly qualified, berpelajaran tinggi, highly skills dan produktiviti yang tinggi. Saya ingat barangkali Yang Berhormat boleh tanya

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Zainal bin Rampak:dengan Perdana Menteri, ini telah diiktiraf di mana juga.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:saya tidak nafikan pekerja kita memang produktif tetapi sama ada gaji yang dibayar betul-betul berasaskan kepada produktiviti itu menjadi satu tanda soal kerana Yang Berhormat kita ada satu cadangan yang dibuat oleh NPC sendiri [*Menunjukkan sebuah buku*]. Kita sudah promote, kita ajak rakan-rakan dalam industri supaya mengamalkan apa yang kita panggil productivity link 'ways' system.

Jadi, biarkanlah perkara tersebut berada di situ dan perkara tersebut saya ingat kita tidak perlu panjang-panjang terutamanya bila ada reporting dalam surat khabar, kita macam suami isterilah Yang Berhormat. Kita bergaduh dalam rumah, jangan beritahu jiranlah. [*Ketawa*]

Jadi, tugas kementerian ini hendak menjaga majikan pun kita kena jaga, isteri nombor dua, isteri nombor satu – pekerja kita kena jaga juga supaya – duduk serumah pula itu.

Tuan Zainal bin Rampak: Harus lebih sayang kepada isteri pertama bukan? [*Ketawa*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebab sayangkan isteri pertama itulah, maka MTEN akan buat kajian menyeluruh Yang Berhormat. Jadi, kita tidak boleh buat kerja-kerja yang semberono macam ini dan memberikan maklumat-maklumat yang mengelirukan seolah-olah.... dan meletakkan kerajaan dalam suasana tertekan.

Jadi, ini tidak berapa eloklah.

Tuan Zainal bin Rampak: Boleh beri laluan sedikit? Kajian, saya telah katakan bukan secara melulu, kajian telah kita buat terperinci melalui KWSP, SOCSO dan Jabatan Buruh. Kajian telah kita buat dan

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya faham Tuan Pengerusi. Yang paling penting sekali saya hendak nyatakanlah terdapat banyak sangat loophole dalam kajian tersebut. Data-data kita tidak tahu perolehi, sehingga takrifan gaji juga berbeda-beda.

Saya beri contoh di sini Yang Berhormat. Satu pendapatan garis kemiskinan yang digunakan oleh kerajaan adalah mengikut pendapatan isi rumah, oleh itu adalah tidak tepat jika maklumat kadar gaji individu digunakan untuk memberi gambaran mengenai kewujudan kemiskinan di kalangan pekerja kerana kemungkinan lebih

daripada seorang yang bekerja di dalam isi rumah tadi, macam saya ceritakan seorang pekerja hotel tadi.

Kemudian, 'influential' yang dibuat mengenai tahap pekerja berdasarkan data sekunder dalam kajian ini memberi gambaran yang tidak tepat. Antara lain kajian berkenaan menyebut bilangan ahli aktif KWSP yang menerima gaji di bawah RM500 berjumlah 1,116,100 orang pada tahun 1997. Pada hakikatnya tafsiran gaji di bawah Akta KWSP 1991, tidak termasuk bayaran lebih masa, bayaran perkhidmatan dan elaun perjalanan. Jika elaun dan bayaran lain itu diambil kira pendapatan sebenar pekerja berkenaan jelas melebihi RM500. Elaun lebih masa dan elaun perjalanan merupakan elemen upah yang terpakai secara meluas dalam sektor swasta di Malaysia, itu satu.

Kedua, kajian berkenaan membuat 'influential' bahawa tidak kurang daripada sejuta orang pekerja sektor swasta tidak diliputi oleh KWSP dan PERKESO. Pada hakikatnya, liputan PERKESO adalah dituju kepada pemakan gaji swasta berpendapatan rendah dan sederhana iaitu sehingga RM2,000 sebulan sahaja dan bukan semua pekerja.

Jadi, itu saya kata tadi, saya tidak hendak panjang-panjangkan. Yang Berhormat bangun, saya jawablah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga menyentuh tentang majikan yang muflis, yang melarikan diri dan tidak membayar apa-apa faedah kepada pekerja. Dalam satu surat khabar 'Pelabur ala koboi' dalam *Utusan Malaysia* saya ingat, keluar front page. Ini merujuk kepada Syarikat Applied Magnetic yang menutup operasinya di Pulau Pinang.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sedar mengenai masalah ini dan akan sentiasa cuba sedaya upaya membantu pekerja-pekerja dalam hal-hal sedemikian. Usaha akan dilakukan bagi mengatasi kesukaran untuk mengambil tindakan melelong harta syarikat yang diletakkan di bawah tanggungan 'receiver sheet' dan majikan yang telah melarikan diri keluar negara.

Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak. Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak kini dalam proses penyeragaman dengan Akta Kerja Semenanjung Malaysia agar dapat meningkatkan perlindungan dan faedah kepada pekerja Sabah dan Sarawak. Kerajaan di peringkat terakhir sudah ada di AG Yang Berhormat. Kalau boleh kita hendak

bentangkan pada tahun ini juga, tidak sempat dalam sesi Dewan Rakyat sekarang mungkin pada bulan Julai akan datang.

Kerajaan sentiasa peka dengan perlindungan kebajikan pekerja, justeru itu Akta Pekerja 1955, sebagai Undang-undang Buruh Utama telah dipinda beberapa kali dan antara contoh perlindungan dan kebajikan pekerja yang diperuntukkan ialah membangunkan Sistem Waktu Kerja Anjal dan Flexi Time, menggalakkan wanita dan tenaga kerja di luar bandar memasuki pasaran buruh serta untuk membangunkan sistem upah yang berasaskan produktiviti flexi ways.

Selain daripada itu kita juga akan membuat pindaan akta kerja untuk lebih menekankan kepada kebajikan pekerja. Selain daripada itu akta ini juga akan melayakkan golongan pekerja yang bukan ditakrif sebagai pekerja mengikut definisi akta ini iaitu yang bergaji di antara RM1,501 hingga ke RM5,000 sebulan. Dahulu hanya mereka yang melibatkan pekerja yang di bawah RM1,500 nya dan juga semua pekerja manual.

Jadi, kita sudah panjangkan ini di mana mereka yang gajinya lebih daripada RM1,501 hingga RM5,000 sebulan membuat tuntutan gaji dan lain-lain bayaran tunai yang diperuntukkan di bawah kontrak perkhidmatan mereka di Mahkamah Jabatan Buruh.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang undang-undang kesatuan sekerja yang menghadkan penglibatan pekerja dalam persatuan sekerja. Di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959, pekerja boleh menubuhkan atau menganggotai sesebuah kesatuan sekerja dengan sesuatu establishment, trade, pekerjaan atau industri. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa apabila pekerja berkesatuan mengikut suatu establishment, trade, pekerjaan atau industri adalah lebih mudah untuk menyatukan mereka dalam satu organisasi yang kukuh melalui kepentingan bersama. Ia juga mengelakkan daripada berlakunya kewujudan banyak kesatuan sekerja dalam satu establishment, trade, pekerjaan atau industri yang boleh membawa kepada persaingan di antara kesatuan-kesatuan pekerja inter union rivalry, dengan izin, yang mana boleh menjejaskan keharmonian perusahaan.

Bagi sektor awam, pegawai-pegawai awam yang memegang jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, anggota-anggota yang menjaga keselamatan negara seperti Polis Diraja Malaysia, Anggota Angkatan Bersenjata, Anggota Perkhidmatan Penjara serta mereka yang bertugas dalam bidang tugas sulit tidak

dibenarkan menganggotai kesatuan sekerja. Ini adalah bertujuan untuk memelihara dan menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(1) saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi untuk mempengerusikan mesyuarat ini.

[Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja lagi tentang Konvensyen ILO 1987 ini. Memang kita tidak mengiktiraf atau meratifikasikan Konvensyen ILO 1987, memandangkan kepada perkara berikut:

- (i) sekiranya orang-orang kerja dibenarkan menubuh atau menyertai sebuah kesatuan sekerja atau pilihan mereka sendiri, akan berlaku kewujudan banyak kesatuan sekerja dalam satu establishment, trade, pekerjaan dan industri seperti yang saya katakan tadi; dan
- (ii) kewujudan kesatuan-kesatuan sekerja mengikut suatu establishment, trade, pekerjaan atau industri dapat mengeratkan hubungan di kalangan anggota-anggotanya kerana anggota-anggotanya mempunyai kepentingan bersama memandangkan mereka adalah orang-orang dari establishment, trade, pekerjaan atau industri yang sama. Ia juga boleh memudahkan proses rundingan bersama kerana kesatuan sekerja boleh fokus perhatiannya kepada satu tempat kerja atau industri dengan yang mana pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja berkenaan mempunyai pengetahuan yang baik;
- (iii) sekiranya orang-orang kerja dibenarkan menubuh dan menyertai sebuah kesatuan sekerja atas pilihan mereka sendiri, orang-orang kerja di Sabah dan di Sarawak boleh menyertai kesatuan-kesatuan sekerja di Semenanjung Malaysia atau sebaliknya. Kemungkinan ini akan menyentuh sensitiviti negeri Sabah atau negeri Sarawak. Kehendak Akta Kesatuan Sekerja 1959 supaya Kesatuan Sekerja berdaftar di bawahnya adalah bagi maksud

memberi hak kekebalan dan keistimewaan tertentu kepada kesatuan sekerja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 20, 21 dan 22 Akta tersebut. Dengan adanya undang-undang yang mengawal pergerakan kesatuan sekerja, sebuah kesatuan sekerja boleh dilindungi daripada penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa oleh anggota-anggota;

- (iv) kebebasan tanpa had bagi pergerakan kesatuan sekerja adalah tidak padan dengan Perlembagaan Malaysia yang mana peruntukan di bawah Fasal 10(2)(c) bahawa Parlimen boleh meluluskan rang undang-undang untuk mengadakan had-had yang dianggap perlu atau bermanfaat bagi kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada ahli-ahli Dewan kerana menyentuh beberapa hal dan saya bagi pihak kementerian akan sedia memastikan hubungan di antara pekerja, majikan terus terpelihara agar negara kita terus mendapat nikmat bukan saja pembangunan material tetapi juga pembangunan spiritual dan juga rohaniah yang kita cita-citakan. Sekian.

Daun Selasih jangan layu,

Terima kasih, thank you. [Ketawa]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Saya menjemput Kementerian

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya buat satu soalan tambahan?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ha, ada soalan tambahan, sila.

Tuan Zainal bin Rampak: Cuma saya nak menyambung sikit, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Ini bila mana saya bercerita soal Konvensyen ILO 87, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita harus, kerajaan Malaysia harus memberi jawapan kepada satu deklarasi fundamental worker strike at work and call-up mechanism, dengan izin, yang telah diluluskan pada tahun 1998 di mana kerajaan yang menjadi anggota ILO harus memberi laporan terhadap isu kebebasan hak berkesatuan di bawah Konvensyen 87. Saya cuma nak mengingatkan supaya kerajaan Malaysia mengiktiraf ini supaya ianya tidak dipersoalkan di peringkat antarabangsa. Saya ingin nak menolong kerajaan mengatasi perkara ini. Jadi kalau sekiranya sekarang pun dalam Artikel 10 iaitu Yang Berhormat petik tadi, kebebasan hak berkesatuan, berpolitik dan sebagainya ada menyentuh dalam Perlembagaan kita. Jadi

kalau dibandingkan dengan Perlembagaan, Artikel 10 dan Konvensyen 87, saya kira tidak ada jauh perbezaan cuma sedikit perubahan harus dilakukan dalam Akta Kesatuan Sekerja bagi membolehkan kebebasan ini diberikan.

Saya ingin memberikan jaminan bahawa jika sekiranya keadaan ini wujud, Konvensyen 87 ini diiktiraf oleh kerajaan. Saya tidak fikir barangkali soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat akan wujud oleh kerana pergerakan kesatuan sekerja dan pekerja negara kita ini, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, adalah mereka yang bertanggungjawab kepada pergerakan itu sendiri.

Jadi yang penting saudara Yang Berhormat ialah soal memberi kebebasan dan menjaga kepentingan mereka. Sepertimana kata Yang Berhormat tadi, wujudnya kesatuan dalaman dan sebagainya. Saya nak buat satu perbandingan apa yang berlaku di Syarikat Hitachi, apa yang berlaku di Syarikat Tamura, saya ingat barangkali Yang Berhormat sama ada tahu ataupun tidak tahu. Soal perundingan di antara majikan dan pekerja tidak begitu lancar, Yang Berhormat. Pekerja, baru ini, semalam, pekerja Tamura, Kesatuan Sekerja Tamura datang berjumpa dengan saya di mana majikan tidak mahu berunding, tidak mengadakan perbincangan, turut menjalankan tindakan, mengeluarkan arahan dan sebagainya mengetepikan kesatuan walaupun syarikat telah mengiktiraf kesatuan. Begitu juga Kesatuan Pekerja Hitachi.

Jadi kalau ada Kesatuan Kebangsaan, Yang Berhormat, mereka mempunyai kuasa berunding, hak berunding yang lebih kukuh, yang lebih kuat bukan bererti untuk mogok, untuk mengambil tindakan perusahaan tapi memperkukuhkan kuasa berunding dan ini kesatuan punya kewangan yang kukuh boleh mengadakan pejabat, boleh mengadakan pegawai dan sebagainya untuk menolong kesatuan itu sebut untuk berunding dengan pihak majikan lebih kuat. Ini sebenarnya tujuan kesatuan mengapa Konvensyen 87 ini diiktiraf, diberikan kebebasan kepada kesatuan sekerja untuk memasuki, memiliki mana-mana kesatuan. Itu sebenarnya, Dan soal nyatakan Nation Wide mogok, strike dan sebagainya tak timbul saya fikir, ini soal tidak ada lagi oleh kerana kita telah membuktikan kepada negara kita ini pergerakan kesatuan sekerja, pemimpin kesatuan sekerja, pekerja bertanggungjawab, tidak seperti mana negara di Korea, di Thailand dan di Philippine, di Indonesia dan sebagainya. Saya kira barangkali kerajaan harus menghargai kepada kepimpinan kita dan benarkan perkara ini, itu satu...

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Yang Berhormat, boleh kemukakan apa soalnya.

Tuan Zainal bin Rampak: Ya, yang kedua, itu soal yang nak saya ingatkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri soal tanggungjawab kerajaan untuk memberi jawapan kepada ILO, Konvensyen 87. Itu yang saya fikirkan. Saya juga turut serta dalam perbincangan kelak. Saya tidak mahu negara ILO bercakap dan menuduh kita. Itu sebenarnya, Yang Berhormat, saya nak ingatkan kepada kerajaan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tapi buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita belum ada rancanganlah nak me rektifikasikan Konvensyen ILO 87 tapi kalau setakat maklum, kita boleh maklum, tak jadi hal. Kita sebagai negara merdeka, tidak semua konvensyen yang diutarakan oleh ILO itu patut kita patuh. Kita perlu sedar akan agenda-agenda negara-negara yang memang irihati dengan cara budaya nilai yang kita ada. Kalau ada masalah-masalah tertentu, kita runding dan bila kerajaan buat keputusan tidak me 'rectify', kita tidak me 'rectify' lah, tidak bermakna bahawa pekerja kita teraniaya, pekerja kita tidak terbelah, itu tidak timbul. Kenapa perlu kita tunduk kepada semua saranan-saranan ILO. Mana yang logik, kita terimalah, mana yang menguntungkan rakyat, kita terima, mana yang rasa merugikan negara, merugikan bangsa dan rakyat, kita tak patut terimalah sebab kita sebuah negara yang merdeka. Sekian, tak payah pantunlah, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih. Saya jemput Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok dan juga Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi sebab sekarang duduk di atas [*Ketawa*] yang telah membangkitkan beberapa isu yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semasa membahaskan perbahasan ke atas Titah Ucapan Di-Raja dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat berkenaan. Ahli Yang Berhormat

Tuan Lim Eng Kok dalam perbahasannya ingin mengetahui perkembangan bidang bio-teknologi di negara ini khususnya jumlah peruntukan yang telah diluluskan dalam bidang Research and Development, dengan izin, bilangan saintis tempatan dan asing di Malaysia serta penglibatan dan galakan yang diberikan kepada pihak swasta dalam bidang R&D. Manakala Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dalam perbahasannya pula ingin mengetahui sama ada terdapat sebarang perbincangan dan kerjasama dibuat oleh Malaysia dengan negara jiran berhubung dengan pembakaran terbuka dan penggunaan gas yang tidak mesra alam pada sistem penghawa dingin kenderaan dan sebagainya.

Tuan Yang diPertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok, suka saya memaklumkan bahawa bioteknologi adalah merupakan bidang pelbagai sectoral yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Penglibatan kementerian ini hanya terhad kepada program-program penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D bagi tujuan menyelaraskan aktiviti-aktiviti R&D dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Maka kerana itu kerajaan dalam tahun 1995 telah menubuhkan Deretrap Bioteknologi Kebangsaan (DBK). Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan sebanyak RM935 juta bagi aktiviti R&D di bawah program IRPA ataupun Intensified Research in Priority Areas ataupun penumpuan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan. Suka saya memaklumkan bahawa dalam usaha membangunkan bidang bio teknologi khususnya berbagai projek R&D telah dilaksanakan melalui pusat Cooperative Biotechnology yang ditempatkan di pelbagai institusi. Sehingga kini kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM57.42 juta bagi penyelidikan top down, dengan izin, penyelidikan pembangunan dan program kerjasama dengan institusi antarabangsa.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati bahawa terdapat nisbah 7 penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga pekerja manakala bagi setiap 7.5 penyelidik tempatan, terdapat 1 penyelidik asing. Daripada jumlah tersebut bilangan ahli-ahli sains tempatan yang terlibat dalam bidang penyelidikan bioteknologi sahaja di negara ini adalah seramai 371 orang. Saintis-saintis asing hanya terlibat dalam program-program khusus kerjasama dua hala sahaja. Suka saya maklumkan bahawa pihak swasta juga turut terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan pembangunan ataupun dengan izin, development research

dan program kerjasama penyelidikan dua hala seperti program kerjasama Malaysia-Massachusetts Institute of Technology.

Antara pihak swasta yang terlibat adalah pihak Guthrie Berhad, United Plantation Berhad, FELDA, Sime Darby Berhad, Top Bio Sdn Bhd. dan Golden Hope Berhad. bagi menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam bidang R&D kerajaan telah mewujudkan beberapa skim seperti berikut:

- (i) IGS (Industrial Grant Scheme) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta. Projek-projek yang telah diluluskan berjumlah RM81.7 juta setakat ini;
- (ii) MGS (Multimedia Grant Scheme) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta juga dan projek-projek yang telah diluluskan berjumlah RM15.9 juta; dan
- (iii) DAGS (Demonstrator Application Grant Scheme) dengan peruntukan sebanyak RM50 juta dan projek-projek yang telah diluluskan berjumlah RM7.8 juta.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri (Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi) mengenai pembakaran terbuka yang dibangkitkan dan juga penggunaan gas dan sebagainya, pembakaran terbuka dilarang di Malaysia. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti tertentu seperti pembakaran jerami padi, tunggul nenas dan pembakaran tumbuh-tumbuhan atau binatang-binatang yang berpenyakit adalah dibenarkan.

Pembakaran terbuka ini khususnya pembakaran hutan juga ada dibincangkan di peringkat negara-negara ASEAN sebagai satu langkah bagi mengelakkan berlakunya jerebu. Beberapa perbincangan telah diadakan, umpamanya Mesyuarat AMMH (ASEAN Ministers Meeting On Haze) dan mesyuarat peringkat pegawai-pegawai, Haze Technical Task Force (HTTF) serta Sub Regional Fire Fighting Arrangement (SRFFA) untuk Sumatera dan Kepulauan Borneo, satu pelan tindakan jerebu serantau bagi meningkatkan kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN yang terlibat telah diterima pakai untuk menangani masalah jerebu di rantau ini.

Sesi dialog juga telah diadakan umpamanya dialog yang diadakan di Pekan Baru, Riau, di antara pihak Sub Regional Fire Fighting Arrangement. Di dalam dialog tersebut, Malaysia telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam

melaksanakan pembakaran sifar terutama dalam aktiviti pertanian seperti perladangan kelapa sawit.

Kementerian juga telah menganjurkan satu sesi dialog dengan syarikat-syarikat yang membuat pelaburan dalam aktiviti perladangan di Indonesia untuk memberi kesedaran dan ingatan kepada syarikat-syarikat tersebut supaya tidak melakukan pembakaran terbuka di sana.

Seterusnya, kita juga mengadakan satu informal Asean Ministerial Meeting On Environment yang telah diadakan baru-baru ini di Brunei Darussalam pada 4 April yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, penggunaan gas tidak mesra alam seperti CFC ataupun Cloro Fluorocarbon adalah dikawal di bawah Protokol Montreal mengenai bahan pemusnah ozon ataupun ODS. Malaysia dan negara-negara jiran ASEAN kecuali Cambodia menjadi negara kepada Parti Protokol Montreal dan mempunyai obligasi untuk mengurangkan dan menghapuskan penggunaan CFC pada tahun 2010. Pada masa kini penggunaan gas tersebut masih dibenarkan dalam sistem pendingin hawa lama tetapi tidak dibenarkan untuk sistem yang baru. Penggunaan CFC perlu dikurangkan mengikut ketetapan protokol dan bagi mencapai matlamat tersebut beberapa strategi seperti pengurangan kuota import, mengawal pemasangan baru dan menggalakkan penggunaan alat-alat kitar semula semasa menjalankan penyenggaraan.

Tuan Yang di-Pertua, maka itulah di antara penjelasan yang dapat saya berikan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Saya berharap penyelesaian tersebut dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran mengenai perkara-perkara yang berkaitan. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan atas perbincangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, saya jemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menggulung perbincangan.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi (Tuan Yang di-Pertua

sendiri), Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak serta Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok, yang telah mengambil bahagian menyentuh isu-isu berkaitan dengan kementerian saya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, hanya ada dua isu yang dihuraikan, iaitu mengenai perumahan dan mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak telah menyentuh isu mengenai setinggan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menekankan tindakan yang komprehensif bagi menangani masalah setinggan, mempertingkatkan penyediaan program penempatan semula setinggan dan penyediaan rumah kos rendah untuk disewa oleh mereka. Satu langkah untuk menyelesaikan masalah setinggan yang telah dibuat oleh kerajaan ialah melalui Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPRB) yang bertujuan untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sejumlah 35,000 unit rumah kos rendah ini akan dibina untuk disewa dan ini telah dirancang dan pembinaannya telah mula dalam tahun ini. Projek-projek itu akan dijangka siap pada tahun 2002 nanti.

Mengenai isu pengagihan rumah kos rendah, kerajaan telah mewujudkan sistem pendaftaran terbuka berkomputer bagi mempermudahkan dan mempercepatkan pemilihan pembeli-pembeli rumah kos rendah. Pemakaian sistem ini diharap dapat mengurangkan dakwaan bahawa rumah kos rendah tidak dijual kepada golongan sasaran sebenar. Pemilihan dan penilaian permohonan dilakukan oleh komputer. Sebelum sistem ini diwujudkan, pemilihan pembeli dijalankan secara manual. Akibatnya keputusan mengambil masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu alam sekitar, kerajaan sedar isu pembangunan perumahan mendapat perhatian orang ramai. Undang-undang serta garis panduan telah disediakan bagi kemajuan projek perumahan dengan mengambil kira keperluan tidak menjejaskan alam sekitar. Ia memberi perhatian kepada pelan susun atur projek, mengelakkan pemotongan bukit serta tidak merosakkan keadaan topografi dalam kawasan projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga sememangnya tidak menggalakkan pemotongan pokok atau meratakan bukit-bakau bagi sebarang pembangunan. Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa telah memperuntukkan perundangan bagi kawalan pemotongan pokok. Garis panduan perancangan bagi pemeliharaan topografi semula jadi dalam perancangan pembangunan fizikal dan garis panduan

pembangunan di kawasan bukit telah dikeluarkan bertujuan mengawal pembangunan supaya bukit-bakau tidak diratakan dengan sewenang-wenangnya.

Dalam membincangkan isu yang sama, Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok meminta kerajaan mengambil kira faktor lokasi dalam perancangan rumah kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sentiasa menggesa kerajaan negeri dengan kerjasama pemaaju supaya pembinaan rumah kos rendah mengambil kira lokasi yang strategik dan berhampiran dengan pekan, bandar bagi mengurangkan kesulitan penduduk rancangan rumah kos rendah.

Walau bagaimanapun, terdapat juga lokasi rancangan rumah kos rendah di pinggir-pinggir bandar memandangkan kekurangan tapak tanah dan kos tanah yang tinggi di pusat bandar. Namun demikian, projek-projek perumahan rakyat bersepadu, iaitu PPRB untuk golongan miskin di bandar-bandar besar yang dirancang dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah di tempat-tempat yang strategik di dalam bandar-bandar besar bagi mengurangkan kos pengangkutan serta kesulitan golongan miskin.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu bomba. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah meminta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memikirkan cara untuk menyimpan peralatan lama atau antik bomba. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat menyedari akan nilai peralatan lama. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah merancang supaya beberapa Muzium Bomba diadakan. Buat permulaan, sebuah Muzium diwujudkan di Melaka bagi menyimpan bahan lama itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Bomba dan Penyelamat sememangnya melaksanakan penghapusan barang yang tidak ekonomi penggunaannya melalui tatacara pelupusan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, kita akan ambil kira alat-alat yang telah lama atau mengadakan nilai antik itu - ambil kira itu dan kita akan terus berusaha supaya peralatan-peralatan seumpama itu tidak dilupuskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih. Dijemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk gulung perbincangan.

4.57 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan ucapan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai program-program luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini isu-isu mengenai infrastruktur luar bandar, program pembasmian kemiskinan dan projek bekalan elektrik telah menarik minat beberapa Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu telah membangkitkan isu-isu mengenai program rakyat termiskin, yang mana walaupun kita mempunyai program rakyat termiskin tetap masih ramai lagi rakyat yang berada pada paras garis kemiskinan. Mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan bulanan melebihi sedikit daripada keluarga PPRT. Oleh itu, sudah sampai masanya untuk kita memikirkan program tertentu untuk membela nasib golongan ini yang bukan sahaja berada di kampung-kampung tetapi terdapat juga di bandar-bandar dan di pinggir bandar.

Projek Amanah Ikhtiar Malaysia, Program Perumahan Rakyat Kos Rendah, Program Membasmi Kemiskinan dan Menyusun Semula Masyarakat, Program Membina Jalan-jalan Kampung dan Bantuan Anak-anak Sekolah, Program Tanah Untuk Rakyat Termiskin adalah program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada masa lalu dan akan diteruskan dan perlu diteruskan untuk keadilan sosial kerana mereka ini sangat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, program-program kerajaan yang dilaksanakan seperti kesihatan, pendidikan, kebajikan, projek-projek pertanian dan lain-lain lagi adalah mengambil kira keperluan semua golongan termasuk keperluan golongan miskin. Ini bermakna golongan miskin ini juga layak mendapat bantuan daripada pelbagai program yang tersebut di atas selain daripada program-program yang dikhususkan kepada golongan termiskin. Program untuk membantu golongan miskin berpendapatan rendah akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rakyat yang berada di paras kemiskinan, Yang Berhormat Zainal Rampak memberi cadangan;

- (i) kerajaan perlulah menyediakan kemudahan-kemudahan yang teratur dalam kawasan setinggan;
- (ii) memperkenalkan kemudahan perumahan dengan skim bayaran murah kira-kira RM200 yang mampu dibayar oleh rakyat termiskin seperti yang diamalkan di Jepun, serta pihak majikan ladang menyediakan rumah dan dijual kepada pekerja ladang untuk menarik minat pekerja untuk bekerja di ladang-ladang dan;
- (iii) pihak kerajaan perlu mengkaji semula definisi had pendapatan keluarga miskin iaitu RM460 kerana keadaan semasa menunjukkan jumlah pendapatan ini kecil dan rakyat tidak dapat hidup selesa dengan jumlah pendapatan tersebut. Perkara ini penting terutamanya dalam menetapkan gaji minima pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Zainal bin Rampak bagi cadangan pertama dan kedua ianya tidak di bawah bidang kuasa kementerian ini. Namun begitu di bawah Program Pemulihan Rakyat Termiskin terdapat bantuan untuk membina rumah baru pada kadar RM6000 di Semenanjung dan RM9000 seunit di Sabah dan Sarawak diberikan kepada golongan termiskin di luar bandar. Bagi cadangan ketiga, paras pendapatan garis kemiskinan (PGK) semasa ialah RM460 bagi saiz keluarga 4.6 orang di Semenanjung, RM543 di Sarawak bagi saiz keluarga 4.8 orang dan di Sabah ialah RM663 bagi saiz keluarga 4.9 orang. PGK ini dikaji bagi setiap dua tahun sekali berdasarkan kepada indeks harga pengguna semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Long bin Jidin berkenaan dengan masyarakat Orang Asli yang masih miskin, oleh itu beliau mencadangkan supaya skim ASB diteruskan kerana masih ada lagi Orang Asli yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin berkenaan dengan skim ASB ini, skim ASB PPRT adalah merupakan satu skim pinjaman kepada golongan termiskin yang layak bagi menambahkan sumber pendapatan golongan tersebut. Sehingga kini kerajaan telah mengeluarkan pinjaman

ASB PPRT kepada Orang Asli melibatkan seramai 15,824 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM79,120, 000.

Tuan Yang diPertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Guruhu berkenaan dengan jalan-jalan kampung yang masih tidak bertar dan tanah merah ada juga jalan yang bertar tetapi keadaannya sangat uzur dan membahayakan penduduk kampung kerana berlubang di sana-sini.

Tuan Yang diPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa berusaha untuk terus memperbaiki sistem perhubungan dan kemudahan infrastruktur di luar bandar termasuk menaik taraf jalan-jalan kampung. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga Disember tahun 1999 sebanyak RM576.4 juta telah dibelanjakan bagi menaik taraf 8,708 projek sepanjang 8,113 kilometer di seluruh negara. Manakala pada tahun 2000 sebanyak RM140.15 juta telah disediakan bagi menaik taraf sebanyak 2,258 projek sepanjang lebih kurang 1,868 kilometer. Kementerian ini sedar masih terdapat banyak lagi jalan kampung yang perlu dinaikkan taraf kepada jalan tar.

Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan yang terhad maka proses menaik taraf jalan kampung ini terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan yang ditentukan oleh pihak negeri. Kementerian ini juga sedar banyak jalan yang telah dinaikkan taraf mengalami kerosakan dan perlu diselenggarakan. Dalam hal ini kementerian telah memohon peruntukan khusus bagi tujuan menyelenggarakan jalan-jalan kampung di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang diPertua, isu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin mengenai penyelarasan projek bekalan elektrik luar bandar dengan TNB (Tenaga Nasional Berhad) bagi memastikan pelaksanaan projek dapat diteruskan tanpa masalah bekalan elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa menyelaras perancangan dan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar bersama dengan TNB bagi memastikan projek-projek tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan dan tidak menghadapi sebarang masalah semasa pelaksanaan.

Tuan Yang diPertua, sekiranya terdapat isu-isu yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Dijemput Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menjawab.

17.05 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri, Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Ah Eng kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan secara khusus menyentuh tentang peranan dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Majlis Perpaduan Negara dengan keahliannya dengan melibatkan pelbagai golongan termasuk tokoh-tokoh agama. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat khususnya sentiasa memandang berat akan perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat sama ada di kalangan kaum mahupun intra kaum di negara kita. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat supaya menubuhkan Majlis Perpaduan Negara dan melibatkan berbagai golongan termasuk agama, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara sememangnya sudah menubuhkan sebuah badan di peringkat nasional bagi menangani masalah perpaduan. Badan tersebut ialah Panel Penasihat Perpaduan Negara. Panel yang telah ditubuhkan semenjak tahun 1970 yang pada asalnya dikenali sebagai Majlis Perundingan Negara. Ahli-ahli panel adalah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan badan ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ahli-ahli panel terdiri daripada ketua-ketua setiausaha dan ketua-ketua jabatan Persekutuan, setiausaha-setiausaha kerajaan negeri, ketua-ketua pentadbiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan serta tokoh-tokoh tertentu dalam bidang ekonomi, agama, sosial dan wakil daripada pertubuhan sukarela.

Sehubungan dengan itu, penubuhan sebuah Majlis seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tidak perlu kerana badan yang sedia ada mempunyai fungsi yang sama serta melibatkan pelbagai golongan termasuk agama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahman mendakwa bahawa rukun tetangga selalu menganjurkan majlis-majlis jamuan makan seumpamanya yang tidak melibatkan percampuran kaum. Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya rukun tetangga ditubuhkan di kawasan bandar sahaja terutama di kawasan yang penduduknya berbilang kaum. Namun demikian dalam keadaan tertentu ia juga ditubuhkan di kawasan-kawasan lain termasuk di luar bandar iaitu pemastautin terdiri dari satu atau dua kaum sahaja. Di kawasan-kawasan rukun tetangga yang seumpama ini sememangnya sebarang penganjuran majlis jamuan makan dan sebagainya melibatkan satu atau dua kaum sahaja mengikut komposisi kaum setempat tersebut. Namun begitu bagi kawasan-kawasan yang penduduk terdiri dari pelbagai kaum, rukun tetangga sentiasa menjemput wakil-wakil daripada semua kaum untuk turut memeriahkan dan mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang sama juga menyarankan agar rukun tetangga patut digunakan sebagai tempat menyalur maklumat mengenai polisi-polisi kerajaan kepada masyarakat selaras dengan fungsinya mengawal keselamatan dan membanteras jenayah. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya peranan ini juga dimainkan oleh ahli jawatankuasa rukun tetangga. Pendedahan-pendedahan mengenai perkara ini sentiasa diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa rukun tetangga apabila dilantik menduduki jawatankuasa tersebut. Sungguh pun begitu, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara akan mempertingkatkan lagi usaha untuk melengkapkan ahli jawatankuasa kawasan rukun tetangga dengan pengetahuan-pengetahuan baru khususnya mengenai penyebaran polisi-polisi kerajaan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail telah membangkitkan beberapa isu dan cadangan yang menyentuh berkenaan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kadar bantuan kepada golongan yang tidak bernasib baik seperti orang-orang miskin, warga tua, orang kurang upaya dan sebagainya dikaji semula dan dinaikkan selaras dengan kos lain-lain yang semakin meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar baru bantuan Persekutuan untuk orang-orang tua, kanak-kanak dan orang-orang kurang upaya telah diluluskan kenaikannya oleh kerajaan. Peruntukan tersebut adalah termasuk di dalam perbelanjaan tahun 2000 yang sedang diperbahaskan sekarang.

Mengenai khidmat kaunseling kepada warga tua seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama, kementerian saya sememangnya sedang menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada kumpulan sasaran warga tua. Hingga kini Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai 89 orang kaunselor yang bertauliah untuk memberikan perkhidmatan tersebut. Warga tua yang tinggal dalam komuniti dan memerlukan perkhidmatan kaunseling akan diberikan di pejabat-pejabat kebajikan masyarakat daerah atau di rumah mereka masing-masing. Sementara warga tua yang tinggal dalam institusi, penjagaan warga tua diberikan perkhidmatan tersebut dalam institusi masing-masing. Memang menjadi program utama dalam institusi-institusi kebajikan, penghuninya diberikan kaunseling bagi mengatasi masalah penyesuaian dan menggalakkan mereka dapat meneruskan hidup yang lebih ceria dan sejahtera.

Mengenai gesaan Yang Berhormat supaya rumah-rumah kebajikan yang tidak elok supaya diperbaiki dan dibaik pulih, untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa peka dan berusaha untuk menaikkan taraf dan memperbaiki institusi-institusi dan rumah-rumah kebajikan yang sedia ada.

Pada tahun 1999 jabatan telah membelanjakan sebanyak RM3,203,756 untuk projek pembinaan pembesaran institusi kebajikan yang sedia ada di seluruh negeri. Di samping itu dalam Rancangan Malaysia Kelapan, jabatan telah memperuntukkan RM142,933,331 untuk projek-projek menaikkan taraf institusi yang sedia ada. Ini membuktikan kesungguhan dan komitmen Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam memenuhi keperluan kumpulan sasaran di semua institusi kebajikan selaras dengan objektif jabatan ke arah pembangunan dan kesejahteraan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama juga meminta supaya golongan warga tua yang tidak mampu mengurus diri sendiri dan tinggal bersendirian supaya dipindahkan ke tempat-tempat kebajikan. Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam memberikan perkhidmatan kepada warga tua ialah dengan menggalakkan mereka terus tinggal bersama keluarga atau komuniti selama mungkin.

Kemasukan ke institusi adalah sebagai langkah yang terakhir. Ini adalah seiring dengan matlamat yang hendak dicapai dalam dasar kebajikan masyarakat negara dan dasar warga tua negara. Hingga kini terdapat seramai 10,000 orang warga

tua yang menghadapi masalah kewangan yang sedang menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat serta meneruskan kehidupan biasa mereka bersama masyarakat tempatan. Cuma 1,779 orang sahaja warga tua yang tidak ada pilihan untuk meneruskan kehidupan bersama masyarakat dan terpaksa dimasukkan ke institusi kebajikan atau dikenali sebagai Rumah Sri Kenangan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kadar bayaran untuk anak-anak yatim di rumah anak-anak yatim dinaikkan. Khidmat kaunseling yang ditingkatkan kepada kadar anak-anak yatim. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar bayaran untuk anak-anak yatim di rumah-rumah anak-anak yatim telah dinaikkan kepada RM4.20 sen bagi seorang sehari berbanding dengan kadar lama RM3.90 sen bagi seorang sehari. Bagi menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada anak-anak yatim, Jabatan Kebajikan Masyarakat sememangnya menyediakan pegawai-pegawai kaunseling yang bertauliah kepada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail juga menggesa supaya diadakan banci terperinci orang kurang upaya di seluruh negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mendaftarkan orang-orang yang kurang upaya sepanjang November 1999 dan mendapatkan sejumlah 80,799 kes yang terdiri daripada empat kategori iaitu penglihatan anggota, pendengaran dan akal. Melalui banci kebangsaan tahun 2000 telah memasukkan kategori orang-orang kurang upaya dalam pengurusan banci oleh Jabatan Perangkaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng telah menggesa supaya kerajaan mempertingkatkan Pusat Asuhan Kanak-kanak dan penjagaan bayi di tempat-tempat kerja di sektor awam dan sektor swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah juga mengadakan beberapa insentif bagi menggalakkan pihak majikan menubuhkan taska di tempat kerja dengan menubuhkan pasukan petugas penubuhan taska di tempat kerja.

Satu garis panduan penubuhan taska di tempat kerja telah disediakan untuk membantu pihak majikan yang ingin menubuhkan taska di tempat kerja. Setakat ini terdapat 46 majikan yang telah menubuhkan taska di tempat kerja iaitu 9 anjuran kerajaan dan 37 yang dianjurkan oleh pihak swasta. Berhubung dengan tempat-tempat yang sesuai akan dipastikan oleh pihak majikan sendiri tetapi kebanyakannya

di dalam bangunan pejabat atau berdekatan Bangunan yang telah dikenal pasti akan diberi kelulusan oleh Majlis Tempatan atau Majlis Perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan memberikan cadangan dan teguran yang bernas kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai jawapan kementerian-kementerian ke atas usul Titah Diraja dan diputuskan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai jawapan kementerian-kementerian ke atas usul Titah Diraja dan diputuskan.

Hendaklah disetujui

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Dijemput Kementerian Dalam Negeri.

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membahaskan Titah Ucapan Diraja mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri dan saya akan cuba memberikan penjelasan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim menyatakan bahawa pepecahan di kalangan rakyat tidak akan berlaku sekiranya hak asasi manusia ditegakkan. Sehubungan dengan itu beliau seterusnya mendakwa sekiranya perhimpunan boleh diberi kepada UMNO, MCA, dan MIC oleh itu seharusnya diberikan juga kepada Parti Alternatif sama ada PAS, KeADILan mahupun DAP.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara yang disebutkan tadi pepecahan di kalangan rakyat bukanlah berlaku kerana kebebasan untuk menganjurkan perhimpunan itu dihadkan. Sebaliknya pepecahan itu berlaku sekiranya motif perhimpunan atau isi kandungan dalam ceramah-ceramah itu condong kepada keinginan untuk menghasut dan juga memecahbelahkan keharmonian rakyat Malaysia.

Dalam soal pemberian permit-permit untuk perhimpunan politik pula, parti-parti pembangkang telah pun diberi lebih banyak peluang untuk menganjurkan ceramah-ceramah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, peluang-peluang yang telah pun diberikan ini diambil kesempatan oleh parti-parti berkenaan dan penceramah-penceramah untuk menghentam, menghasut dan juga memfitnah pihak kerajaan. Pihak kerajaan mendapati tindakan pihak-pihak pembangkang ini lebih menjurus kepada arah untuk memecah-belahkan rakyat. Dengan itu tindakan mengehadkan dan memperketatkan pengeluaran permit-permit perhimpunan politik adalah wajar bagi mengelakkan pepecahan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah mengenai kekerapan akhbar *Harakah* dan majalah hiburan yang memuatkan gambar-gambar artis yang menjolok mata. Pemberian permit penerbitan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) bagi menerbitkan *Harakah* adalah bertujuan membolehkan PAS menyalurkan maklumat penting kepada ahli-ahli partinya mengenai aktiviti yang dianjurkan oleh parti berkenaan.

Keputusan kerajaan mengehadkan penerbitan *Harakah* kepada dua minggu sekali, tidak sekali-kali berbau politik, berniat jahat ataupun suatu percubaan bagi menyembunyikan fakta sebenarnya. Adalah difikirkan iaitu masa selama dua minggu sudah memadai bagi parti PAS untuk menyebarkan apa sahaja maklumat kepada ahli

PAS. Perlu saya nyatakan di sini iaitu sebahagian besar akhbar lidah rasmi parti-parti politik yang lain juga mempunyai kekerapan yang sama.

Selanjutnya mengenai majalah hiburan yang memuatkan gambar-gambar artis yang menjolok mata, kementerian saya juga sentiasa mengambil tindakan terhadap penerbit majalah hiburan berkenaan berdasarkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada bagi tujuan memastikan agar penerbitan yang ada di pasaran dapat memberi faedah kepada masyarakat di negara ini. Sejak tahun 1996 hingga Mac 2000 sejumlah 264 penerbit telah pun diambil tindakan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kerana menjalankan kegiatan bercanggah dengan akta berkenaan termasuk memuatkan gambar-gambar artis yang menjolok mata dalam penerbitan yang mereka terbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak serta saranan beliau supaya kerajaan menahan para majikan warganegara asing daripada meninggalkan negara ini kerana perniagaan mereka ditutup sehingga segala urusan bayaran pampasan kepada bekas pekerja mereka diselesaikan. Sukalah saya menjelaskan di sini iaitu pada masa ini di bawah Akta Imigresen 1999 tidak ada peruntukan membolehkan Jabatan Imigresen menahan majikan warga asing daripada meninggalkan Malaysia apabila berlaku keadaan seperti yang dinyatakan. Persoalan mengenai urusan pampasan di antara pekerja dengan majikan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa pihak yang lain. Tetapi walau bagaimanapun, kerajaan sedang meneliti perkembangan ini dan kemungkinan ada sesuatu usaha akan dibuat oleh kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan supaya Pendaftar Pertubuhan mengambil tindakan tegas ke atas pertubuhan-pertubuhan yang dikesan menjalankan aktiviti yang boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat, saya ingin menjelaskan di sini iaitu pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sentiasa memerhati pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan aktiviti-aktiviti secara tidak mengikut dasar asal pertubuhan berkenaan terutamanya pertubuhan-pertubuhan yang diketahui lantang mengkritik kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat atau menggugat keselamatan dan ketenteraman awam. Pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan tidak akan teragak-agak mengeluarkan amaran

ataupun surat tunjuk sebab kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut sekiranya terdapat bukti-bukti sahih mengenai aktiviti-aktiviti negatif mereka.

Seterusnya mengenai kebimbangan Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh mengenai kegiatan menghidu gam, kerajaan memang menyedari masalah menghidu gam yang berlaku di kalangan para remaja. Walau bagaimanapun, oleh kerana tiada undang-undang khusus bagi menangani masalah menghidu gam tersebut, maka kerajaan hanya menjalankan usaha-usaha penerangan di sekolah dan dalam masyarakat melalui kempen-kempen yang dijalankan dari masa ke semasa tanpa menghebohkan perkara ini di dalam media massa. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan remaja yang belum terlibat dan ingin mencuba kerana perasaan ingin tahu.

Namun demikian, lanjutan daripada insiden-insiden yang berlaku baru-baru ini, kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk mengadakan satu undang-undang khas bagi mencegah penggunaan bahan-bahan yang mengkhayalkan seperti gam, petrotina dan lain-lain lagi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saranan Yang Berhormat Puan Choo Poi Thoi berkenaan dengan perkhidmatan on-line di Jabatan Pendaftaran Negara, setakat ini sebanyak 74 Jabatan Pendaftaran Negara di peringkat negeri dan daerah telah pun mengadakan perkhidmatan on-line dan sehingga hujung tahun 2000 ini adalah dijangkakan sebanyak 30 Jabatan Pendaftaran Negara lagi akan menggunakan perkhidmatan on-line. Bagi Jabatan Pendaftaran Negara yang lain, akan dilaksanakan pada tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya dan sekiranya masih terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh, pihak kementerian saya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terakhir sekali kita jemput Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.26 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja yang bersangkutan dengan

Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu telah membangkitkan perkara mengenai kelewatan kes-kes diselesaikan di mahkamah dan dengan itu berlakulah apa yang dipanggil dengan izin, *justice delayed is justice denied*. Sehubungan itu Yang Berhormat menyarankan supaya mengambil langkah-langkah segera bagi menyelesaikan masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Kehakiman telah memulakan langkah-langkah bagi menangani isu kelewatan kes-kes diselesaikan di mahkamah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menambah bilangan bilik bicara di semua peringkat mahkamah di seluruh negara;
- (ii) pengautomasian, pengkomputeran sistem pengendalian dan perbicaraan kes-kes mahkamah;
- (iii) Jabatan Kehakiman telah memohon kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah dan pengisian pegawai dan kakitangan di semua peringkat mahkamah;
- (iv) pengisian jawatan yang kosong di Jabatan Kehakiman telah diluluskan dan sedang diproses bagi pengisian 21 jawatan Pegawai Undang-undang, 267 jurubahasa Melayu, Tamil dan Cina, 23 jurutaip dan 66 kerani perundangan;
- (v) mengadakan operasi kemaskini fail kes-kes di semua peringkat mahkamah di seluruh negara;
- (vi) menghantar pekeling kepada semua mahkamah untuk tidak menangguhkan perbicaraan kes-kes tanpa sebab yang kuat;
- (vii) mengadakan perbincangan dengan peguam dan pihak pendakwa dari masa ke semasa untuk mengatasi masalah yang sama;
- (viii) beberapa kaedah dan peraturan mengenai prosedur perbicaraan telah dikenalpasti untuk dipinda dengan tujuan untuk melicinkan dan mempercepatkan perjalanan perbicaraan kes-kes di mahkamah.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Haji Gapar bin Gurrohu juga telah membangkitkan perkara mengenai kelemahan Sistem Saraan Baru (SSB) di mana beliau mengatakan terdapat banyak kritikan terhadap SSB. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa semenjak pelaksanaan SSB, kerajaan telah mengesan maklum balas mengenai kelemahan-kelemahan pelaksanaan dan isu yang dibangkitkan oleh kakitangan kerajaan. Kerajaan sedang meneliti semua kelemahan, masalah dan isu yang dibangkitkan dan hasil kajian beserta dengan cadangan untuk mengatasi kelemahan, masalah dan isu SSB akan dipertimbangkan oleh kerajaan untuk menambahbaikkan SSB.

Yang Berhormat Senator Puan Jaya Partiban pula meminta supaya Indeks Kualiti Hidup diterbitkan pada setiap tahun dan mencadangkan supaya indeks ini diambil kira dalam perancangan dan penggubalan dasar pembangunan negara, pembangunan sosio-ekonomi sesuatu etnik dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan menerbitkan Laporan Indeks Kualiti Hidup Malaysia setiap tahun sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 September 1998. Indeks Kualiti Hidup beserta dengan petunjuk yang telah digunakan dapat memberi ukuran yang objektif mengenai pembangunan. Ia membolehkan pemantauan dan penelitian yang lebih teratur mengenai pelbagai aspek kualiti hidup. Dengan itu, indeks ini akan dapat menyumbang kepada perancangan pembangunan yang lebih berkesan. Ia akan digunakan dalam perancangan dan penggubalan Dasar Pembangunan Negara, Rancangan Malaysia Kelapan dan lain-lain aspek perancangan yang berkaitan. Indeks Kualiti Hidup Malaysia telah dibentuk menggunakan data mengikut siri masa di peringkat nasional bagi tempoh 19 tahun dan tidak menggunakan data dalam bentuk pecahan seperti kumpulan etnik, wilayah, bandar atau luar bandar. Walau bagaimanapun, bagi perancangan untuk peringkat seperti ini, kumpulan etnik, wilayah, bandar atau luar bandar, selain daripada menggunakan pendapatan sebagai pengukur lain-lain data sosio-ekonomi yang ada boleh digunakan sebagai tamabahan atau pelengkap.

Yang Berhormat Puan Jaya Partiban juga mencadangkan supaya semua kakitangan awam diberi peluang yang sama dari segi kenaikan pangkat, latihan dan sebagainya. Yang Berhormat juga meminta supaya membetulkan keadaan ketidakseimbangan kaum di sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan

sentiasa melaksanakan prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam menangani isu-isu berkaitan pegawai sektor awam. Mengenai kenaikan pangkat pegawai-pegawai, ianya diasaskan kepada kesesuaian di mana Laporan Penilaian Prestasi setiap pegawai menjadi kriteria utama, manakala penempatan pegawai pula adalah berdasarkan kepada kesesuaian dan penerimaan di samping faktor pengalaman dan keupayaan melaksanakan tugas. Justeru itu, faktor kaum tidaklah menjadi kriteria dalam semua aspek pengurusan dan pembangunan sumber manusia. Kerajaan amat prihatin dan akan terus memperkemaskan perancangan dan penempatan pegawai-pegawai di semua peringkat pentadbiran.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor telah membangkitkan perkara mengenai pengeluaran pengesahan Sijil Halal yang dikatakan membebankan syarikat-syarikat.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan pengesahan Sijil Halal JAKIM boleh membuat permohonan melalui Syarikat Ilham Daya Sdn. Bhd. Syarikat ini akan membuat kajian dan pemeriksaan serta mengemukakan laporan lengkap kepada Jawatankuasa Pengesahan Halal JAKIM untuk mendapat pertimbangan dan pengesahan Sijil Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM. Kaedah-kaedah kawal selia yang dilakukan oleh JAKIM adalah dengan mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis. Pemeriksaan ini akan dijalankan bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos sebenar yang dikenakan bagi mendapatkan pengesahan Sijil Halal adalah seperti berikut:

- (i) bagi produk makanan, kadar caj maksimum ialah sebanyak RM1,400 bagi satu produk. Kadar ini boleh diturunkan sehingga kepada RM350 satu produk berasaskan kepada tambahan bahan-bahan ramuan serta kategori pengusaha seperti pengusaha kecil dan pengusaha yang sederhana kecil;
- (ii) bagi restoran, kadar caj maksimum adalah RM5,000 sebuah dan boleh diturun sehingga RM1,000 sebuah berasaskan saiz dan kapasiti tempat duduk;

- (iii) bagi rumah sembelih, kadar caj maksimum boleh dikenakan adalah sebanyak RM3,000 dan boleh diturunkan kepada RM1,000 berasaskan kepada kapasiti bilangan sembelihan sehari;
- (iv) barang gunaan kosmetik dan kulit kadar caj maksimum boleh dikenakan adalah sebanyak RM1,6000 untuk satu produk dan kadarnya boleh diturunkan sehingga RM350 berasaskan kepada penambahan bahan ramuan dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Tuan Parasuraman a/l Sanasamy mencadangkan supaya diperbanyakkan Program Jati Diri dan cintakan negara di kalangan generasi muda bagi membendung pelbagai masalah sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk menangani masalah sosial terutama di kalangan remaja, kerajaan telah melaksanakan Kursus Bina Sahsiah Remaja (KBSR) sejak tahun 1997 selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet bagi menangani masalah sosial. Kursus ini ditujukan khas kepada remaja yang masih bersekolah dan lepasan sekolah terutama pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang dijangka tidak akan meneruskan persekolahan. Kursus ini menggunakan pendekatan bersepadu dan pelbagai dimensi meliputi aspek jasmani, pengetahuan, kemahiran, kognitif, emosi dan kerohanian. Objektif KBSR adalah seperti berikut:

- (i) supaya peserta mempunyai kesedaran tentang potensi diri ke arah pembinaan sikap positif;
- (ii) supaya peserta memiliki dan mempertingkatkan potensi diri dalam keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara;
- (iii) supaya peserta merealisasikan kecemerlangan diri; dan
- (iv) supaya peserta mengukuhkan kecemerlangan diri melalui pelan tindakan peribadi.

Semenjak tahun 1997, sebanyak 63 kursus KBSR telah dilaksanakan dan melibatkan seramai 6,640 orang peserta. Bagi tahun 1999, perancangan KBSR adalah sama seperti tahun 1998 tetapi akibat kegawatan ekonomi dan masalah-masalah lain yang tidak dapat dielakkan, hanya 13 kursus sahaja dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2000, kerajaan merancang untuk melaksanakan sebanyak 62 kursus KBSR yang akan melibatkan penyertaan seramai lebih 6,000 orang pelajar.

Di samping KBSR, kerajaan juga menganjurkan Kursus Bina Negara bagi mempertingkatkan jati diri dan menyemai semangat patriotisme kepada golongan pelajar sekolah menengah, belia dan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta. Sebagai contoh, pada tahun 1999, seramai 28,484 peserta daripada golongan ini telah menyertai kursus dan seminar anjuran kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail ingin tahu bilangan masjid, surau yang disalahgunakan oleh penyokong-penyokong parti pembangkang. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pemantauan dibuat, terdapat 25 buah daripada 79 buah masjid dan surau berjemaah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sering menyalahgunakan masjid dan surau. Walau bagaimanapun, selepas kerja-kerja pemantauan dibuat iaitu bermula pada 25 Januari 2000 hanya terdapat 4 buah masjid dan surau yang masih disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. Masjid dan surau tersebut adalah Masjid Al-Rahman, Masjid Alam Shah, Surau Institut Bahasa dan Surau AL-Ulum. Kerajaan masih berusaha untuk membersihkan masjid dan surau daripada disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga mencadangkan supaya kerajaan mengharamkan remaja dan orang Islam memasuki premis maksiat dan pusat-pusat hiburan bagi menangani gejala sosial di kalangan remaja dan orang Islam. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa isu gejala sosial di kalangan remaja Islam bukanlah semata-mata berpunca daripada memasuki pusat-pusat hiburan, judi dan maksiat. Terdapat faktor-faktor lain yang menjadi punca gejala sosial di kalangan remaja Islam. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji cadangan pengharaman orang Islam memasuki premis maksiat dan pusat-pusat hiburan serta akan merundingkannya dengan pihak berkuasa tempatan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai perpecahan yang melanda umat Islam atau masyarakat Islam sekarang ini. Sukacita saya maklumkan kerajaan amat sedar dan mengambil perhatian yang sangat serius dan tinggi terhadap perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam terutamanya di waktu kebelakangan ini. Gejala ini amat merbahaya kerana ia bukan sahaja mengancam perpaduan di kalangan orang Melayu atau orang Islam tetapi juga boleh mengancam kestabilan dan keselamatan negara.

Perpecahan ini adalah berpunca dari pihak-pihak tertentu terutamanya parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab yang sanggup melakukan apa sahaja

asalkan matlamat dan kepentingan politik mereka yang sempit itu dapat dicapai. Mereka sanggup menyalahafsirkan konsep ajaran dan hukum-hukum Islam. Ini jelas dapat dilihat dengan tindakan mereka yang tidak langsung menghargai atau mengakui bahawa segala usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan selama ini dalam memajukan agama dan masyarakat Islam.

Usaha kerajaan bagi menjadikan negara dan rakyat Malaysia maju dalam perekonomian, perindustrian, pendidikan, sains dan teknologi, pertanian, kebudayaan, pertahanan dan kemudahan sosial ekonomi serta perumahan, hospital dan sebagainya, seolah-olah bukan sebagai tuntutan dan ajaran Islam. Tafsiran parti pembangkang berkenaan jelas amat bertentangan dengan konsep dan kehendak ajaran Islam dan kedudukan Islam sebagai *addin* atau cara hidup.

Bagi mengelakkan gejala perpecahan dan ke arah memantapkan semula perpaduan di kalangan orang Islam, orang Melayu, kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan, di antaranya:

- (i) memberi penjelasan atau penerangan kepada semua peringkat masyarakat terhadap konsep dan ajaran Islam sesuai dengan kedudukan agama Islam itu sebagai *addin* atau cara hidup. Perhatian dan usaha kerajaan yang tinggi kepada aspek ibadah khusus dan fardu kifayah adalah selaras dan meliputi tuntutan Islam;
- (ii) memantapkan lagi undang-undang dan prosedur yang melibatkan urusan mengajar agama, memberi ceramah atau segala bentuk yang seumpamanya seperti usrah, tazkirah, halaqah dan sebagainya. Bagi maksud ini, kerajaan sedang mengkaji semula peruntukan yang terdapat dalam enakmen kepada badan undang-undang agama Islam negeri-negeri dengan tujuan supaya guru-guru dan penceramah yang tidak bertanggungjawab tidak akan dibenarkan untuk memberi ceramah, mengajar atau sebagainya dan hukuman yang keras dikenakan kepada pihak atau individu yang melanggar undang-undang dan peraturan yang tersebut. Bagi maksud ini prosedur pentadbiran masjid dan surau juga akan diperkemaskan;

- (iii) kerajaan telah mengarahkan semua kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan supaya hanya menjemput guru dan penceramah-penceramah yang diluluskan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi mengajar atau berceramah di kementerian, jabatan atau agensi kerajaan. Jabatan telah diarah supaya mereka sendiri mengambil tanggungjawab terhadap urusan meluluskan guru dan penceramah yang akan dijemput ini dan tidak melepaskan kepada badan kebajikan atau agama di jabatan-jabatan seperti yang berlaku sebelum ini. Satu surat pekeliling mengenai perkara ini akan dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim mengatakan supaya pengurusan haji dan umrah tidak seharusnya dimonopoli oleh satu pihak sahaja. Bagi menjawabnya, mengikut Akta 535, Lembaga Tabung Haji, rakyat Malaysia hanya boleh menunaikan fardu haji melalui Tabung Haji. Mana-mana orang perseorangan atau agensi adalah telah tidak dibenarkan sama sekali mengendalikan, mengelola dan mengurus jemaah haji melainkan dengan kebenaran Tabung Haji. Syarikat Swasta yang bercadang untuk mengelola dan mengurus jemaah haji boleh memajukan permohonan kepada Tabung Haji. Pada musim haji 1420 Hijrah bersamaan 2000 Masihi, sebanyak 23 buah syarikat swasta telah diberi kelulusan oleh Tabung Haji untuk menguruskan jemaah haji. Bagi urusan pengendalian umrah, Tabung Haji tidak mempunyai kuasa untuk menghalang atau memberi kebenaran kepada syarikat swasta untuk mengendalikan umrah pada masa ini.

Saya sekali-kali menolak bahawa Tabung Haji memonopoli terhadap pengurusan haji kerana perkataan 'monopoli' seolah-olah Tabung Haji mengambil untung. Sebenarnya Tabung Haji tidak mendapat untung apa-apa tentang pengurusan haji bahkan Tabung Haji memberi subsidi kepada setiap bakal haji kira-kira RM1,200 bagi setiap orang.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, beliau membangkitkan isu bakal-bakal jemaah haji yang ditahan oleh pihak Arab Saudi dan dihantar pulang, beliau menyatakan bahawa mereka ditahan agak lama dan berlarutan tanpa pembelaan. Bagi menjawabnya, bakal-bakal haji yang ditahan oleh pihak berkuasa Arab Saudi adalah jemaah haji yang pergi ke tanah suci menggunakan visa umrah, mereka tidak keluar

atau tidak meninggalkan negara itu setelah tamat tempoh visanya sebaliknya beliau terus tinggal di Tanah Suci bagi tujuan menunaikan haji. Kerajaan Arab Saudi menahan mereka adalah diatas kesalahan mereka yang tinggal di Tanah Suci tanpa permit iaitu tidak mempunyai visa sebagaimana yang telah ditetapkan.

Di dalam urusan mengendalikan jemaah haji, Tabung Haji memang sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan tahap kecekapannya di samping sentiasa berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji. Perkara ini telah diakui oleh kerajaan Arab Saudi dan juga oleh negara-negara Islam di negeri-negeri seluruh dunia di mana Tabung Haji Malaysia telah menerima pelbagai anugerah termasuk menerima persijilan MSIO 9002. Beberapa buah negara Islam juga telah menghantar wakilnya untuk mempelajari sistem pengurusan Tabung Haji yang telah berjaya bukan sahaja di dalam pengurusan jemaah haji tetapi juga menguruskan kewangan jemaah haji.

Mengenai kuota pula, ianya telah ditetapkan oleh Persidangan Menteri-menteri Luar OIC di mana setiap negara hanya diberi kuota haji sebanyak 0.01% daripada satu juta penduduk negara yakni seribu bagi setiap sejuta. Sekiranya terdapat tambahan kuota ianya adalah diatas ehsan Kerajaan Arab Saudi kerana hubungan erat di kedua-dua negara di samping kecemerlangan pengurusan haji oleh Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kecemerlangan Tabung Haji dalam menguruskan hal haji maka Kerajaan Arab Saudi telah mencadangkan supaya satu seminar Bengkel Pengurusan Haji Antarabangsa diadakan dan Malaysia menjadi tuan rumah dan insya-Allah perkara ini akan ditunaikan. Tujuannya ialah supaya pengalaman dan cara-cara Malaysia mengendalikan jemaah haji dapat diambil pakai oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi: Segala jawapan telah pun selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh.”

hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh.”

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.

LAMPIRAN

April 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)

- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara
Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

Jilid II**Bil. 4****Khamis****20 April 2000**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Ucapan Takziah Atas Kembalinya Kerahmatullah Allahyarham
Puan Hajah Salmiah Hashim (Bekas Senator)

(Halaman 20)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang Di-Pertuan Agong:
- *Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu*

(Halaman 20)

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 109)

